

**DEWAN NEGARA  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGKAL PERTAMA  
MESYUARAT KEDUA**

---

---

**Bil. 12**

**Rabu**

**9 Oktober 2013**

---

**K A N D U N G A N**

<b>JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Halaman 1)
<b>RANG UNDANG-UNDANG:</b> Rang Undang-undang Pencegahan Jenayah (Pindaan dan Pernerluasan) 2013	(Halaman 27)
<b>USUL:</b> Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebeaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 79)

**MALAYSIA**  
**DEWAN NEGARA**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS**  
**PENGGAL PERTAMA**  
**MESYUARAT KEDUA**  
**Rabu, 9 Oktober 2013**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh** minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan tentang status Perjanjian ASEAN 'Transboundary Haze Pollution'. Apakah langkah-langkah yang telah ditetapkan oleh kementerian supaya dapat bertindak dengan segera apabila negara kita berhadapan dengan masalah jerebu.

**Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato' Dr. James Dawos Mamit]:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini bersekali dengan soalan nombor 94 hari ini daripada Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah dan soalan daripada Yang Berhormat Senator Datuk Haji Yunus bin Kurus pada 10 Oktober 2013 memandangkan ia menyentuh isu yang sama iaitu jerebu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, episod jerebu yang melanda Malaysia saban tahun merupakan jerebu merentasi sempadan. Ia berlaku akibat kebakaran tanah gambut yang berleluasa dan tidak terkawal di Sumatera, Indonesia. Antara usaha kementerian ini bagi meningkatkan langkah-langkah pencegahan jerebu merentasi sempadan adalah melalui platform rundingan dan kerjasama setiakawan ASEAN di peringkat *bilateral* dan serantau termasuk *Sub-Regional Minister Steering Committee on Transboundry Haze Pollution* (MSC).

Kerajaan Malaysia dan negara ahli MSC yang lain telah menggesa Kerajaan Indonesia untuk meratifikasikan perjanjian ASEAN mengenai pencemaran jerebu merentasi sempadan dalam Mesyuarat MSC ke-15 pada 17 Julai 2013 di Kuala Lumpur. Hasilnya, Kerajaan Indonesia telah memberikan komitmen untuk segera meratifikasikan

perjanjian ini. Malaysia melalui mesyuarat *Conference of Parties (COP) to The ASEAN Agreement on Transboundary Haze Pollution* ke-9 di Surabaya, Indonesia pada 25 September 2013 telah sekali lagi dengan tegasnya menggesa agar Kerajaan Indonesia untuk segera meratifikasikan perjanjian ASEAN mengenai pencemaran jerebu merentasi sempadan selewat-lewatnya pada awal tahun 2014. Perkara ini juga akan dibincangkan di dalam Mesyuarat Peringkat Ketua Negara ASEAN di Brunei Darussalam pada bulan Oktober 2013 ini.

Kementerian difahamkan bahawa Kerajaan Indonesia ini di peringkat akhir untuk membentangkan dokumen ratifikasi perjanjian tersebut kepada Parlimen Indonesia. Di samping itu, kerajaan juga melaksanakan langkah-langkah yang telah ditetapkan di bawah Pelan Tindakan Jerebu Kebangsaan sebagai mekanisme tindak balas ke atas masalah jerebu. Pelan ini menggariskan gerak kerja serta tindakan yang perlu diambil oleh agensi-agensi kerajaan di peringkat kementerian dan jabatan mengikut tahap amaran tertentu ataupun *alert level* yang diselaraskan berdasarkan bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU). Antara gerak kerja atau tindakan yang digariskan mengikut tahap amaran tertentu iaitu *alert level* adalah seperti penutupan sekolah yang diselaraskan oleh Kementerian Pendidikan apabila bacaan IPU melebihi 200 dan pengisytiharan darurat bencana jerebu yang diselaraskan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN), Jabatan Perdana Menteri, apabila IPU di sesuatu kawasan melebihi 500. Sekian, terima kasih.

**Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh:** Terima kasih saya ucapkan kepada Timbalan Menteri di atas jawapan yang telah diberikan. Baru-baru ini kita mendapat berita daripada akhbar-akhbar, *journal international*, dengan izin, bahawa Malaysia dan Indonesia telah menandatangani satu perjanjian untuk menukar, dengan izin, *digital geo reference maps* di mana informasi daripada mana dan waktu punca kebakaran hutan boleh dapati supaya kita dapat tahu siapakah yang bertanggungjawab memulakan pembakaran ini.

#### ■ 1010

Ini bererti pihak berkuasa dapat bertindak ke atas syarikat-syarikat yang tidak bertanggungjawab. Soalan saya ialah dari segi undang-undang, bolehkah Kerajaan Malaysia mengambil tindakan ke atas syarikat-syarikat terutamanya anak syarikat Malaysia yang tidak bertanggungjawab memulakan kebakaran-kebakaran hutan ini di negara Indonesia.

Kedua, selain daripada hendak tahu punca kebakaran atau waktu kebakaran, apakah *benefit* lain dengan izin, daripada penukaran *geo reference map* dan adakah ini

bererti pihak Indonesia akan meminta masa yang lebih panjang lagi untuk meratifikasikan *agreement transborder haze pollution* ini. Bukankah ini satu risiko untuk negara kita? Terima kasih.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Terima kasih Yang Berhormat Senator atas soalan tambahan yang cukup baik itu. Yang sebenarnya, *geo reference map* ataupun *geospatial data* adalah satu usaha yang negara kita guna pakai untuk mengenal pasti titik panas ataupun *hot spot* di mana pembakaran berlaku sama ada di negara jiran ataupun di negara kita sendiri.

Walaupun demikian, itulah sebabnya syarikat-syarikat perladangan Malaysia yang bertapak di Indonesia itu, apabila ada kritikan mengatakan bahawa merekalah yang membakar, inilah yang mereka guna pakai, *geospatial data* untuk memastikan bahawa ia tidak berlaku. Bukannya mereka yang membuat pembakaran terbuka. Senang sahaja sekarang, dengan adanya digital *geo reference map* ini sekarang. Jadi oleh itu, kita tidak dapat ambil tindakan apabila syarikat kita di negara itu membuat pembakaran. Ini kita juga telah berbincang dengan pihak Indonesia apabila pihak Indonesia mengatakan ini syarikat Malaysia. Akan tetapi syarikat-syarikat Malaysia memang *deny* atau mengatakan tidak. So, apa yang kita beritahu dengan Indonesia ialah ambillah tindakan mengikut perundangan yang sedia ada di Indonesia jika benar dia membakar.

Jadi itulah masalah kita tidak boleh menggunakan undang-undang kita untuk pembakaran terbuka ini di Indonesia sebab ada 30 bilangan syarikat Malaysia yang membuat perladangan dan bertapak di Indonesia. Terima kasih Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk mengemukakan soalan tambahan. Saya menyedari tentang keengganan atau keliatan pihak Indonesia untuk menandatangani perjanjian yang telah didraf ini. Di samping itu, saya rasa kita tidak perlu menunggu perjanjian itu ditandatangani. Kita patut mengambil inisiatif melakukan transaksi-transaksi *bilateral* di bidang-bidang lain. Umpamanya yang saya terfikir, bagaimana kalau sekiranya pihak kementerian, di pihak kita menaja (*sponsor*) penyelidikan bersama antara Universiti Riau dengan Universiti Malaya mengenai jerebu ini.

Jadi ada *approach* akademiknya, ada *approach* politiknya, ada *approach environmentalnya*. Jadi saya rasa kerana perkara ini memang rumit, maka kita harus mencari alternatif-alternatif penyelesaian. Tidak boleh bergantung kepada yang bersifat terlalu formal dalam bentuk perjanjian ini sahaja. Perlu diusahakan pendekatan-pendekatan yang lain.

Antara yang saya rasa dapat dilakukan dengan segera ialah menaja (*sponsor*) penyelidikan bersama dari segi *environment* antara Universiti Riau dengan Universiti Malaya umpamanya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Firdaus. Tuan Yang di-Pertua, negara kita juga telah melaksanakan kerjasama dengan pihak jiran iaitu pihak Indonesia untuk mengambil beberapa langkah seperti langkah untuk membina *check dam* dan juga untuk membina *watch tower* dan *tube well* di Indonesia atau di Riau. Itu semuanya kita sudah buat kerana kita juga ada *memorandum of understanding* untuk buat kerja *collaboration in preventive measures to deal with land and forest fires and haze in Riau*. Itu kita telah buat sejak tahun 2008 dan 2009 dan kita buat apa yang saya sebut tadi ialah *check dam*, *tube well* dan *watch tower* di situ. Kita juga *sponsor* mereka buat itu.

Akan tetapi yang disebut oleh Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Firdaus tadi, kerjasama daripada segi penyelidikan itu amat penting. Saya setuju sebab saya sendiri pun ingin menyertai penyelidikan apabila ia dibuat di Riau antara universiti-universiti. Saya adalah orang yang pertama dalam negara ini membuat penyelidikan jerebu di Sarawak dahulu pada tahun 1997 dan 1998 dengan kerjasama pakar-pakar daripada Kanada. Saya ada laporan, tetapi saya sedang cari laporan itu di manakah saya simpan laporan itu. Ini penting, Yang Berhormat. Saya setuju dengan Yang Berhormat bahawa kita perlu buat penyelidikan. Ini kerana apa yang kadangkala rakyat tidak faham ialah kenapa jerebu berlaku, di mana jerebu berlaku? Ini kerana kebakaran terbuka di tanah gambut dan tanah gambut ini ada tiga jenis iaitu dengan izin:

- (i) *shallow deep peat*;
- (ii) *medium deep peat*; dan
- (iii) *deep peat*.

Ini perlu kita fahami supaya pembakaran terbuka ini dapat dikawal. Di manakah mereka boleh membakar dan di manakah mereka tidak boleh membakar. Ini kerana kita tidak dapat memberhentikan tugas-tugas orang kampung di sana kerana mencari rezeki ataupun untuk tanam sayuran dan makanan untuk menyara hidup mereka sendiri. Itu orang luar bandar. Terima kasih Yang Berhormat. Saya setuju dengan itu.

**2. Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit** minta Menteri Pendidikan menyatakan status terkini pelajar-pelajar yang melanjutkan pelajaran di Mesir dan bagaimanakah Kementerian menangani isu keselamatan pelajar di sana serta langkah efektif yang diambil dengan menawarkan baki pengajian di institusi dalam negara dan institusi luar negara yang lebih stabil agar kesinambungan pengajian pelajar-pelajar kita di Mesir ditangani secara berhemah dan efektif.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin]:**

Tuan Yang di-Pertua, soalan ini sebenarnya sudah dijawab di Dewan Parlimen pada 25 September 2013. Memandangkan soalan ini ditanya lagi di Dewan Negara, ini sudah membuat satu implikasi yang begitu positif tentang keprihatinan yang diberikan kepada pelajar yang melanjutkan pelajaran di Mesir.

Tuan Yang di-Pertua, keadaan di Mesir sekarang adalah tidak stabil ekoran daripada tindakan meleraikan perhimpunan penyokong bekas presiden di beberapa kawasan panas. Berdasarkan tinjauan lapangan ke Mesir pada 24 Ogos 2013 hingga 26 Ogos 2013, pergolakan di Mesir akan berlarutan dan tidak akan berakhir dalam jangka masa terdekat. Sehubungan dengan itu, kerajaan telah mengambil beberapa tindakan bagi memberi alternatif kepada pelajar-pelajar yang ingin menyambung pengajian di institusi pengajian tinggi (IPT) di Malaysia. Keadaan ini juga menyebabkan semua pemergian pelajar baru ditangguhkan untuk sesi 2013/2014 yang sepatutnya bermula pada September 2013.

**■1020**

Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat Kementerian Pendidikan Malaysia atau KPM sentiasa mengambil berat keselamatan dan kepentingan pengajian pelajar-pelajar Malaysia di Mesir. Oleh itu Education Malaysian Egypt dengan izin atau EME dengan kerjasama Kedutaan Besar Malaysia Kaherah (KBMK) telah memindahkan pelajar-pelajar di kawasan panas ke kawasan yang lebih selamat. Sehubungan dengan itu semua pelajar Malaysia yang berada di Mesir diarahkan supaya berada dalam rumah masing-masing dan dinasihatkan tidak melibatkan diri dalam sebarang perhimpunan serta sentiasa mematuhi arahan KBMK dan EME.

Susulan daripada pertemuan pihak Kementerian Pendidikan Malaysia dengan para ibu bapa dan pelajar-pelajar pada 12 September 2013, Mesyuarat Jemaah Menteri pada 18 September 2013 telah mengambil keputusan untuk membenarkan pelajar-pelajar Malaysia daripada universiti di Mesir yang memilih untuk menyambung di IPT di Malaysia dalam bidang perubatan, pergigian dan farmasi dibolehkan melaksanakan pemindahan kredit berdasarkan prinsip *parole* dengan izin *minus one row* dengan izin berdasarkan tahun pengajian secara *one-off* dengan izin.

Walau bagaimanapun, penempatan pelajar-pelajar di IPT di Malaysia tidak melibatkan pelajar-pelajar yang sedang mengikuti program klinikal bagi bidang perubatan dan pergigian. Bagi pemindahan kredit bidang Pengajian Islam pula adalah mengikut syarat yang ditetapkan oleh Agensi Kelayakan Malaysia atau *the Malaysian Qualification Agency*, dengan izin atau MQA.

Bagi melicinkan pengurusan pengajian pelajar yang akan meneruskan pengajian di IPT di Malaysia maka satu jawatankuasa yang dinamakan Jawatankuasa Pengurusan Pengajian Pelajar Malaysia di Mesir atau JPPPM telah ditubuhkan, yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Jabatan Pengajian Tinggi dan turut dianggotai oleh wakil-wakil daripada Majlis Perubatan Malaysia, Majlis Pergigian Malaysia, Lembaga Farmasi Malaysia dan agensi penaja Kerajaan Persekutuan dan negeri. Jawatankuasa ini berfungsi bagi merancang, menyelaraskan dan mengurus hal-hal berkaitan dengan pengurusan pengajian dan pemindahan kredit berdasarkan prinsip *parole* atau *minus one row*, dengan izin atau mengikut MQA. Sekian, terima kasih.

**Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ada soalan. Saya mohon penjelasan daripada kementerian berapakah jumlah pelajar di Mesir yang memohon untuk pulang ke Malaysia dan menyambung pengajian di IPTA dan IPTS tempatan. Dan juga berapakah jumlah pelajar yang telah berpindah ke universiti tempatan menerima *cross credit* ataupun *one-off row* tadi yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi. Bagaimanakah pula kesinambungan kontrak tajaan biasiswa atau pinjaman bagi agensi bukan kerajaan yang menaja pengajian di Mesir serta bantuan yang diatitkan kepada pelajar. Saya juga ingin menambah sama ada pihak kementerian ada menguruskan bagi baki pengajian itu dapat dibiayai atau pinjaman daripada PTPTN. Terima kasih.

**Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin:** Terima kasih atas soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dan ini ada berkaitan dengan tiga perkara. Perkara yang pertama ada berkaitan dengan bilangan pelajar yang sudah berdaftar dan saya hendak sampaikan kepada Yang Berhormat bahawa proses pendaftaran untuk sambung atau menyambung pelajaran di IPT sudah diusahakan pada 24 September hingga 8 Oktober. Memandangkan hari kelmarin iaitu 8 Oktober pendaftaran sudah tamat, makanya JPPPM akan berusaha untuk membuat penelitian tentang kemasukan pelajar atau pendaftaran pelajar yang hendak sambung pelajaran di IPT Malaysia.

Berkaitan dengan menerima *cross credit* ini juga memandangkan kita baru tamat pendaftaran untuk pelajar, jadi proses ini masih dalam penelitian. Berkaitan dengan tajaan. Pelajar-pelajar yang menerima tajaan dari kerajaan tajaan atau biasiswa

diteruskan dan untuk yang tidak menerima biasiswa makanya kerajaan atau Kementerian Pendidikan Malaysia akan melihat sejauh mana Kementerian Pendidikan boleh membantu mereka. Contohnya mereka juga boleh memohon PTPTN. Sekian terima kasih.

**Dato' Dr. Johari bin Mat:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada pihak Menteri berapa jumlah keseluruhan pelajar kita yang berada di Mesir dan berapa pula jumlah yang telah dibawa pulang ke negara baru-baru ini. Kemudian pelajar-pelajar yang telah diberi tawaran tadi, pelajar yang telah dibawa balik tadi adakah mereka ada peluang kalau mereka hendak pulang, menyambung pelajaran di tempat yang sama, kalau sekiranya situasi yang telah diberi tadi menunjukkan tidak berapa tenteram atau tidak berapa stabil. Kalau sekiranya mereka ingin pulang ke sana, apa pandangan atau sikap pihak kerajaan terhadap kemahuan mereka itu.

**Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin:** Terima kasih Yang Berhormat. Berkaitan dengan bilangan pelajar yang sudah dibawa pulang, jadi Kerajaan Malaysia telah melaksanakan evakuasi pelajar secara sukarela mulai 21 Ogos 2013 dan membawa pulang seramai 2791 orang. Selebihnya telah pulang bercuti di Malaysia sebelum Ops Pyramid yang kedua dijalankan. Sekarang kita masih terdapat seramai 583 orang yang tidak pulang atas sebab yang tertentu seperti akademik.

Berkaitan dengan pelajar yang hendak sambung pelajaran di Mesir apabila suasana di Mesir dianggap selamat, jadi ini merupakan satu pilihan kepada pelajar. Jadi ini bermakna bahawa sekiranya mereka hendak balik ke Mesir untuk melanjutkan pelajaran mereka, mereka dibenarkan. Terima kasih.

**3. Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan jumlah dagangan dan eksport produk berkaitan teknologi mesra alam dan makanan kesihatan oleh syarikat Malaysia ke luar negara dan nyatakan potensinya bagi pasaran China dan ASEAN.

**Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman. Sebelum itu Tuan Yang di-Pertua saya sebut dahulu tentang produk teknologi hijau atau mesra alam. Ini adalah merujuk kepada produk, peralatan atau sistem yang meminimumkan depresi kualiti persekitaran yang mempunyai pembebasan gas rumah hijau yang rendah atau sifar, menjimatkan tenaga, sumber asli dan menggalakkan sumber-sumber yang boleh diperbaharui.



**■1030**

Jadi, berhubung dengan soalan Yang Berhormat Senator tadi, saya hendak sebut di sini ialah jumlah dagangan produk mesra alam di Malaysia setakat ini cuma 10.5 ataupun 10.6 bilion pada tahun lepas. Kita berjaya eksport sebanyak 9.4 bilion, itu produk teknologi hijau atau mesra alam. Bagi produk makanan kesihatan pula angkanya masih kecil iaitu jumlah dagangan 852.5 juta, kita hanya eksport RM244.6 dan kita import pula banyak, iaitu RM607.9 yang menunjukkan bahawa produk makanan kesihatan kita lebih banyak import daripada eksport.

Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, saya hendak ucap tahniah kepada Yang Berhormat Senator Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman kerana mengajukan soalan ini yang jarang-jarang orang tanya kerana ia merujuk kepada dua perkara iaitu jumlah dagangan teknologi hijau dalam negara kita dan juga produk makanan kesihatan. Jadi, kalau Yang Berhormat Senator juga bertanya tentang potensi, saya hendak sebut di sini bahawa potensinya adalah sangat baik berdasarkan kepada peningkatan jumlah pendapatan bagi rakyat Malaysia dan juga bagi rakyat keseluruhan di ASEAN, termasuk di China. Selain daripada kesedaran terhadap penjagaan alam sekitar, kepentingan penjagaan kesihatan dan cara hidup sihat, penerimaan baik terhadap kualiti, keselamatan dan juga jenama produk Malaysia serta kesan positif melalui pembukaan pasaran berikutan pelaksanaan Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) dengan negara-negara lain di rantau ini. Sekian, terima kasih.

**Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman:** Yang Berhormat Menteri, soalan tambahan saya, memandangkan potensi perdagangan atas talian iaitu *online business* tidak boleh kita nafikan. Sehingga Ogos tahun ini penjualan bahan makanan atas talian di negeri China bernilai 40 bilion Yuan bersamaan dengan RM21 bilion. Contohnya, bagi Syarikat **Tobow** yang dikunjungi oleh 10 juta pelanggan setiap minit. Soalan saya adalah, adakah pihak kementerian mempunyai *team* untuk mengkaji ruang dan peluang perniagaan *online* di China?

Seterusnya saya juga ingin bertanya, sejauh manakah kejayaan penyertaan Malaysia dalam Ekspo China-ASEAN pada tahun 2013 untuk mengembangkan perniagaan dalam produk yang berkaitan? Sekian, terima kasih.

**Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri:** Tuan Yang di-Pertua, tentang satu kumpulan yang di tanya oleh pihak Yang Berhormat Senator tadi, sama ada kita membuat kajian tentang kemungkinan untuk meningkatkan jumlah dagangan ataupun jumlah jualan, yang lebih tepat lagi produk makanan kesihatan dan lain-lain. Sebenarnya di bawah MATRADE ada satu *section* tersebut. Di mana MATRADE yang baru sahaja diterajui oleh seorang

wanita, yang memang wanita ini minat dengan jualan atas talian, sedang mengarah kepada aktiviti tersebut. Jadi, hasilnya kita akan lihat dalam tempoh yang terdekat ini.

Tentang ekspo di China terus-terang saya katakan saya tidak mempunyai angka. Buat masa ini belum ada satu kajian terperinci tentang kejayaan ekspo produk kita di China kerana masih lagi terlalu awal dan kita masih menunggu maklum balas dari mereka-mereka yang telah pun menyertai ekspo tersebut. Sekian, terima kasih.

**To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana kita ketahui penduduk China berjumlah 1.35 bilion, menunjukkan permintaan tinggi terhadap produk teknologi mesra alam dan makanan kesihatan berikutan peningkatan penggunaannya di kalangan rakyat Cina. Jadi, soalan saya Tuan Yang di-pertua, sejauh manakah kejayaan misi perdagangan dan pelaburan MITI bagi menarik syarikat China menjadikan Malaysia sebagai hab serantau dan global mereka? Terima kasih Tuan Yang di-pertua.

**Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri:** Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Senator, saya tidak ada angka yang tepat. Saya tidak ada angka tentang jumlah dagangan yang boleh kita terjemahkan dalam bentuk kejayaan terhadap beberapa misi kita, tentang dagangan di China, saya tidak ada jumlah tersebut. Akan tetapi saya hendak sebutkan di sini bahawa berdasarkan kepada jumlah eksport yang saya sebutkan tadi dalam produk teknologi hijau sahaja sebenarnya banyak mengarah ke sana. Jadi, itu menunjukkan bahawa misi kita menunjukkan trend ke arah satu peningkatan dan *insya-Allah* lebih berjaya pada masa yang akan datang.

**4. Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan bilangan kemalangan perindustrian yang telah dilaporkan pada tahun 2012 dan 2013 dengan butiran bilangan maut, hilang upaya dan lain-lain kecederaan dan juga nyatakan langkah-langkah yang akan diambil untuk mewujudkan satu budaya kerja yang mementingkan keselamatan.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih banyak dan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah di atas keprihatinan tentang masalah keselamatan pekerja di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya terdapat 10 sektor pekerjaan di negara kita ini yang sering berlaku kemalangan, yang boleh saya sebutkan ialah sektor pengilangan,

perlombongan dan kuari, pembinaan, pertanian, perhutanan dan perikanan, kemudahan pengangkutan penyimpanan komunikasi, sektor perdagangan borong dan runcit. Sektor perhotelan dan restoran, sektor kewangan, insurans, hartanah dan perkhidmatan dan yang kesepuluh ialah sektor perkhidmatan.

Berhubung soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator, bagi tahun 2012 statistik kemalangan menunjukkan sektor pengilangan menjadi penyumbang kepada 64% kes kemalangan bagi tidak hilang upaya. Maksudnya kemalangan tidak hilang upaya kekal, maksudnya tidak kekal dan 70% bagi hilang upaya kekal. Sektor pembinaan pula menyumbang 30% kepada kes kematian. Sementara itu sektor pengilangan dan pertanian masing-masing menyumbang 23% kepada kes kematian.

Perangkaan *detail* yang boleh saya sebut dalam kemalangan bagi tahun 2012 ini yang melibatkan 10 sektor tadi, saya sebut Tuan Yang di-pertua secara *summary* sahaja atau rumusannya kerana ia agak panjang juga. Sejumlah 171 kemalangan maut yang melibatkan 10 sektor tadi. Kemalangan hilang upaya tidak kekal 2,383, hilang upaya kekal 206 dan jumlah semua sekali ialah 2,760 kemalangan.

Manakala bagi 2013 sehingga Mei menunjukkan sektor pengilangan menjadi penyumbang kepada 62% kes kemalangan hilang upaya tidak kekal dan 75% bagi hilang upaya kekal. Sektor pengilangan menyumbang 44% kepada kes kematian. Sementara itu sektor pembinaan pula menyumbang 32% kepada kes kematian. Secara perangkaan, *detail* nya ada pada saya ini Tuan Yang di-pertua dan Yang Berhormat Senator. Saya bacakan secara rumusannya. Yang melibatkan 10 sektor yang telah pun saya sebutkan tadi ialah bagi tahun 2013, kes kemalangan kematian ialah 68%, kes kemalangan hilang upaya tidak kekal 1,099, hilang upaya kekal 91 dan jumlah keseluruhan ialah 1,248, ini sehingga Mei 2013.

#### ■1040

Hasil analisis berterusan ke atas kejadian kemalangan JKKP di bawah Kementerian Sumber Manusia memberi fokus kepada aktiviti-aktiviti penguatkuasaan. Penetapan standard dan promosi menjurus kepada sektor yang menyumbang kepada kemalangan iaitu pengilangan, pembinaan dan pertanian.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai langkah-langkah yang diambil oleh kementerian, antara langkah-langkah yang diambil bagi mewujudkan budaya kerja yang mementingkan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja adalah seperti berikut:

- (i) di bawah Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, penguatkuasaan dan audit KKP (Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan) yang berterusan. Jabatan Keselamatan dan Kesihatan

Pekerjaan (JKKP) di bawah Kementerian Sumber Manusia telah menjalankan audit pematuhan terhadap perundangan keselamatan dan kesihatan. Ini di bawah Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan [Akta 514] tahun 1994 ke atas semua sektor pekerjaan. Sebanyak 177,000 bilangan penguatkuasaan KKP (Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan) dalam semua sektor industri telah dilaksanakan pada tahun 2013;

- (ii) penetapan standard yang berkaitan dengan keselamatan, kesihatan dan kebajikan pekerja dikaji dan digubal dan disediakan daripada semasa ke semasa. Ini bertujuan untuk memastikan standard yang digubal adalah relevan dengan risiko keselamatan dan kesihatan semasa berada di tempat kerja;
- (iii) promosi dan latihan dalam usaha JKKP (Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan) untuk meningkatkan kesedaran, keselamatan dan kesihatan pekerjaan dalam kalangan pekerja dan majikan, penerangan dan pendedahan berkaitan dengan perundangan keselamatan dan kesihatan telah banyak dilaksanakan. Ini bertujuan supaya semua perundangan yang berkaitan dengan keselamatan dan kesihatan pekerjaan dapat dipatuhi;
- (iv) pelan strategik jangka panjang bagi keselamatan dan kesihatan pekerjaan dari tahun 2011 hingga 2015 yang mana pelan (OSH - MP 15) ini telah menyatakan peningkatan tahap keselamatan, kesihatan dan kebajikan di tempat kerja. Ini termasuklah menetapkan objektif pengurangan kadar kemalangan maut sebanyak 20%;
- (v) mengenakan tindakan undang-undang bagi majikan yang gagal mematuhi peruntukan perundangan KKP (Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan). Di antara lain juga kita memberikan kesedaran kepada massa iaitu masyarakat umum dan keluarga supaya kalau ada keluarga mereka yang bekerja – dalam keluarganya mengingatkan sama ada ibu ataupun bapa supaya berhati-hati dalam perjalanan untuk pergi bekerja dan sebagainya.

Begitu juga kita menekankan kesedaran di peringkat sekolah yang mana kita ada program *OSH in School*. Maknanya kita masuk ke sekolah-sekolah dan kita berikan kesedaran kepada anak-anak pelajar kita.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya ada lagi langkah lain yang dilakukan oleh kerajaan melalui PERKESO yang bolehlah saya sebutkan sedikit secara ringkas iaitu penubuhan Jawatankuasa Pencegahan Bencana PERKESO, Kursus Kesedaran Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan yang kita lakukan. Pada tahun ini sahaja kita sudah adakan sebanyak 350 program kursus kesedaran pencegahan kemalangan industri dan 156 kursus melibatkan pencegahan jalan raya yang dianjurkan bersama dengan PERKESO. Khidmat rundingan OSH kepada majikan-majikan, seminar pencegahan kemalangan dan kempen perjalanan selamat di peringkat kebangsaan. Pengiklanan dan poster bertujuan mempromosi dan memberikan kesedaran kepada masyarakat umum tentang pentingnya menjaga keselamatan semasa kita menjalankan pekerjaan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan yang terperinci dengan agak panjang. Soalan tambahan saya ialah apakah remedi yang sedia ada kepada pekerja yang hilang upaya atau cedera dalam keadaan di mana majikan tidak berdaftar dengan PERKESO? Remedi yang sedia ada. Terima kasih.

**Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator, sebab itulah antara langkah yang diambil oleh PERKESO untuk memastikan supaya pekerja kita dilindungi, diberikan jaminan masa depan mereka. Oleh sebab itulah, PERKESO juga membuat tindakan penguatkuasaan, memastikan semua majikan yang mengambil pekerja mestilah mereka mendaftarkan pekerja mereka supaya mereka dilindungi oleh PERKESO.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Tuan Yang di-Pertua, PERKESO merupakan satu badan agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia yang telah menyumbangkan cukup besar kepada kepentingan ataupun faedah pekerja-pekerja kita. Saya ambil contoh bagi tahun 2012, sejumlah RM2 bilion perbelanjaan telah dikeluarkan oleh PERKESO dalam kita membiayai pampasan dan sebagainya yang melibatkan seramai 397,541 orang pekerja ataupun pencarum. Bagi tahun ini 2013 sehingga bulan Julai, sejumlah RM1.2 bilion telah pun dibelanjakan oleh kerajaan, oleh PERKESO khususnya dengan melibatkan seramai 369,956 pencarum ataupun penerima faedah daripada PERKESO ini.

Kita mengharapkan supaya bukan sahaja pekerja, bahkan majikan mestilah bertanggungjawab kerana kemalangan yang menimpa pekerja-pekerja kita ini bukan sahaja kerugian kepada pekerja itu sendiri dan keluarga mereka tetapi kerugian kepada majikan kerana mereka mungkin telah lama melatih pekerja ini yang menjadi pekerja

mahir dan dalam masa yang sama, dia juga mendatangkan kerugian kepada negara. Boleh menjejaskan matlamat kita untuk mencapai tahap 50% pekerja mahir dalam tahun 2020. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Lim Nget Yoon:** Saya hendak mendapatkan pandangan oleh Yang Berhormat tentang langkah-langkah yang diambil oleh kementerian yang langkah-langkah itu sudah cukup baik atau cukup berkesan memandangkan jumlah kemalangan semakin meningkat termasuk kemalangan sebuah bas mengakibatkan kemalangan di Genting Highlands dan banyak maut ditimbulkan? Terima kasih.

**Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya cukup tertarik dengan soalan yang ditanyakan oleh Yang Berhormat Senator. Ini satu perhatian yang cukup menyeluruh. Oleh sebab itulah saya tidak hendak menekankan bahawa usaha yang dibuat oleh kementerian, bukan Kementerian Sumber Manusia sahaja bahkan semua kementerian lain seharusnya, sewajibnya secara bersama, secara *Blue Ocean Strategy* ataupun *collective responsibility*, dengan izin tanggungjawab bersama memastikan supaya keselamatan pekerja ini – saya bagi kementerian saya, mungkin dalam bidang pekerja swasta Tuan Yang di-Pertua. Kita ada juga pekerja asing yang juga menyumbang kepada tenaga kerja di negara kita.

Jadi macam kemalangan jalan raya itu mungkin akan melibatkan Kementerian Pengangkutan dan lain-lain. Akan tetapi, kalau melibatkan kesilapan kesalahan mungkin pekerjaan dan sebagainya ataupun majikan mungkin kita juga ada peranan bersama. Oleh sebab itulah saya harap kita di bawah kementerian sentiasa mengkaji, melihat balik apakah pendekatan yang kita ambil hari ini telah cukup berkesan sebab pada saya sebab itu saya sebutkan tadi kementerian kita berharap supaya bukan sahaja kementerian, bukan sahaja majikan yang sedar tentang kepentingan keselamatan ini tetapi pekerja juga penting. Bahkan ibu bapa, keluarga juga penting, bahkan masyarakat umum juga penting untuk melihat, memberikan kesedaran kepada seluruh masyarakat kita bahawa keselamatan semasa menjalankan pekerjaan adalah juga penting.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sedikit tambah. Di samping pekerja tempatan, pampasan dan bayaran dibuat kepada pekerja yang mendapat kemalangan dalam negara kita bagi pekerja tempatan ialah dilakukan oleh PERKESO. Sementara bagi pekerja asing, kita ada pekerja asing yang cukup ramai. Kita ada 2.1 juta orang pekerja asing di negara kita walaupun telah menurun. Cukup ramai dan mereka juga terlibat dengan kemalangan. Kita juga berdasarkan undang-undang buruh antarabangsa dan kita tidak boleh mendiskriminasikan mereka ini

**■1050**

Oleh sebab itulah kalau kita lihat, saya ambil contoh Tuan Yang di-Pertua, di bawah tanggungan kementerian kita Jabatan Tenaga Kerja, Kementerian Sumber Manusia, pada tahun ini sehingga 8 Oktober, baru lagi, semalam. Sebanyak 1,878 kes melibatkan kemalangan pekerja asing dari Bangladesh hinggalah sampai ke Vietnam. Kita terpaksa membayar, membantu mereka ini. Ini di bawah satu akta yang lain di bawah Kementerian Sumber Manusia. Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengucapkan terima kasih kerana kita ada Skim Pelan dan Perlindungan Insurans Kesihatan Pekerja Asing di bawah Kementerian Kesihatan. Ini juga peranan yang cukup yang baik diberikan oleh Kementerian Kesihatan dalam kita menangani isu kemalangan yang menimpa pekerja kita di negara ini bukan sahaja kepada pekerja tempatan tetapi juga pekerja asing. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Senator.

**5. Puan Chew Lee Giok** minta Menteri Pertahanan menyatakan apakah perancangan untuk memperkuatkan pertahanan di pantai Sabah.

**Timbalan Menteri Pertahanan [Datuk Abdul Rahim bin Bakri]:** Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan sememangnya komited di dalam mengukuhkan pertahanan dan kedaulatan negara khususnya di Pantai Timur Sabah. Kerajaan telah mengambil pelbagai langkah. Di antaranya ialah seperti berikut;

- (i) menubuhkan kawasan keselamatan di Pantai Timur Sabah atau dikenali sebagai ESSZONE di bawah pentadbiran dan kawal selia Eastern Sabah Security Command (ESSCOM) pada 7 Mac 2013 yang berpusat di Lahad Datu yang melibatkan 10 daerah iaitu dari Kudat hingga ke Tawau, sepanjang 1,400 kilometer;
- (ii) kerajaan sedang berusaha untuk menambah lima batalion pasukan keselamatan yang terdiri daripada Angkatan Tentera Malaysia dan PDRM di kawasan tanggungjawab bagi menentukan serta menjamin keselamatan Pantai Timur Sabah. Pada ketika ini, kita telah pun menempatkan dua batalion di Ops Sanggah di Lahad Datu, satu batalion Ops Pasir Utara yang berpusat di Pulau Berhala, Sandakan dan yang ketiga ialah satu batalion lagi di Ops Pasir Selatan yang berpusat di Semporna;
- (iii) Angkatan Tentera Malaysia melalui gabungan Joint Forces, Tentera Darat, Tentera Laut dan Tentera Udara akan meneruskan operasi

bersepadu dengan PDRM dan APMM ataupun Agensi Penguat Kuasa Maritim Malaysia bagi mengawal perbatasan dan perairan negara;

- (iv) memperkukuhkan kawalan dan penguatkuasaan keselamatan di kawasan daratan dan sempadan maritim melalui rondaan, peningkatan *intelligent surveillance* dan *recognition* dengan izin;
- (v) menunjukkan kehadiran atau *show presence* melibatkan aset-aset kapital Angkatan Tentera Malaysia di pesisir pantai dan Perairan Timur Sabah dengan memberi tumpuan kepada aspek meningkatkan pengawasan perairan menggunakan teknologi terkini dan juga peralatan-peralatan seperti kereta kebal dan juga kapal-kapal serta pesawat udara selain daripada *troop* yang kita tempatkan di situ;
- (vi) melaksanakan Konsep Pertahanan Menyeluruh (HANRUH) yang menekankan bahawa tanggungjawab keselamatan negara tidak hanya dipikul oleh pasukan keselamatan tetapi merupakan tanggungjawab semua pihak di dalam masyarakat yang boleh menjadi mata dan telinga pasukan keselamatan. Pendekatan ini akan memupuk semangat patriotisme dan cintakan negara di kalangan rakyat serta meningkatkan keyakinan dan keselamatan; dan
- (vii) kita juga sedang memperkukuhkan rangkaian risikan termasuk kerjasama dua hala dengan agensi-agensi risikan luar khususnya negara-negara jiran seperti Filipina dan Indonesia.

Terima kasih.

**Puan Chew Lee Giok:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri, soalan saya ialah apakah jenis kerjasama antara polis, tentera darat, tentera laut, APMM dan tentera darat di Malaysia? Terima kasih.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Seperti mana yang kita tahu bahawa selama ini pun memang terdapat wujud kerjasama di antara Angkatan Tentera Malaysia, PDRM dan APMM melalui strategi NBOS ataupun *National Blue Ocean Strategy* yang kita laksanakan. Ini telah pun dibuktikan di dalam Ops Daulat yang telah pun berlaku beberapa bulan yang lalu di Lahad Datu. Angkatan Tentera Malaysia telah pun menjalin kerjasama dengan semua anggota-anggota daripada agensi-



agensi lain untuk memastikan bahawa sebarang tindakan itu dapat dikoordinasi dan ianya akan dapat memberikan kesan.

Selain daripada itu, di dalam Angkatan Tentera Malaysia sendiri pun kita juga telah mewujudkan apa yang dipanggil sebagai Angkatan Bersama iaitu *Joint Forces* yang melibatkan tentera darat, tentera laut dan tentera udara. *Joint Forces* ini telah pun dapat dilaksanakan dengan berkesan dan kita telah pun dapat mengambil tindakan-tindakan khususnya semasa Ops Daulat dahulu. Terima kasih.

**Dr. Lucas bin Umbul:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, usaha memperkuatkan pertahanan negara di kawasan Pantai Timur Sabah ialah satu keputusan wajar dipihak kerajaan untuk menjaga keselamatan rakyat dan tanah air daripada anasir yang cuba mencabul kedaulatan negara. Justeru itu, apakah usaha-usaha kementerian dan mekanisme yang berkesan yang diambil oleh kementerian bagi memberikan kefahaman kepada seluruh rakyat di negeri Sabah agar turut serta bersama-sama dalam mempertahankan keselamatan negara di negeri Sabah? Terima kasih.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Dr. Lucas bin Umbul yang juga Ahli Yang Berhormat Senator dari Sabah. Saya percaya beliau turut mempunyai kebimbangan tentang masalah keselamatan di kawasan Pantai Timur Sabah ini. Akan tetapi ingin saya jelaskan di sini bahawa seperti mana yang saya telah jelaskan tadi, bahawa konsep pertahanan yang dilaksanakan di dalam Kementerian Pertahanan ialah Konsep Pertahanan HANRUH iaitu pertahanan menyeluruh.

Walaupun Angkatan Tentera Malaysia dan agensi-agensi yang lain bertanggungjawab dalam soal pertahanan dan keselamatan negara tetapi keberkesanannya adalah banyak bergantung kepada penyertaan daripada rakyat secara keseluruhan khususnya memberikan sokongan di dalam usaha-usaha yang dibuat oleh anggota-anggota keselamatan dan pertahanan dengan memberikan maklumat-maklumat dan juga risikan-risikan. Ini adalah merupakan satu usaha yang penting kerana tanpa bantuan dan sokongan daripada rakyat keseluruhan ianya tidak akan berkesan.

Selain daripada itu, dengan perwujudan ESSCOM ini, kita bukan sahaja menekankan dalam soal pertahanan persenjataan tetapi juga kita mewujudkan satu konsep pertahanan, keselamatan dan pembangunan iaitu ESSCOM akan bertanggungjawab untuk membangunkan kawasan-kawasan yang dikenal pasti sebagai *breeding ground* bagi tempat-tempat keganasan dan sekarang kita telah mengadakan banci dan akan memajukan kawasan-kawasan ini supaya kita dapat *flash out* mereka serta elemen-elemen yang tidak diperlukan. Ini memerlukan kerjasama daripada rakyat

bukan sahaja sokongan politik tetapi juga sokongan daripada NGO dan juga pemimpin-pemimpin masyarakat.

Kesedaran ini akan disebarikan dari semasa ke semasa dan rakyat Sabah haruslah bersama-sama untuk membantu memastikan bahawa kedaulatan negara kita sentiasa terpelihara dan kita juga ingin melihat rakan kita khususnya jiran-jiran kita dapat menyelesaikan pertikaian politik mereka khususnya di Selatan Filipina kerana dengan kestabilan politik yang dapat diwujudkan di Selatan Filipina, saya percaya ianya akan dapat membantu untuk mengurangkan perkara-perkara ataupun keganasan yang sering ditimbulkan oleh pihak dari sana. Terima kasih.

#### ■1100

**6. Datuk Chiu Tiang Chai** minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah langkah-langkah kementerian agar maklumat yang tepat dan sahih dapat disalurkan kepada semua Persatuan Pendidikan Cina kerana sering kali persatuan tersebut mendapat maklumat yang tidak tepat menyebabkan berlakunya salah faham dan protes terhadap sebarang dasar pendidikan baru yang diiltizamkan oleh kementerian untuk kepentingan semua kaum.

#### **Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin]:**

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengadakan perbincangan bersemuka dengan pertubuhan-pertubuhan Cina termasuk Dong Zhong bagi menjelaskan agenda transformasi pendidikan dan isu-isu yang dibangkitkan oleh pertubuhan tersebut.

Kementerian Pendidikan Malaysia juga telah mendengar dan mempertimbangkan setiap pandangan daripada semua pihak sebelum pelancaran Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) tahun 2013 hingga tahun 2025 pada 6 September 2013. Semua cadangan yang terkandung dalam PPPM adalah selari dengan dasar dan Perlembagaan Malaysia, khususnya yang melibatkan sistem sekolah pelbagai aliran, memartabatkan bahasa Malaysia dan memperkukuhkan bahasa Inggeris. Antara langkah yang dilakukan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia bagi menyalurkan maklumat kepada masyarakat mengenai PPPM adalah melalui media-media massa dalam semua bahasa termasuk program di televisyen seperti rancangan dialog Malaysia Hari Ini, Hari Pelanggan Kebangsaan, Selamat Pagi Malaysia dan Nasi Lemak Kopi O.

Bagi memastikan maklumat ini sampai kepada masyarakat Cina dan India, Kementerian Pendidikan Malaysia telah menyebar luaskan melalui akhbar dan brosur dalam bahasa Mandarin dan bahasa Tamil. Sekian, terima kasih.

**Datuk Chiu Tiang Chai:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sebarang dasar pendidikan baru perlu diperjelaskan dengan teliti agar tidak timbul rasa salah faham atau rasa tidak puas hati mana-mana pihak kerana ini membabitkan masa depan mereka. Soalan saya, tidakkah kementerian bercadang untuk mewujudkan satu badan tetap yang dianggotai oleh pelbagai kaum untuk memantau dan mencari penyelesaian dari isu-isu semasa? Terima kasih.

**Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin:** Terima kasih di atas soalan yang berkaitan dengan pemantauan yang berkaitan dengan pelaksanaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia. Memang Kementerian Pendidikan Malaysia mengadakan sistem pemantauan dan kita ada satu agensi yang dinamakan PADU untuk pastikan bahawa pelaksanaan PPPM dapat dilaksanakan dengan berkesan. Dalam satu proses apabila kita melaksanakan satu program memang kita pastikan bahawa pemantauan memainkan satu peranan yang begitu penting untuk mengkaji keberkesanan program itu.

Selain daripada itu, Kementerian Pendidikan Malaysia juga mengadakan pemantauan di peringkat yang tidak sama di mana pihak Jemaah Nazir Sekolah juga akan memainkan satu peranan untuk memantau pelaksanaan PPPM di peringkat sekolah. Satu instrumen iaitu standard kualiti pendidikan Malaysia digunakan oleh pihak Jemaah Nazir Sekolah. Selain daripada itu, dengan rujukan kepada PPPM, satu dokumen yang begitu terperinci yang dirancangkan secara *detail*, memang Kementerian Pendidikan Malaysia juga membenarkan rakyat-rakyat atau *stakeholder-stakeholder* untuk kemukakan pandangan mereka dengan tujuan untuk menambah baik pelaksanaan PPPM. Jadi, ini bermakna bahawa dari segi pemantauan itu kita mengamalkan satu kaedah yang telus dengan transparensi di mana kita membenarkan wakil rakyat tanpa kira agama, kaum atau etnik untuk kemukakan atau sampaikan maklum balas tentang pelaksanaan PPPM. Sekian, terima kasih.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apakah usaha-usaha yang telah dan sedang dilakukan oleh Kementerian Pendidikan dalam melaksanakan konsep Sekolah Wawasan terhadap Persatuan Pendidikan Cina yang tidak bersetuju dengan niat baik kerajaan untuk mewujudkan integriti dan perpaduan nasional. Kalau ada, sila huraikan. Kalau tidak ada, kenapa?

**Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin:** Terima kasih Yang Berhormat, di atas soalan yang berkaitan dengan penubuhan sekolah wawasan. Sebenarnya, dengan rujukan kepada Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia memang satu komponen atau fokus ada diberi kepada penubuhan sekolah wawasan. Sebenarnya konsep ini sudah diwujudkan dan walau bagaimanapun persatuan Cina atau kaum Cina tidak menerima

konsep ini. Akan tetapi apa yang sangat penting adalah di mana Kementerian Pendidikan Malaysia berusaha untuk mencungkilkan kesedaran tentang faedah-faedah apabila kita mengadakan atau mewujudkan sekolah wawasan dengan tujuan untuk membaiki integrasi antara kaum-kaum yang lain di Malaysia.

Jadi, ini ada berkaitan dengan *integration* melalui satu sistem sekolah wawasan. Sekian, terima kasih.

**7. Tuan Saiful Izhah bin Ramli** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah pendirian rasmi kerajaan dalam isu rampasan kuasa tentera di Mesir ke atas sebuah kerajaan yang sah dan yang dipilih secara demokrasi oleh rakyatnya, serta adakah kerajaan bercadang untuk memutuskan hubungan diplomatik secara rasmi dengan kerajaan tentera yang sedia ada sehingga proses demokrasi dipulihkan di Mesir.

**Timbalan Menteri Luar Negeri [Dato' Hamzah bin Zainudin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, seperti mana Dewan yang mulia ini sedia maklum, sejak kita mencapai kemerdekaan, Malaysia mengamalkan dasar luar negara yang amat jelas dan konsisten iaitu tidak mencampuri urusan politik dalaman sesebuah negara yang berdaulat. Dalam konteks kemelut politik yang sedang berlaku di Mesir ketika ini, kita telah mengeluarkan beberapa kenyataan mengenai pendirian Malaysia yang tegas dan jelas menolak apa jua bentuk keganasan menerusi kenyataan akhbar. Malaysia juga menggesa supaya keganasan dan pertelingkahan berdarah yang berlaku di Mesir ini dihentikan dengan segera.

Sebagai langkah untuk mencari penyelesaian ini, Malaysia menyeru agar kesemua yang terlibat untuk mengadakan rundingan secara damai dan mencari kata sepakat agar keamanan di Mesir dapat dikembalikan demi kesejahteraan rakyat dan kestabilan ekonomi. Tuan Yang di-Pertua, saya perlu menekankan di sini bahawa dalam membuat penilaian terhadap krisis seumpama ini Malaysia tidak boleh mengambil pendirian secara terburu-buru. Terutamanya di dalam membuat kenyataan untuk mengutuk atau menyebelahi mana-mana pihak yang bertelingkah.

Dalam konteks di Mesir ini, kita harus melihat perspektif yang berlaku secara menyeluruh dengan mengambil kira pelbagai aspek dan kepentingan negara. Kita tidak boleh membuat kenyataan sewenang-wenangnya tanpa mengambil kira soal kepentingan dan soal keselamatan lebih 11,000 orang rakyat Malaysia yang berada di Mesir. Sekiranya kita mengambil pendirian menyokong sebelah pihak, kemungkinan pihak yang satu lagi akan mengambil tindakan balas yang boleh membahayakan keselamatan rakyat Malaysia yang berada di sana. Sebagai contoh, terdapat satu insiden di mana rumah

pelajar Malaysia telah pecah dan dimasuki sekumpulan penyokong satu pihak kerana mengesyaki pelajar-pelajar Malaysia tersebut menyokong pihak yang lagi satu.

■1110

Oleh itu, Malaysia seperti kebanyakan negara lain dengan tegas berpendirian untuk tidak campur tangan dan tidak menyokong mana-mana pihak yang sedang bertelagah. Pada masa yang sama, kita juga tidak mahu sebarang campur tangan kuasa asing dalam kemelut politik di Mesir ini. Kemelut politik di Mesir perlu ditangani dan diselesaikan dengan cara demokrasi oleh rakyat Mesir sendiri tanpa campur tangan dan tekanan negara-negara luar. Ini adalah selaras dengan prinsip kita yang juga tidak mahu mana-mana negara asing mencampuri urusan dalaman negara kita. Terima kasih.

**Tuan Saiful Izham bin Ramli:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas jawapan Timbalan Menteri tadi yang ringkas dan memberikan kedudukan yang jelas tentang pendirian Malaysia terhadap isu ini. Tuan Yang di-Pertua, memandangkan Malaysia dan Mesir mempunyai hubungan yang panjang dan lama dan kita juga punyai kepentingan jangka panjang di negara tersebut, soalan saya ialah apakah usaha Malaysia sebagai salah satu anggota penting dalam OIC untuk menggerakkan dan mencari titik pertemuan bagi memastikan masalah ini daripada terus berpanjangan atau berlarutan.

Ini kerana kita difahamkan suara Malaysia dalam OIC adalah suara yang sering didengar dan diguna pakai. Mungkin sekiranya Malaysia turut terlibat aktif dalam mencari jalan penyelesaian ini, keadaan di Mesir akan mungkin boleh kembali pulih dan kedudukan serta keselamatan lebih 11,145 orang pelajar tidak termasuk rakyat Malaysia yang lain akan lebih terjamin. Sekian, terima kasih.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih juga kepada Yang Berhormat Senator yang membangkitkan sama ada Malaysia boleh mengambil satu tindakan melalui OIC. Saya hendak jelaskan, OIC ini adalah merupakan satu badan di mana banyak negara-negara Islam yang berada di dalam pertubuhan OIC itu sendiri. Maka sudah tentu dalam OIC ini dia mempunyai bermacam-macam kumpulan yang juga berpihak sama ada menyokong dan tidak menyokong dalam keadaan situasi di Mesir itu sendiri. Maka sebab itu, walaupun kita telah pun mengambil satu tindakan menghantarkan surat untuk OIC mengadakan satu perjumpaan mengenai isu yang terlibat di Mesir ini, tetapi dalam keadaan di mana ada sokongan-sokongan yang berbelah bagi di OIC, maka untuk tidak memecah-belahkan lagi satu pertubuhan Islam di dalam dunia hari ini, maka kita membiarkan supaya apa yang berlaku di Mesir ini tindakan daripada dalam seharusnya diambil melalui amalan demokrasi yang dibuat di mana kita juga mahukan ianya berlaku dengan secepat mungkin.

Oleh sebab itu dalam keadaan hari ini di dunia sana, Malaysia telah pun membangkitkan satu lagi gelombang baru di mana kita menguar-uarkan melalui *foundation* kita yang kita namakan, *Global Movement of Moderate* yang telah pun kita bawa terutamanya Yang Amat Berhormat Dato' Sri Perdana Menteri kita sendiri dalam ucapannya di *United Nations General Assembly* baru-baru ini, telah membangkitkan supaya kalau boleh dunia melihat apa pun yang berlaku di mana negara sekalipun biarlah secara *wasatiyyah*, secara *moderation* itu kita gunakan kaedah ini. Ini supaya tidak melibatkan banyak lagi perkara-perkara yang tidak diinginkan kerana banyak perkara-perkara yang berlaku ini menyebabkan kematian di seluruh dunia yang ada pada hari ini. Itulah yang kita ingin bawa dan *insya-Allah* daripada ucapan yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu mendapat sokongan yang besar daripada kalangan pemimpin-pemimpin dunia hari ini. Terima kasih banyak.

**Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan, Yang Berhormat Menteri saya mahu tahu kenapa di Malaysia ada orang mahu melakukan tunjuk perasaan macam di Mesir. Dia pengkhianat negarakah? Tolong Menteri jawab.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Terima kasih banyak. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Nallakaruppan ini, tiap-tiap kali bila saya menjawab ada sahaja yang ingin di...

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia minat agaknya Yang Berhormat.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Dia minat. Akan tetapi tidak apalah, jangan dia minat seperti kawan lama dia dahulu sudah. *[Ketawa]* Itu saya risau juga, kalau setakat minat hendak suruh saya menjawab tidak apa, saya takut dia minat benda lain. Ini kerana dia tahulah, maklum sahajalah kawan lama takut ada apa-apa perkara yang dia ikut perangai sama, jangan. Saya faham kadang kala dalam negara kita ini, mereka hendak menggunakan sesuatu isu itu semata-mata hendak menunjukkan bahawa ada perasaan tidak puas hati tentang apa sahaja tindakan yang kerajaan buat selama ini. Dalam isu Mesir ini, apa gunanya kita membuat satu tindakan, buat tunjuk perasaan manakala peristiwa yang berlaku itu di negara sana. Di sana itu sendiri pun ada rakyat Malaysia. Saya katakan tadi 11,000 dan sudah tentu kita sudah buat *evacuation*, sudah bawa balik. Terima kasihlah kerana banyak agensi-agensi, bantuan daripada semua pihak untuk dapat membawa pulang rakyat Malaysia daripada masalah yang ada di Mesir.

Hari ini kita buat tunjuk perasaan lagi. Apakah kebaikan yang akan kita capai apabila kita buat tunjuk perasaan dalam negara kita tentang masalah luar negara? Ini satu perkara yang saya minta rakyat faham dan jelas, jangan terikut-ikut. Ini kerana yang

penting pada kita hari ini adalah untuk melihat kerajaan kita ini dianggap sebagai sebuah kerajaan yang mampu untuk membangunkan negara ini bukan hanya dari segi politiknya, tetapi juga dari segi membangunkan ekonomi negara supaya kita dapat mencapai satu *vision* kita pada tahun 2020 sebagai sebuah negara yang maju, negara yang mempunyai pendapatan tinggi. Jadi kalau kita buat sentiasa ada tunjuk perasaan, dia menimbulkan satu persepsi yang negatif terhadap orang luar kepada negara kita.

Saya baru sahaja balik dalam Mesyuarat APEC di Bali semalam. Di sana banyak pemimpin-pemimpin besar beranggapan bahawa Malaysia ini boleh contohnya pada tahun 2015, kita akan jadikan Malaysia ini menjadi *chairman* dalam peringkat ASEAN yang akan kita umumkan *ASEAN Community* pada tahun 2015. Jadi kalaulah terlampau banyak sangat tunjuk perasaan, apakah kita boleh menjadi pemimpin untuk menerajui *ASEAN Community* bermula pada tahun 2015? Maka sebab itu rakyat kena sedar bahawa kepentingan kita ini adalah untuk membawa negara kita ini menjadi pemimpin dalam *regional basis* dan juga di peringkat dunia. Maka sebab itu saya sokonglah, saya hendak minta Dato' Nallakarupan kalau boleh pergi semula jumpa dengan kawan lamanya itu bagi tahu cukup itu, cukuplah. Tidak payah bawa keluar *newspaper* selalu. Pergi jumpa ketuk kepala, cukuplah duduk sini. Terima kasih banyak.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Cukup Yang Berhormat. Saya rasa soalan dan juga penjelasan daripada Timbalan Menteri itu cukup baik sekali untuk semua. Bukan sahaja kita di Dewan ini, bahkan seluruh Malaysia. Ini pendirian Malaysia sebagaimana dikatakan tadi memang saya sendiri sedia maklum. Saya harap semua Yang Berhormat dapat menghayati demi untuk kebaikan negara kita.

#### ■1120

**8. Datuk Jamilah @ Halimah binti Sulaiman** minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah kementerian telah membuat kajian terhadap penggunaan mesin urut yang dijual kepada orang ramai kerana ada pendapat menyatakan bahawa getaran oleh mesin tersebut boleh menyebabkan penyakit saraf dan penyakit tulang belakang. Sekiranya penggunaan mesin tersebut memudaratkan kesihatan adakah kementerian akan mengharamkan penjualannya.

**Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Jamilah binti Sulaiman. Ini soalan berkenaan dengan kesan getaran mesin urut itu.

Tuan Yang di-Pertua, melalui penilaian teknologi perubatan yang telah dijalankan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia, mendapati bahawa tiada bukti saintifik yang kukuh

untuk menyokong kesan sampingan seperti penyakit saraf dan penyakit tulang belakang akibat penggunaan mesinurut tersebut. Buat masa ini kementerian tidak bercadang untuk mengharamkan penjualan mesinurut di negara ini. Walau bagaimanapun, kementerian akan terus memantau laporan atau pun kajian mengenai kesan sampingan akibat penggunaan mesinurut.

Di samping itu di bawah Akta Peranti Perubatan 2012 atau pun *Medical Device Act 2012*, apa-apa mesin atau peralatan yang mempunyai tuntutan perubatan atau pun *medical claim* adalah diklasifikasikan sebagai peranti atau pun *medical device* yang tertakluk kepada keperluan pendaftaran di bawah seksyen 5 akta tersebut, Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Jamilah @ Halimah binti Sulaiman:** Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah penggunaan dan penjualan mesinurut ini yang berada di pasaran perlu untuk mendapat kelulusan daripada kementerian terlebih dahulu, sebelum dijual kepada orang ramai? Adakah satu piawaian atau standard yang telah diperuntukkan bagi pengeluaran sesuatu mesinurut? Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini selagi penggunaan mesin itu mereka tidak *claim* kata ini adalah untuk menghilangkan sakit belakang, *osteoarthritis* dan sebagainya, selagi mereka tidak *claim* kata ini boleh mengurangkan penyakit-penyakit tertentu, maka dia boleh jual dan tidak termasuk di dalam *Medical Device Act* ini Tuan Yang di-Pertua. Kalau dia *claim*, maka dia termasuk. Dia kena daftar dan sebelum mendaftar dia kena buat kajian spesifik dan hendak menentukan aplikasinya memang ada kesan perubatan.

Setakat ini yang membuat kajian ialah USM dan UPM baru tengah buat kajian. Jadi kita belum tentukan apakah standard yang akan digunakan untuk mesin-mesin ini. Setakat ini belum lagi. Walau bagaimanapun, *Medical Device Act* itu telah pun berkuat kuasa pada bulan Julai 2013 dan kita bagi moratorium untuk dua tahun. Jadi selepas itu kita akan kuatkuasakan sepenuhnya, Tuan Yang di-Pertua.

**Puan Hajah Rohani binti Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ubat-ubatan dan peralatan kesihatan bukan sahaja dijual secara terbuka, tetapi juga melalui internet. Soalan saya apakah usaha dan langkah kerajaan bagi mengawal penjualan ubat-ubatan dan mesin-mesin kesihatan ini melalui internet bagi melindungi pengguna? Dan sejauh manakah kerajaan memantau penjualan ubat-ubatan ini supaya ia tidak memudaratkan pengguna? Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya sebutkan tadi dalam soalan tambahan tadi ialah, bahawa selagi penjual atau pun



peralatan yang diiklankan itu tidak *claim* atau sebut bahawa ini adalah spesifik untuk apa-apa penyakit, maka dia boleh jual. Apabila dia *claim* kata mesin ini untuk penyakit ini, itu tidak boleh. Ini kerana dia kena daftar di bawah *Medical Device Act* yang telah berkuat kuasa pada bulan Julai.

Ini adalah senjata kerajaan atau kementerian untuk mengawal penjualan-penjualan tersebut. Saya sebut tadi kita ada sedikit moratorium atau sedikit kelonggaran dalam satu tahun atau dua tahun ini. Selepas itu kita akan kuatkuasakan sepenuhnya.

**9. Tuan Chiew Lian Keng** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan statistik terkini pendatang asing tanpa izin (PATI) yang ditangkap pada tahun 2013 dan senaraikan kawasan tahanan yang diwujudkan untuk operasi ini.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:**

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat atas soalan yang dikemukakan itu.

Untuk makluman Yang Berhormat seramai 27,956 orang PATI telah ditangkap dalam operasi penguatkuasaan yang dilancarkan bermula Januari 2013 hingga Ogos 2013. Daripada jumlah tersebut 18,871 orang PATI adalah lelaki dan 9,085 orang adalah perempuan. Untuk makluman Yang Berhormat jua, kementerian mempunyai 12 depot tahanan imigresen penempatan PATI iaitu Depot Tahanan Bukit Jalil, Depot Tahanan Juru, Depot Tahanan Langkap, Depot Tahanan Semenyih, Depot Tahanan KLIA, Depot Tahanan Lenggeng, Depot Tahanan Machap Umboo, Depot Tahanan Pekan Nanas, Depot Tahanan Ajil, Depot Tahanan Tanah Merah, Depot Tahanan Semuja di Sarawak dan Depot Tahanan Bekenu juga di Sarawak. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Chiew Lian Keng:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya memohon Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan cara penyelesaian terhadap PATI yang ditangkap ini dan adakah keadaan penguatkuasaan dan pengusiran dalam proses '6P' masih berjalan serta berjayakah mengurangkan bilangan PATI di Malaysia?

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya proses penghantaran di bawah Program 6P ini telah dilaksanakan dengan sebaik mungkin iaitu kita menilai untuk memutihkannya dahulu. Sekarang program ini mungkin akan ditamatkan Tuan Yang di-Pertua kerana kita tidak mahu lagi pendatang asing datang ke Malaysia sebenarnya. Jadi apabila program

ini habis nanti – tetapi walau bagaimana pun program pengusiran rakyat asing di negara ini masih ada halangan-halangan dan rintangan-rintangan yang tertentu.

Kita bekerjasama dengan kedutaan-kedutaan luar negara-negara lain dan kedutaan-kedutaan luar juga bekerjasama dengan kita untuk memberi dokumen-dokumen yang tertentu kepada mereka ini. Dalam keadaan sedemikian, seberapa cepat negara itu atau pun kedutaan itu mengeluarkan dokumen, barulah kita boleh mengeluarkan mereka. Jadi barang siapa yang datang ke negara ini yang tidak mempunyai dokumen dan tidak ada kedutaan memberi dokumen dengan sendirinya, dia akan akhirnya juga tersadai di negara ini di dalam tempat tahanan yang mungkin juga ada yang di luar sana berkeliaran di seluruh negara.

Jadi Yang Berhormat, saya ingin juga menegaskan di sini selagi negara kita dipandang sebagai negara yang mewah, yang boleh sebagai *the greener pasture*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Sebagai rakyat di seluruh Asia ini datang untuk mencari nafkah dan kehidupan, selagi itulah kita berhadapan dengan masalah kedatangan pendatang asing ini Tuan Yang di-Pertua. Dalam masa yang sama *constraint* kita, kita tidak boleh juga menghantar mereka sewenang-wenangnya kerana kita juga terikat dengan dasar dan prinsip-prinsip antarabangsa. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Saiful Izham bin Ramli:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan pendatang asing tanpa izin ini, adakah negara kita mempunyai satu sistem tapisan pekerja asing sama ada dengan izin atau pun tanpa izin yang agak komprehensif yang mana kemasukan mereka ditapis dari segi rekod jenayah dan rekod kesihatan mereka?

■1130

Kerana kita tahu secara umumnya kadar penyakit berjangkit di negara ini, bila dikaji semula terutamanya penyakit tibi dan penyakit-penyakit yang lain, berpunca daripada pekerja asing yang datang di sini dan bergerak secara bebas. Agak malang kerana tapisan kesihatan mereka dan tapisan rekod jenayah mereka tidak diperhalusi dan kita juga dapati bahawa berlaku kes yang berulang kali mereka yang ditahan dihantar pulang dan kembali lagi, ditahan kembali, dihantar pulang dan kembali lagi. Seolah-olah kita tidak mempunyai satu sistem yang agak komprehensif, tidak seperti negara-negara lain yang amat memandang berat dua perkara ini, dua elemen ini iaitu elemen jenayah dan rekod kesihatan. Saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri perjelaskan. Terima kasih.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya kerajaan mempunyai sistem tetapi sebagaimana yang kementerian kaji dari

semasa ke semasa, sistem ini boleh dikatakan belum begitu mencukupi untuk menangani semua masalah. Dahulu kita menggunakan satu sistem di mana satu syarikat *outsourcing company* ataupun beberapa syarikat *outsourcing company* yang akan berunding dengan pihak negara-negara asal untuk mencari pekerja-pekerja daripada negara mereka untuk bekerja di negara kita.

Kita juga telah meletakkan syarat-syarat yang tertentu daripada sudut yang disebutkan sebagai rekod-rekod jenayah dan satu lagi ialah soalan kesihatan mereka. Soalan kesihatan ini, kita ada dua peringkat bukan sahaja diselidik daripada peringkat negara asing atau negara pembekal tetapi juga kita buat satu sistem yang mana mereka ini diperiksa di sini. Ini pula mendatangkan satu kekangan kepada kita, apabila mereka sudah sampai di sini dan kita *check* mereka dan kita dapati mereka tidak sesuai untuk bekerja ataupun mempunyai penyakit-penyakit yang tertentu. Itulah sebelum kelulusan visa diberi, tiap-tiap pekerja di negara ini mesti melalui peperiksaan doktor tempatan Yang Berhormat.

Jadi, apabila mereka ini didapati bahawa dia mempunyai satu-satu penyakit, soal hendak menghantar balik mereka ini. Apabila soal menghantar balik dan kita melihat dua, tiga perkara berbangkit iaitu:

- (i) kos penghantaran balik;
- (ii) dokumen yang mencukupi untuk dihantar balik; dan
- (iii) pekerjaan semasa mereka berada di sini.

Oleh kerana itulah kenapa depoh-depoh kita sekarang penuh dengan keadaan-keadaan ini. Ia menempatkan mereka yang perlu dihantar balik dan semua ini akan mendatangkan kos kepada kita Yang Berhormat.

Umpamanya, kalau kita ada lihat daripada sudut kos yang ada pada kita sekarang ini untuk 10 bulan sahaja Yang Berhormat, kos makanan secara butirannya bermacam-macam, ada yang RM5, RM6, RM7 umpamanya. Panjang senarainya Yang Berhormat. Saya baca kos. Kalau di Ajil harganya RM5 kos sehari, makanan untuk seorang. Di Juru RM4.90, oleh kerana ia bercorak tender terbuka. Jadi, semua orang menentukan harga dan bukan kerajaan sahaja, memilih kos-kos yang terendah. Akan tetapi kalau di Sarawak, ia sampai RM12.60 kalau di Bekenu sebab masalah di Bekenu, komunikasi dan sebagainya.

Jadi, kos ini dalam masa 10 bulan, kerajaan telah berbelanja RM9.5 juta Yang Berhormat, untuk menahan di dalam tahanan yang sebab-sebabnya tadi, tidak ada dokumen, kesihatan tak mencukupi dan sebagainya. Begitu juga untuk menghantar balik, menghantar balik ini ia ada tiga sistem. Pertama, kedutaan negara orang asing itu yang

membayai kos penghantaran balik. Kedua, keluarga dan peribadi mereka ini boleh membayar tiket kapal terbang untuk mereka balik ke negara asal. Yang terakhir sekali, yang Kerajaan Malaysia juga bakal mengatasi masalah ini, yang mana kita sudah di peringkat ini dalam masa 10 bulan, kita sudah belanja RM2.9 juta Yang Berhormat untuk menghantar balik sahaja. Akan tetapi itu lebih murah daripada kita menahan mereka di sini dan kos penahanan berterusan ini lebih tinggi daripada kos untuk menghantar balik Yang Berhormat.

Jadi ini halangan-halangan yang kita hadapi. Pertama, dokumen, takkan orang tak ada dokumen kita hendak buang ke laut? Tidak boleh Yang Berhormat. Ini kerana satu dunia akan berkata, "*Apa jenis manusia yang mentadbir negara Malaysia ini?*" Ini pun kita telah dicaci, di bawah kajian-kajian badan-badan tertentu di Amerika supaya kita digred. supaya tiap-tiap orang yang datang ke Malaysia ini diberi sijil, diberi permit pekerjaan, semua diserapkan ke dalam masyarakat Malaysia. Itu yang mereka mahu tetapi kita tak mampu buat sedemikian Yang Berhormat.

Kalau kita buat itu, negara Malaysia ini akan dalam masa yang singkat mempunyai *population 70 million*, Yang Amat Berhormat Tun Dr. Mahathir dulu suruhkan supaya kita ramai, besar market Yang Berhormat. Jadi kita tak boleh. Jadi, dalam keadaan sedemikian, kita juga kena berjaga-jaga nilai keperluan, kemahuan, dasar dan nilai antarabangsa. Terima kasih. Yang Berhormat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Maka setakat itu sahajalah pada hari ini soal-soal lisan dan saya minta Setiausaha seterusnya.

***[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]***

## **RANG UNDANG-UNDANG**

### **RANG UNDANG-UNDANG PENCEGAHAN JENAYAH (PINDAAN DAN PEMERLUASAN) 2013**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, sebelum kita teruskan, izinkan saya memberi sedikit-sebanyak garis panduan, bahawa selepas ini kita akan membahaskan Rang Undang-undang Pencegahan Jenayah (Pindaan dan Pemerluasan) 2013 yang mana Yang Berhormat semua saya percaya telah diberi salinan.

Pertama sekali, rang undang-undang ini bukanlah undang-undang baru, ialah undang-undang ibunya Akta Pencegahan Jenayah 1959. Yang Berhormat semua sebagai penggubal undang-undang negara, sebelum kita hendak buat apa-apa pindaan mesti melalui kedua-dua Dewan iaitu Dewan Rakyat dan Dewan Negara, wajar sekiranya ini untuk pindaan ini biasanya untuk menambah baik. Setiap undang-undang itu mestilah untuk kebaikan negara dan saya percaya Yang Berhormat semua sebelum membuat, saya dapati setakat ini saya ada sembilan orang yang berhasrat hendak berbahas. Saya mengalu-alukan seberapa ramai yang boleh tetapi hendaklah berbahas mengikut lunas-lunas peraturan-peraturan yang kita terima dengan cara baik dan kita hendakkan undang-undang yang betul-betul baik untuk bangsa dan negara kita.

Yang ketiga, saya minta Ahli Yang Berhormat yang ingin berucap, sila kemukakan nama. Saya tidak ada menghalang siapa-siapa cuma sikap terbuka. Kalau andainya kita perlu sampai malam, tidak mengapa tetapi saya hendakkan semua mesti faham dan terima keputusan yang kita buat. Ini adalah demokrasi dalam negara kita. Saya di sini ada sembilan orang dan selepas itu saya rasa kalau ada lagi untuk menyenangkan saya dengan Timbalan saya membuat perangkaan masa. Itu sahajalah yang saya hendak umumkan dan seterusnya minta Yang Berhormat Menteri membuat huraian. Silakan Yang Berhormat.

**11.38 pg.**

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:**

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu bahawa rang undang-undang bernama suatu Akta Pencegahan Jenayah (Pindaan dan Pernerluasan) 2013 dibaca kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, biar saya membuat pengenalan dahulu. Sejak inisiatif Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) diperkenalkan pada tahun 2009, kerajaan telah mencapai kejayaan di dalam inisiatif NKRA mengurangkan jenayah yang mana peratusan jenayah indeks telah menurun setiap tahun. Namun begitu, sejak kebelakangan ini, kadar peratusan jenayah berat dan jenayah terancang daripada keseluruhan peratusan jenayah indeks telah berlaku peningkatan.

Peningkatan kes-kes jenayah berat dan jenayah terancang ini sedikit sebanyak telah meningkatkan kebimbangan rakyat dan tahap keselamatan mereka berikutan keseriusan kes-kes jenayah yang berlaku seperti mana dilaporkan dalam media-media massa iaitu:

- (i) penggunaan senjata api yang berleluasa;

- (ii) kejadian pembunuhan menggunakan senjata api;

■ **1140**

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

- (iii) pergaduhan antara kumpulan ahli-ahli kongsi gelap sesama mereka untuk merebut kawasan;
- (iv) perebutan kawasan-kawasan pengedaran dadah;
- (v) mengutip wang perlindungan;
- (vi) sindiket pelacuran dan
- (vii) sindiket perjudian.

Kerajaan peka akan kebimbangan yang dirasai oleh rakyat dan mendengar rintihan mereka agar kerajaan mengambil tindakan segera bagi membanteras aktiviti-aktiviti jenayah berat dan jenayah terancang. Oleh yang demikian, bagi meredakan kebimbangan ini, terdapat keperluan untuk kerajaan menimbang dan mengkaji semula usaha-usaha menangani jenayah terutamanya jenayah berat dan jenayah terancang termasuk dengan mengkaji undang-undang yang sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, tanpa undang-undang yang efektif, kegiatan jenayah berat dan jenayah terancang tidak dapat dibendung dengan berkesan dan seterusnya akan menjadi ancaman kepada keselamatan negara.

Dari aspek sosial, selain peningkatan kadar jenayah, golongan pelajar juga akan menjadi sasaran oleh ahli-ahli kongsi gelap sedia ada untuk merekrut ahli-ahli baru untuk menyertai kumpulan mereka. Sekiranya enggan, mereka tanpa belas kasihan akan terus mengancam pelajar-pelajar ini hingga sanggup mencederakan sesiapa sahaja yang tidak mengikut kemahuan mereka. Keadaan ini akan menyebabkan anak-anak kita berasa takut sehingga menjejaskan pelajaran mereka. Dalam masa yang sama aktiviti seperti penyalahgunaan dadah, perjudian, maksiat, pergaduhan di tempat-tempat awam akan turut meningkat sehingga suasana di bandar-bandar dan kawasan-kawasan perumahan menjadi tidak aman seperti sedia kala.

Dari sudut ekonomi, kumpulan kongsi gelap yang bermaharajalela akan menjejaskan keyakinan pelabur asing dan pelabur tempatan. Sebagai contoh, pelabur-pelabur dan peniaga-peniaga akan merasa bimbang untuk menjalankan perniagaan mereka kerana dipaksa membayar wang perlindungan kepada kumpulan kongsi gelap yang memeras mereka. Kadar jenayah berat yang tinggi juga akan menyebabkan

pelancong berasa tidak selamat dan tidak memilih untuk melancong ke negara ini. Akhirnya, pembangunan ekonomi akan tercacat dan seterusnya menjatuhkan nilai mata wang negara.

Dari sudut politik pula, terdapat juga kemungkinan kumpulan-kumpulan jenayah terancang untuk mempengaruhi ahli-ahli politik dan pegawai-pegawai kanan kerajaan bagi melindungi kegiatan mereka. Sekiranya hal ini dibenarkan berlaku, maka institusi kerajaan akan kehilangan kredibiliti dan kewibawaan dan seterusnya menyebabkan kerugian besar kepada negara.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat Senator dan Dewan yang mulia ini, Rang Undang-undang Pencegahan Jenayah (Pindaan dan Pemerluasan) 2013 telah dibaca kali pertama di Dewan Rakyat pada 25 September 2013 dan dibaca kali kedua dan ketiga seterusnya diluluskan dalam Dewan Rakyat pada 2 Oktober 2013. Rang undang-undang yang dibentangkan di hadapan Dewan yang mulia ini bertujuan untuk memperkasakan Akta Pencegahan Jenayah 1959 yang sudah lapuk dan tidak relevan lagi dengan keadaan semasa dan arus teknologi yang berkembang pada masa ini.

Pindaan ini dibuat bagi memastikan pihak polis boleh mengambil tindakan secara lebih efektif terhadap penjenayah-penjenayah, seterusnya membendung aktiviti-aktiviti jenayah daripada terus meningkat. Rang undang-undang ini memperuntukkan perkara-perkara seperti berikut:

- (i) Akta ini akan diperluaskan pemakaiannya ke seluruh Malaysia. Akta Pencegahan Jenayah 1959 pada masa ini hanya terpakai di Semenanjung Malaysia sahaja. Dengan pemakaian yang diperluaskan, maka akta ini boleh dikuatkuasakan di seluruh Malaysia termasuk di Sabah, di Sarawak dan di Wilayah Persekutuan Labuan.
- (ii) Berhubung dengan tempoh tahanan reman. Rang undang-undang ini akan menurunkan jumlah tempoh tahanan reman daripada 71 hari kepada 59 hari yang dikeluarkan oleh Majistret. Jumlah ini tidak termasuk 24 jam tempoh tahanan reman pertama yang dibuat oleh pegawai polis. Dalam masa yang sama, fasal 4 rang undang-undang ini memperuntukkan bahawa reman orang yang ditangkap bagi tujuan siasatan. Subseksyen 4(2) pula memberi kuasa untuk memerintahkan reman bagi masa *inquiry* yang akan dikeluarkan oleh Majistret bagi siasatan yang dikategorikan sebagai kesalahan

berat. Susulan itu, seksyen 5 itu mengenai lanjutan tempoh tahanan reman dimansuhkan.

- (iii) Fasal 6 memperuntukkan supaya kuasa menyediakan kenyataan bertulis semasa permohonan reman selama 21 hari di Mahkamah Majistret dibuat oleh seorang pegawai polis berpangkat tidak rendah daripada Inspektor. Bagi permohonan reman selama 38 hari di Mahkamah Majistret pula, kenyataan bertulis oleh pegawai polis berpangkat tidak rendah daripada ASP ataupun *Assistant Superintendent of Police* dikekalkan.
- (iv) Rang undang-undang ini turut dipinda bagi memastikan pemantauan yang lebih efektif, pemakaian peranti pengawasan elektronik atau *electronic monitoring device* ataupun bahasa ringkasnya (EMD) boleh dikenakan seperti mana yang dinyatakan dalam fasal ini memperuntukkan bahawa orang-orang yang diberi jaminan boleh dipakaikan EMD selama tempoh yang ditetapkan. Permohonan ini akan dibuat oleh timbalan pendakwa raya kepada Hakim Mahkamah Sesyen.
- (v) Seterusnya bagi memastikan tiada lagi tuduhan penyalahgunaan kuasa terhadap Menteri atau satu lembaga pencegahan jenayah akan ditubuhkan di bawah fasal 11 iaitu dengan memasukkan peruntukan baru iaitu seksyen 7B. Lembaga ini akan terdiri daripada seorang pengerusi dan empat orang ahli yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong. Kriteria pengerusi yang dilantik mestilah seorang yang pernah atau sedang atau yang layak menjadi seorang Hakim Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan ataupun Mahkamah Tinggi.
- (vi) Fasal 14 adalah mengenai syarat-syarat tambahan yang dimasukkan ke dalam seksyen 15. Antaranya berhubung kemestian untuk mengisytiharkan peralatan-peralatan komunikasi yang digunakan kepada ketua polis negeri yang berkaitan.
- (vii) Fasal 19 pula adalah mengenai pengenalan seksyen baru 15A iaitu di mana semakan kehakiman boleh dibuat terhadap keputusan yang dibuat oleh Lembaga Pencegahan Jenayah mengenai ketidakpatutan kepada prosedur yang telah ditetapkan.



- (viii) Bagi memastikan pematuhan terhadap perintah yang dikeluarkan di bawah akta ini. Fasal 20, 21, 22 dan 24 pula dibuat bagi memperkenalkan penalti yang lebih berat terhadap kesalahan-kesalahan yang dilakukan berdasarkan kepada akta ini.

■ 1150

- (ix) untuk memastikan undang-undang ini adalah lebih efektif membanteras jenayah, maka undang-undang ini akan dipinda di bawah perkara 149 Perlembagaan Persekutuan. Oleh yang demikian, fasal 23 dibuat bagi memperkenalkan bahagian baru iaitu Bahagian IVA iaitu untuk mengadakan perintah tahanan bagi tempoh tidak melebihi dua tahun pada satu-satu masa selain daripada perintah pengawasan yang sedia ada;
- (x) menyedari bahawa rang undang-undang ini digubal di bawah perkara 149 yang membenarkan penahanan individu oleh pihak polis untuk tujuan siasatan di luar norma kebiasaan tatacara jenayah dan undang-undang keterangan yang lazim, maka kerajaan telah mengambil keputusan mengadakan beberapa perlindungan jaminan ataupun *safe guards* seperti berikut:
  - (a) memasukkan fasal 19E iaitu mengenai kemukaan laporan tahunan kepada Parlimen; dan
  - (b) Memperkenalkan *sunset clause* seperti mana yang dinyatakan di dalam fasal 19F. Peruntukan ini memerlukan supaya Bahagian IVA mengenai perintah tahanan ini dikaji semula tiap lima tahun dan hendaklah berhenti berkuat kuasa melainkan jika apabila semakan disebut satu ketetapan di lulus oleh kedua-dua Majlis Parlimen untuk dilanjutkan tempoh kuat kuasa peruntukan itu.
- (xi) iaitu mengenai isu saksi takut memberi keterangan. Kepentingan umum dan keselamatan saksi akan dilindungi seperti mana yang dinyatakan di bawah fasal 21A yang melarang penzahiran maklumat seperti mana yang dinyatakan di dalam fasal 25; dan akhir sekali
- (xii) Fasal 26 adalah untuk mengenai pindaan terhadap seksyen 22 untuk memberi kuasa kepada Menteri bagi meminda Jadual.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum ini terdapat undang-undang pencegahan yang diguna di mana-mana kuasa yang mencukupi diberi kepada pihak polis untuk menangani kes-kes jenayah terancang dan jenayah kekerasan dengan berkesan. Malah, merupakan elemen utama dalam langkah pencegahan jenayah. Keberkesanan undang-undang tersebut juga sudah terbukti semasa Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) 1969 dikuatkuasakan sebelum ini. Dalam hal ini keselamatan dan ketenteraman awam tidak sepatutnya diperjudikan semata-mata disebabkan penolakan terhadap peruntukan penahanan pencegah tanpa bicara yang dilihat sebagai melanggar hak asasi manusia.

Rakyat seharusnya jelas dan yakin mengenai keperluan peruntukan seumpama ini. Walaupun terdapat pihak-pihak tertentu yang mempunyai kepentingan peribadi akan menentang dan mengutuk tindakan kerajaan untuk memperkenalkan semula peruntukan tahanan pencegahan sebagai tidak berperikemanusiaan dan sebagainya. Namun ia masih perlu demi kepentingan dan keselamatan rakyat. Penahanan tanpa bicara mempunyai kelebihan dalam aspek tindakan pencegah ke atas jenayah terancang dan jenayah kekerasan. Ini kerana jika kes jenayah seumpama itu dibicarakan di mahkamah. Terdapat keperluan untuk memanggil saksi yang mana ia merupakan satu masalah besar apabila saksi keberatan untuk tampil memberi keterangan.

Terdapat banyak kes di mana saksi bagi kes-kes jenayah terancang dan jenayah kekerasan sebelum ini telah dibunuh, diugut dan sebagainya yang menyebabkan mereka takut untuk memberi keterangan. Antara kekangan utama dalam proses siasatan kes jenayah terancang, jenayah kekerasan ialah tiada *collaboration* bagi mengukuhkan keterangan. Ini merupakan cabaran terbesar dalam memerangi jenayah terancang dan jenayah kekerasan. Kegagalan menemui barang kes seperti senjata yang diguna akan menyebabkan kes tersebut tidak boleh dibawa ke mahkamah walaupun pengakuan suspek berjaya direkod oleh pihak polis.

Dalam kemajuan teknologi maklumat dan komunikasi pada masa ini, penambahbaikan secara keseluruhan Akta Pencegahan Jenayah 1959 yang termasuk peruntukan untuk penahan pencegahan sangat perlu bagi mengekang secara efektif tindak tanduk penjenayah yang berada dalam tahanan serta meningkatkan kapasiti pengawasan polis. Ini adalah penting kerana dengan bantuan peralatan komunikasi yang canggih, penjenayah khususnya dalam kongsi gelap yang dikenakan perintah pengawasan atau tahanan pencegahan, masih mampu meneruskan aktiviti jenayah melalui arahan yang boleh diberi dengan mudah kepada ahli-ahli kumpulan masing-masing.

Misalnya memberi amaran atau mencederakan saksi. Sehubungan itu juga adalah wajar dipastikan penjenayah yang dikena perintah pengawasan polis tidak dapat berhubung dengan pihak luar untuk memberi arahan misalnya yang boleh mengancam keselamatan saksi atau mengganggu siasatan polis. Oleh yang demikian dengan mandat yang diberi oleh rakyat pada pilihan raya umum yang lalu, kerajaan dengan penuh tanggungjawab akan memastikan rakyat Malaysia terlindung dan terus hidup dengan keadaan aman. Keamanan ini tinggi nilainya berbanding dengan pergolakan dan beberapa buah negara di Asia Barat.

Ingin saya tegaskan di sini bahawa penjenayah adalah buta warna dan tidak mengira siapa pun mangsanya. Kita perlu menerima kenyataan sungguh ia pahit untuk ditelan. Oleh yang demikian, saya menyeru agar semua pihak mengetepikan fahaman politik dan kepentingan diri masing-masing bagi membuat penilaian rasional demi kepentingan, keselamatan dan kesejahteraan rakyat Malaysia secara keseluruhannya. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ada sesiapa yang menyokong?

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Waytha Moorthy a/ Jaganathan]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda dan memperluas Akta Pencegahan Jenayah 1959 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Dr. Syed Husin Ali. Silakan Yang Berhormat.

**11.58 pg.**

**Dr. Syed Husin Ali:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya membahas Rang Undang-undang Pencegahan Jenayah (Pindaan dan Pemerluasan) 2013. Sebelum saya membahas, izinkan saya untuk menegaskan bagi diri saya juga dan pihak kawan-kawan saya bahawa kami berpegang teguh dan ingin melihat tindakan yang tegas serta berkesan untuk menangani masalah yang berkaitan dengan jenayah dan keganasan. Tidak ada kompromi bagi kami dalam hal itu. Akan tetapi kami berpendapat bahawa perang melawan jenayah dan kekerasan bukannya dengan cara mengadakan akta seperti ini.

Salah satu caranya ialah untuk meningkatkan taraf profesional polis itu sendiri supaya polis bukan saja berkesan untuk bertindak dengan ilmu yang lebih, dengan latihan

yang lebih baik dan dengan peralatan yang lebih lengkap tetapi mereka juga harus bertanggungjawab untuk melakukan kerja-kerja dan peranan-peranan yang harus mereka lakukan.

#### ■1200

Bila bercakap tentang tanggungjawab ini, kita tentu ingat tentang suruhanjaya yang telah dibentuk untuk mengkaji soal polis iaitu yang telah membuat perakuan. IPCMC membuat perakuan tidak kurang daripada 125 perkara untuk menaikkan taraf profesional dan untuk meninggikan lagi imej polis. Di antara 125 perkara itu, banyak yang bersabit dengan soal penahanan jenayah ini.

Salah satu yang saya ingat daripada perakuan IPCMC ini ialah bahawa Akta Pencegahan Jenayah ini iaitu *Akta 159* harus dibatalkan atau dimansuhkan. Akan tetapi sebaliknya kita dapati sekarang bukan pemansuhan yang berlaku tetapi ialah perlanjutan daripada elemen-elemen yang kita hendak mansuhkan daripada ISA dan juga memperluaskan lagi kuasa yang ada pada akta tersebut. Apa maksud saya?

Seperti yang kita ketahui IPMC mahukan profesionalisme polis itu bertambah baik. Akan tetapi saya bimbang bahawa dengan akta ini, alat bagi polis tidak akan dapat dipertingkatkan, profesionalisme mereka tidak dapat dipertingkatkan, latihan untuk mereka tidak dapat dipertingkatkan. Ini kerana apa? Ini kerana sekarang ini mereka sudah mempunyai seolah-olah cara mudah untuk menyelesaikan masalah. Cara mudahnya ialah bila sesiapa yang disyaki membuat kesalahan jenayah, maka terus sahaja ditahan.

Sama jugalah, misalnya ada pandangan-pandangan mengatakan bahawa penjenayah yang hidup ini susah hendak kita tangani. Kita kena bawa dia dalam mahkamah untuk dibicarakan. Ini mengambil masa yang lama dan kita mungkin kalah. Jadi, oleh kerana itu jalan mudah dan jalan senangnya ialah tembak mereka dahulu. Mengapa tidak tembak kaki? Mengapa tembak badan untuk membunuh? Bukankah ini memudahkan lagi kerja mereka?

Jadi, adakah dengan cara hendak memudahkan ini, kita akan melakukan sesuatu yang zalim, yang bertentangan dengan keadilan. Namun begitu Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini telah *dsteamrolled* dalam Dewan Rakyat. Mengapakah agaknya perlu *dsteamrolled* sehingga diluluskan pada jam 12.50 pagi, kalau tidak salah saya pada 3 hari bulan. Saya berpandangan dan ini pandangan yang mungkin tidak disetujui oleh sesetengah pihak ialah kerana pertama, ada sikap Menteri atau pun kerajaan yang tidak cukup demokratik dan tidak cukup menghormati hak asasi.

Mengapa saya katakan demikian? Sebab sekarang ini banyak sangat kenyataan-kenyataan dan kenyataan-kenyataan yang buruk sekali ialah seperti yang dibuat oleh seorang Menteri. Kita tembak dahulu dan selepas itu boleh bicara, boleh bincang. Ini menunjukkan satu sikap yang salah dan sikap ini boleh mendorong untuk mengadakan undang-undang seperti ini. Padahal undang-undang yang membenarkan tahanan tanpa bicara sudah dimansuhkan. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri telah mengusahakan supaya ISA dimansuhkan. Salah satu sebab ISA dimansuhkan ialah kerana anggapan bahawa penahanan tanpa bicara tidak adil.

Sebaliknya sekarang itu yang diteruskan, itu yang diluluskan. Sikap inilah yang saya rasa boleh membawakan akibat-akibat jauh lebih buruk kepada negara daripada perkara-perkara yang kita sangat takut sekarang ini. Ada kemungkinan pula yang keduanya, *dsteamroll* undang-undang ini oleh kerana adanya tekanan-tekanan daripada golongan-golongan ekstrem yang kadang-kadang memandang soal penjenayah-penjenayah ini bersifat perkauman sehingga ditumpukan perhatian dan sasaran kepada golongan tertentu. Ada juga tekanan-tekanan daripada misalnya mereka yang sengaja bersifat *authoritarian* dan mahu undang-undang seperti ini memberikan kemudahan untuk menangani cabaran-cabaran terhadap mereka. Sikap ini kita lihat, misalnya pada seorang mantan Perdana Menteri. Jadi, adakah kerana tekanan-tekanan tersebut, maka diburu-burukan?

Yang ketiganya, mungkin ada perhitungan politik. Ada pihak yang mengatakan dan mengharapkan bahawa dengan kelulusan cepat undang-undang ini, maka ia memberikan bonus politik terutama sekali menjelang pemilihan pimpinan UMNO. Ini bukan sahaja tuduhan orang bukan UMNO tetapi oleh orang UMNO sendiri dan khabarnya diakui sendiri oleh menteri yang berkenaan. Perkara ini saya tidak dapat pastikan. Mungkin betul, mungkin tidak.

Jadi, kenapa diburu-burukan? Padahal Menteri sendiri dan khabarnya Kabinet sendiri ada membuat keputusan yang memang disuarakan dalam akhbar sebelum ini bahawa pandangan-pandangan yang dikemukakan oleh pihak kerajaan atau pun pihak lawan, yang baik terhadap rang undang-undang ini akan dipertimbangkan, akan dimasukkan. Akan tetapi akhirnya tidak dimasukkan, tidak dipertimbangkan. Apatah lagi dimasukkan.

Akhir-akhirnya, pihak yang menentang penahanan tanpa bicara sepertinya, umpamanya *Attorney General* yang telah mengemukakan pandangan dan kenyataan bahawa dia tidak bersetuju. Dengan itu, habis diketepikan. Akhirnya, pandangan Perdana Menteri sendiri yang menentang ISA tidak penting lagi kerana beliau sendiri

datang untuk mengundi menyokong akta ini. Jadi bererti, apa maknanya kita bangun dalam Parlimen mengatakan kita menentang ISA, kita menentang tahanan tanpa bicara tetapi bila sampai *crunchnya* kerana ada tekanan-tekanannya, maka kita bersetuju.

Tuan Yang di-Pertua, saya menganggap bahawa akta ini adalah bertentangan dengan tiga perkara. Pertama, ia bertentangan dengan semangat perlembagaan itu sendiri, Perlembagaan Persekutuan sendiri. Perkara 5 menyatakan dengan jelas misalnya tentang apakah sikap-sikap yang harus diambil.

#### ■1210

Secara kasar saya bacakan misalnya perkara 5(2), “jika pengaduan dibuat kepada Mahkamah Tinggi atau mana-mana Hakim Mahkamah Tinggi menyatakan bahawa seseorang sedang ditahan dengan menyalahi undang-undang, maka mahkamah itu hendaklah menyiasat. Jika seseorang ditangkap dan tidak dilepaskan, maka orang itu hendaklah tanpa kelengahan dibawa ke mahkamah dalam tempoh 24 jam.” Ini dalam Perlembagaan. Akan tetapi saya akui sebagaimana yang diterangkan oleh Menteri tadi bahawa fasal 148 mengatakan bahawa undang-undang boleh diluluskan dan undang-undang itu mengatasi Perlembagaan.

Kalau undang-undang itu adil dan memberikan keuntungan yang banyak kepada rakyat, kami tidak akan bangun untuk menentangnya. Kami tidak akan menyatakan bahawa ianya bertentangan dengan Perlembagaan. Akan tetapi kalau ada unsur-unsur yang zalim dan saya akan terangkan apa unsur zalimnya nanti dan ada unsur tidak adil, maka boleh dicabar nanti di mahkamah terhadap kedudukan undang-undang itu berhubungan dengan perlembagaan negara.

Keduanya, selain daripada bertentangan dalam semangat perlembagaan, ia juga melanggar prinsip hak asasi manusia. Hak asasi manusia ini terakam secara universal, diterima oleh bangsa bersatu, dihormati di negara-negara yang menghormati undang-undang. Apabila misalnya kita mengatakan boleh dibunuh seseorang yang disyaki sebelum dia dibicarakan, sebelum dia dibuktikan salah dan apabila kita misalannya dengan mudah sahaja menahan orang selama dua tahun dan tambah dua tahun lagi dan tambah dua tahun lagi, bererti itu tidak menghormati hak asasi seseorang itu. Sepatutnya asasnya haruslah pengadilan, pembicaraan, penghakiman.

Ketiga, akta ini sebenarnya bertentangan dengan ajaran Islam. Islam mengatakan bawah tidak boleh seseorang itu ditahan atau dipenjarakan tanpa penghakiman. Islam juga mengatakan kita tidak boleh misalnya, membunuh seseorang itu kerana ada macam-macam yang dihormati oleh Islam. Satu ialah hormati nyawa, satu ialah menghormati harta benda. Sekarang kita tidak menghormati nyawa. Jadi bukan kita melanggar

perlembagaan, bukan sahaja kita melanggar hak asasi, tetapi kita juga melanggar agama Islam yang menjadi agama Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, saya katakan tadi bahawa akta ini bukan sahaja melanjutkan beberapa unsur tidak baik daripada Akta ISA, tetapi ia diperluaskan lagi. Antara yang tidak baik, yang paling tidak baik ialah tentang penahanan dua tahun itu. Perkara yang lain misalannya ialah dalam mukadimah akta ini, seolah-olah diberi kuasa yang luas dan mukadimah ini sebenarnya adalah mukadimah dalam EO (*Emergency Ordinance*) Tuan Yang di-Pertua. *Emergency Ordinance* ada mukadimah ini, bulat-bulat diambil dan dimasukkan ke dalam rang undang-undang yang baru ini.

Saya sebut tadi tentang rang undang-undang ini diasaskan pada tahanan tanpa bicara. Mula-mula selama dua tahun, kemudian boleh ditambah dua tahun, dua tahun dan dua tahun. Perakuan tentang penahanan dua tahun ini adalah dilakukan oleh sebuah lembaga pencegahan jenayah. Ini sesuatu perkara yang berbeza sedikit dengan ISA. Kalau ISA dibuat perakuan oleh, disain Menteri sendiri tetapi sekarang ini oleh lembaga. Akan tetapi sejauh manakah Tuan Yang di-Pertua, kita akan mendapat jaminan bahawa lembaga ini betul-betul bebas daripada pengaruh Menteri atau pengaruh politik?

Semasa saya ditahan dahulu di bawah ISA, saya cuma ditahan pendek sahaja selama enam tahun, kita dapati bahawa ada lembaga yang digelar sebagai Lembaga Penasihat. Lembaga ini adalah lembaga yang menasihati Menteri, sama ada patut dibebaskan seseorang itu tidak. Lembaga ini dipengerusikan oleh seorang hakim. Mula-mulanya seorang hakim ekspatriat bernama Justice Good yang tidak *good* sama sekali, bahkan *bad*. *Bad* fasal apa? Kerana dia tidak menunjukkan sifat perikemanusiaan dan sifat neutral.

Kenapa? Beliau lebih bergantung kepada laporan polis, laporan *special branch*. Laporan *special branch* itu, tuduhan *special branch* itu tidak pernah diberi peluang untuk dibawa ke mahkamah, untuk dicabar di dalam mahkamah. Apa yang dituduh, itulah dia. Enam bulan sekali *special branch* akan datang dan bertanya, "*Engkau menyesal tidak? Engkau mengaku tidak tuduhan-tuduhan yang kami buat?*". Kita kata, "*Fasal apa hendak mengaku, aku tidak buat. Kita tidak terima tuduhan-tuduhan ini.*" Jadi kita akan dikatakan degil, keras kepala, kena tahan tambah hari lagi.

Lembaga ini pun nanti, walaupun apa hujah yang diberi dalam lembaga penasihat itu, walau apa diberi sebagai hujah oleh peguam-peguam kita, namun itu tidak diambil kira. Ini kerana yang pentingnya ialah rekomendasi daripada SB dan sikap Menteri terhadap politik kita. Jadi, apakah jaminannya bawah lembaga yang dibentuk ini akan bersifat adil dan tidak zalim?

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang disebut dalam rang undang-undang ini, lembaga ini mengambil keputusan atas dasar siasatan yang dilakukan oleh seorang pegawai penyiasat. Disebutkan tadi tentang polis mungkin menyiasat dan pangkatnya jangan kurang daripada inspektor dan sebagainya. Akan tetapi ada persoalan yang saya hendak tanyakan, apakah jaminan bawah penyiasat itu tidak boleh dibeli, tidak boleh disogok dan tidak boleh membuat *recommendation* yang berlainan? Berbalik kepada tahanan ISA, antara tahanan ISA itu ialah orang yang dikatakan prokomunis atau mengancam negara dan sebagainya. Akan tetapi ada juga orang yang ditahan itu adalah mereka yang membuat pasport palsu atau kad pengenalan palsu.

#### ■1220

Kita juga mengetahui daripada cerita-cerita yang dibawa oleh orang yang ditahan itu iaitu ditahan kerana pasport dan sebagainya, bahawa mereka diminta wang oleh pegawai-pegawai penyiasat dan memberi wang kepada pegawai-pegawai penyiasat dan dijanjikan untuk bebas awal dan ada di antaranya memang bebas awal. Jadi saya ingin bertanya apakah dia jaminan bahawa pegawai penyiasat itu tidak akan bebas daripada pengaruh wang dan juga mungkin politik.

Tuan Yang di-Pertua, fasal 19 memasukkan seksyen baru iaitu 15A yang menidakkan semakan kehakiman iaitu *judicial review* melainkan dalam soal-soal tatacara sahaja iaitu prosedur. Dalam ISA ada kemungkinannya *habeas corpus* iaitu tindakan undang-undang yang meminta supaya orang yang ditahan itu dibawa ke mahkamah dan dipertimbangkan sama ada adil atau tidak adil dia ditahan. Saya tidak nampak misalnya syarat yang berkaitan dengan *habeas corpus* ini dalam undang-undang yang ada ini. Bila kita tidak membenarkan *judicial review*, saya menganggap ini adalah satu cara yang bertentangan sama sekali dengan sistem kehakiman yang adil dengan prinsip keadilan. Jadi apakah asasnya bagi kita menafikan atau menidakkan *judicial review* ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam negara ini sudah banyak sangat undang-undang yang boleh menangani soal jenayah. Saya ingat dahulu orang menyenaraikan bahawa tidak kurang ada 30 undang-undang yang boleh digunakan tanpa menggunakan ISA. Sekarang ini pun kita tahu ada banyak undang-undang misalnya undang-undang senjata api, undang-undang mengakibatkan *violence*, dengan izin dan banyak lagi undang-undang. Mengapa tidak guna undang-undang ini untuk tangkap orang dan bicara orang? Mengapa gunakan PCA ini? Adakah kerana seperti yang saya sebut tadi, kerana sikap kita hendak menyelesaikan masalah dengan cepat. Tidak payah pergi mahkamah, tidak payah dibicarakan. Nanti mungkin kalah kes. Bunuh sahaja, tahan sahaja lebih mudah, lebih indah.



Bila kita ditahan dua tahun dan ditambah dua tahun lagi, ada dua kemungkinan bagi seseorang yang ditahan itu. Satu kemungkinan ialah orang yang ditahan itu membuat kesalahan yang kecil. Kalau misalnya dibawa ke mahkamah dan dihukum cuma dihukum mungkin setahun dan dibayar denda RM5,000. Akan tetapi dengan adanya undang-undang ini dia menanggung hukuman yang jauh lebih lama. Mungkin dua tahun tidak cukup, kena empat tahun. Jadi bererti lebih daripada yang boleh dikenakan oleh mahkamah. Mana adilnya?

Satu lagi mungkin dia boleh menguntungkan seorang yang ditahan itu. Katakanlah seseorang yang ditahan itu telah melakukan keganasan yang mengakibatkan kematian dan kalau dibawa ke mahkamah boleh jadi ditahan seumur hidup. Akan tetapi bila dia tidak dibawa ke mahkamah tapi ditahan di bawah undang-undang ini dia boleh jadi ditahan hanya dua tahun, empat tahun atau enam tahun. Lepas itu bebas. Bukankah ini bererti bahawa seseorang yang melakukan jenayah yang besar dan berat boleh melepaskan dirinya melalui akta ini dengan ditahan masa yang pendek.

Satu lagi Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapatkan jaminan yang jelas dalam Dewan ini sejauh mana rang undang-undang ini tidak akan digunakan untuk kepentingan politik dengan mengambil tindakan terhadap orang-orang politik yang dianggap sebagai lawan. Benar Tuan Yang di-Pertua, bahawa undang-undang ini adalah undang-undang untuk mencegah jenayah. Akan tetapi kalau kita lihat fasal yang berkaitan misalnya Bahagian IVA - *Detention Orders*.

*"The board may, after considering the report of the inquiry officer submitted under section 10..... detain a person for a period not exceeding two years at the time, if it is satisfied that such detention is necessary in the interest of public order, public security or prevention of crime"*.

Yang ketiga disebut ialah *prevention of crime*. Padahal undang-undang ini diperkenalkan atau digubal untuk mencegah jenayah. Mengapa misalnya disebut tentang *public order*? Mengapa disebut tentang *public security*? Inilah dia asas-asas yang digunakan untuk menahan orang di bawah ISA dahulu. Kalau misalnya ada ancaman *public order* dengan *public security* dengan senang sahaja. Kalau misalnya ada perhimpunan aman, tapi malangnya perhimpunan aman itu diprovokasi oleh elemen-elemen provokator ataupun diprovokasi oleh tindakan polis sendiri dan dengan demikian ia boleh jadi liar. Ini yang selalu berlaku dan kalau ini berlaku sekarang ini ditangkap orang, dibawa bicara. Lain kali lepas undang-undang ini tidak payah tangkap, tidak payah bicara. Adakan *inquiry*, adakan penyiasatan oleh seorang yang tidak berpengalaman yang berpangkat inspektor yang mengharapkan naik pangkat lagi dan yang tidak tahu

buat apa-apa melainkan hanya turut perintah, akhirnya dia mencadangkan supaya orang yang diprovokasi tadi seorang ahli politik, ditahan.

Jadi bukankah ini menunjukkan bahawa ada jalan terbuka bagi undang-undang ini disalahgunakan secara politik. Itu sebab saya meminta jaminan daripada Menteri, daripada kerajaan dalam Dewan ini bahawa undang-undang ini...

**Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad:** Bagi laluan.

**Dr. Syed Husin Ali:** Ya, sila.

**Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad:** Yang Berhormat, apa Yang Berhormat kata tadi ini adalah satu andaian ataupun satu tuduhan. Terima kasih.

**Dr. Syed Husin Ali:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bukan andaian, sebab sekarang ini memang berlaku orang yang ditahan, pemimpin politik yang ditahan, ada yang sudah dibuang kes, ada yang masih berterusan ditahan kerana tindakan-tindakan yang dituduh sebagai mengancam *security* ataupun *public order*.

Jadi kalau sekarang ini kalau dibawa ke mahkamah masa akan datang nanti bukan dibawa ke mahkamah, tapi dibawa terus ke penjara. Penjara ini pula bukan tempat tahanan yang biasa seperti ISA, tetapi penjara untuk penjenayah juga akan jadi tempat tahanan bagi orang-orang seperti ini nanti.

#### ■1230

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya tegaskan dari awal tadi, saya menentang sekuat-kuatnya jenayah dan keganasan yang membawa jenayah. Akan tetapi saya juga menentang dengan sekuat-kuatnya akta ini kerana akta ini bukan sahaja tidak adil sifatnya, bertentangan dengan perlembagaan hak asasi dan agama, bahkan juga boleh membuka salah guna yang bersifat politik. Itulah sebabnya kita harus berhati-hati. Jangan kita pergi ke belakang, berundur ke belakang. Bila Perdana Menteri dulu mencadangkan pemansuhan ISA, EO dan sebagainya, itu satu jalan ke hadapan, menuju apa yang diharapkan sebagai demokrasi dan reformasi. Akan tetapi sekarang ini kita bukan berjalan ke hadapan, bahkan mundur ke belakang dan akan bersifat nanti sebagai akhirnya pemerintahan yang menuju kepada jalan *authoritarian*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman. Silakan Yang Berhormat Senator.

**12.32 tgh.**

**Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Pencegahan Jenayah dipanggil Rang Undang-undang Pencegahan Jenayah (Pindaan dan Pemerluasan) 2013 ini digubal di bawah perkara 149, Perlembagaan Persekutuan kerana terdapatnya satu keperluan mendesak. Di dalam beberapa tahun yang terdekat, jenayah telah bertambah dan rakyat telah menyuarakan kegelisahan menghadapi kes-kes pembunuhan, rompakan dan rogol yang bertambah.

Untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, bagi tahun 2013 sahaja terdapat sebanyak 109 kejadian tembakan yang dalam siasatan polis melibatkan 100% kumpulan kongsi gelap. Maka kerajaan telah mengambil tindakan untuk meminda dan meluaskan Akta Pencegahan Jenayah 1959 untuk mengambil tindakan membanteras aktiviti-aktiviti jenayah oleh individu dan kumpulan di dalam atau luar negara yang telah menyebabkan rakyat berada di dalam keadaan ketakutan disebabkan tindakan ganas yang terancang terhadap individu dan harta benda.

Akta 1959 juga dipinda untuk merangkumi seluruh Malaysia iaitu termasuk Sabah dan Sarawak. Pihak yang menentang seperti yang disebut oleh kawan kita Dr. Syed Husin Ali sekejap tadi menggunakan *favourite topic* iaitu alasan *human rights*. Akan tetapi kadang-kala kita lupa bahawa *human rights* termasuk juga hak asasi setiap rakyat untuk hidup dalam keadaan aman damai tanpa diganggu gugat oleh penjenayah, istimewa pula jika jenayah itu, rompakan dan pembunuhan oleh kumpulan-kumpulan gengster iaitu dengan izin, *organized crime*. Bagaimana pula hak asasi mereka dan keluarga yang menjadi mangsa yang kadang-kala kita baca dalam surat khabar, tengok di kaca TV, amat-amatlah ngeri sekali.

Satu lagi tentangan yang disebut ialah berhubung kait dengan penyalahgunaan kuasa. Ini pun memanglah *the favorite topic*. Menahan penjenayah tanpa pembicaraan. Kuasa untuk ditahan di bawah undang-undang ini sekarang bukan lagi terletak di tangan Menteri tetapi satu lembaga iaitu Lembaga Pencegahan Jenayah. Kalau kita nak persoalkan bagaimana kita nak jamin mereka itu tidak akan menerima wang ringgit tetapi soalan yang sama juga kita boleh katakan kepada sesiapa juga termasuk *judges* kita dan sebagainya.

Maknanya orang yang kita pilih sebagai menjadi Ahli Lembaga Pencegahan Jenayah ini, kerajaan telah memberi jaminan bahawa mereka itu orang-orang yang berintegriti tinggi dan mempunyai pengalaman di dalam perundangan yang saya penuh yakin akan menggunakan kuasa semata-mata untuk menentukan keselamatan rakyat

terjamin supaya rakyat tidak digugat oleh kumpulan-kumpulan jenayah, istimewa pula sindiket-sindiket dan kongsi gelap. Ia juga akan menjaga keselamatan pelancong-pelancong dan saya yakin ia akan juga menambah kepercayaan pelabur-pelabur dari luar negara.

Saya penuh yakin dan kita pun telah diberitahu di Dewan Rakyat bahawa Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sebelum menggubal undang-undang ini telah bertemu dengan kumpulan-kumpulan dengan izin, *engage* dengan mereka termasuklah NGO dan sebagainya sebelum rang undang-undang ini digubal. Saya fikir bukanlah tugas saya untuk menjawab semua soalan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Dr. Syed Husin Ali tadi kerana itu saya fikir akan dijawab oleh Yang Berhormat Menteri ataupun Timbalan Menteri.

Akan tetapi saya nak bagi komen sedikitlah, mengatakan bahawa Yang Berhormat menggunakan atau menggubal undang-undang ini kerana pemilihan UMNO. *I think it is not very fair.* Adakah seorang Menteri yang begitu bertanggungjawab, yang menjaga keselamatan negara boleh menggunakan pentas ini untuk pemilihan UMNO?

▪ **1240**

Jaminan, adakah kerajaan boleh menjamin mereka-mereka yang terpilih sebagai ahli lembaga tidak akan dibeli? Seperti yang saya kata tadi, saya yakin bahawa pemilihan ini akan dibuat dengan setulus-tulusnya dan kerja-kerjanya akan dibuat dengan setulus-tulusnya. Itu saya fikir kerajaan akan jamin dan saya pasti Yang Berhormat Timbalan Menteri di dalam penggulungan nanti akan memberi jaminan itu. Kegunaan politik ini adalah seperti yang saya katakan tadi menyalahgunakan untuk kuasa politik ini pun terjawab dengan kuasanya tidak lagi di tangan mana-mana Menteri tetapi lembaga yang dipilih sendiri oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Marilah kita tengok kepada rang undang-undang ini secara positif. Janganlah tuduh bahawa mana-mana rang undang-undang ini yang digubal oleh kerajaan kerana politik. Ianya adalah kerana di dalam masa terdekat ini, rakyat telah terancam dengan *organize crime* sehinggakan di mana-mana sahaja rakyat telah menyatakan bahawa kerajaan membuat sesuatu supaya perkara ini tidak akan berlaku.

Adakah kita hendak hidup dalam satu negara yang aman damai seperti kami telah hidup dalam masa 50 tahun yang telah berlalu tetapi adakah kita hendak hidup di mana gengsterisme, *organize crime* bertambah? Kita ditembak. Macam apa yang terjadi di beberapa tempat, apabila kita berjalan di tengah raya ataupun kita hendak terus hidup di dalam keadaan aman damai. Saya fikir banyak jawapan ini akan dibuat oleh Yang

Berhormat Timbalan Menteri nanti dan juga kawan-kawan lain yang akan mengambil bahagian di dalam perbahasan ini. Sekian, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya kita beralih kepada Yang Berhormat Dato' Syed Ibrahim bin Kader.

#### 12.43 tgh.

**Dato' Syed Ibrahim bin Kader:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas ruang yang diberikan untuk turut sama membahaskan rang undang-undang bagi meminda Akta Pencegahan Jenayah 1959 ini di mana saya percaya ia adalah masa yang sangat sesuai bagi menjamin keselamatan dan kesejahteraan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat rang undang-undang ini membabitkan pindaan 13 seksyen dalam Akta Pencegahan Jenayah 1959 dan akan menjadi sandaran utama pihak berkuasa mencegah jenayah berkumpulan dan terancang di negara ini. Pindaan ini dibuat berikutan kenaikan mendadak kadar jenayah terancang dan berkumpulan di negara ini terutamanya selepas kejadian menghapuskan undang-undang pencegahan sebelum ini seperti ISA dan EO. Jika selama ini pembangkang menjerit mengenai indeks jenayah yang tinggi, jangan percaya ianya kerana memperjuangkan isu rakyat tetapi jeritan mereka hanyalah untuk mempolitikkan isu tersebut.

Merendahkan peranan polis dan menjejaskan kredibiliti kerajaan selain menampakkan diri mereka jaguh dalam soal tersebut. Kisah ragut, rompak, tembak sana sini memang merisaukan sesiapa sahaja. Persoalannya, bagaimana mahu memegang perkara tersebut? Persoalan inilah yang tidak dijawab oleh pembangkang yang hanya melalak kosong sahaja. Salahkan polis, kerajaan tetapi dalam masa yang sama tidak menawarkan kaedah penyelesaian kepada isu yang membelenggu orang ramai ini. PCA terbahagi kepada lima kategori iaitu ahli kumpulan haram atau kongsi gelap. Seseorang menyertai kumpulan terbabit dalam aktiviti jenayah, penyeludupan dadah, penyeludupan manusia dan perjudian atau mesin judi haram yang menyalahi undang-undang. Bah kata pepatah Melayu, *'mencegah lebih baik daripada mengubati'*.

Antara yang penting dalam Rang Undang-undang Pencegahan Jenayah (Pindaan dan Pemerluasan) 2013 adalah kuasa untuk membenarkan penahanan tanpa perbicaraan bagi tujuan ketenteraman awam, keselamatan awam atau pencegahan jenayah. Saya sarankan agar sebelum sebarang penahanan dilakukan, mohon agar segala bukti dapat diperolehi dan kukuh dalam menahan seseorang itu kerana saya percaya tiada seorang manusia pun boleh dihukum tanpa sebarang bukti yang kukuh di samping meningkatkan kualiti serta profesionalisme pihak polis dalam menangani jenayah sedemikian. Ia akan

mengembalikan singkatan kepada polis untuk menguatkuasakan undang-undang pencegahan yang sebelum ini dihapuskan seperti ISA dan EO berikutan dasar transformasi politik negara.

Namun apa yang jelas berbeza dengan ISA dan EO yang memberikan kuasa penahanan kepada Menteri Dalam Negeri. Dalam undang-undang pindaan ini, kuasa perintah tahanan itu diberikan kepada Lembaga Pencegahan Jenayah yang dipengerusikan sama ada oleh Hakim Mahkamah Persekutuan, Hakim Mahkamah Rayuan atau Hakim Mahkamah Tinggi bersama dua anggota. Lembaga tersebut akan ditubuhkan di bawah rang undang-undang tersebut boleh mengeluarkan arahan menahan seseorang penjenayah tidak melebihi dua tahun tanpa bicara. Dalam isu pelantikan dua orang ahli lagi, saya ingin mencadangkan agar ahli yang dilantik ini benar-benar mempunyai kelayakan serta kredibiliti dalam menilai sebarang permohonan. Saya ingin sarankan agar pakar-pakar psikologi dan kriminologi dapat menganggotai lembaga ini bagi mencerminkan bahawa kerajaan benar-benar adil dan saksama dalam mencegah jenayah secara keseluruhannya.

Selain mempunyai kuasa melanjutkan tempoh tahanan kepada dua tahun lagi sekiranya didapati perlu demi kepentingan ketenteraman awam, keselamatan awam atau pencegahan jenayah. Bagaimanapun, arahan tahanan oleh pihak lembaga terbabit boleh disemak semula di Mahkamah Tinggi. Rang undang-undang itu juga membenarkan polis menggunakan peranti pengawasan elektronik terhadap orang yang direman dan dibenarkan dilepaskan sementara menunggu *inquiry*.

Dalam isu peranti pengawasan elektronik pula, dengan kemajuan sains dan teknologi, penggunaan teknologi dalam usaha membanteras jenayah merupakan suatu yang jelas lagi nyata. Satu teknologi yang sudah diguna secara meluas di banyak negara maju dan membangun oleh pihak polis di negara masing-masing ialah penggunaan peranti pengawasan elektronik (EMD).

Malaysia bukanlah negara pertama yang akan menggunakan EMD ini. Banyak negara maju lain sudah melaksanakan pemakaian EMD dalam usaha mengawal jenayah dalam negara masing-masing. Contoh pertama ialah England. Sedar atau tidak sudah hampir 20 tahun EMD digunakan di England bagi mengawal jenayah di negara tersebut. Pemakaian EMD terdiri daripada banduan yang diberi pelepasan awal, mereka yang diikat jamin, hukuman mahkamah, kes *juvenile* dan beberapa sebab khas lain.

#### ■1250

Selain England, Amerika Syarikat juga melaksanakan pemakaian EMD untuk elemen sekatan dalam usaha mencegah jenayah di negara maju tersebut.

Penggunaannya berbeza mengikut negeri. Untuk melaksanakan di negara ini, England boleh menjadi model untuk mempelajari dan sudah tentu jiran sebelah kita Singapura yang sudah menggunakan EMD lama sebelum kita. Hal ini merupakan satu yang berguna untuk PDRM dalam usaha untuk mula menggunakan teknologi ini di Malaysia.

Terdapat kelemahan dan kekurangan yang pernah dilakukan oleh negara lain dapat dipelajari dan diteladani agar tidak berulang kesilapan tersebut oleh pihak yang bertanggungjawab iaitu PDRM. Pengerusi Sekretariat Anti Jenayah sebuah badan bukan kerajaan NGO yang membantu pihak berkuasa membanteras jenayah pernah berkata, *“Penggunaan EMD tidak perlu dikhuatiri di atas penyalahgunaannya atas tujuan politik. Ini kerana penggunaan EMD dilaksanakan atas prinsip SOSMA atau Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012”*.

Merujuk seksyen 4 yang memberikan kuasa penangkapan dan penahanan kepada pihak polis iaitu perkara 3, tiada seorang pun boleh ditangkap dan ditahan di bawah seksyen ini semata-mata atas kepercayaan politiknya atau aktiviti politiknya. Maksud kepercayaan dan aktiviti politik diterangkan dengan lebih lanjut dalam perkara 12 di bawah seksyen yang sama di atas.

SOSMA membenarkan suspek untuk dipakaikan EMD selepas diikat jamin sehingga 28 hari daripada hari tahanan. Ini membolehkan pihak polis menjejak suspek semula sehingga keadaan memerlukan. Pemasangan EMD juga satu langkah sekatan bagi mengelakkan suspek daripada melakukan jenayah sekali lagi. Melalui EMD, mudah untuk pihak polis mengenal pasti sekiranya suspek berada di lokasi kejadian sesuatu jenayah berlaku. Tambahan pula, menyedari pergerakannya diperhatikan, suspek secara tidak langsung tidak akan berani untuk melibatkan diri daripada kegiatan jenayah mahupun ke lokasi yang boleh menimbulkan syak wasangka daripada polis.

Satu cadangan dalam penggunaan EMD adalah dalam kes melibatkan ikat jamin. Untuk kes jenayah yang boleh diikat jamin, sekiranya tertuduh tidak mampu membayar kos ikat jamin, undang-undang wajar memberi peluang untuk tertuduh dibebaskan dengan syarat individu terbabit bersetuju untuk dipasangkan peranti pengawasan pada tubuh badannya.

Juga bagi kes yang tidak boleh diikat jamin, mahkamah seharusnya diberi kuasa menggunakan budi bicara mahkamah untuk mengizinkan tertuduh diikat jamin seterusnya diwajibkan untuk individu tersebut dipasangkan EMD. Selain itu, rang undang-undang ini juga memasukkan satu seksyen baru iaitu 7B dan 7C untuk menubuhkan Lembaga Pencegahan Jenayah bagi menggantikan Menteri dan anggota lembaga itu dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong.

Jika seseorang yang ditahan di bawah PCA dengan alasan munasabah akan diberikan tempoh reman selama 28 hari. Sekiranya gagal membuat pendakwaan dalam tempoh itu, tertuduh akan dilepaskan oleh majistret. Ini berbeza dari EO yang membenarkan penahanan 60 hari tanpa arahan mahkamah.

Selain itu, penjenayah yang didapati bersalah atas pelbagai kesalahan kini akan menjalani hukuman mengikut tempoh bagi setiap jenayah yang dilakukan dengan hukuman serentak tidak dibenarkan di bawah pindaan Kanun Prosedur Jenayah. Sebagai contoh, individu yang disabitkan atas kesalahan pecah rumah dan curi perlu menjalani hukuman untuk setiap kesalahan secara berasingan dan memandangkan kesalahan pecah rumah dan curi masing-masing memperuntukkan penjara maksimum dua tahun dan tujuh tahun. Pesalah boleh dipenjarakan selama sembilan tahun.

Perenggan baru (e) seksyen 282 Kanun Tatacara Jenayah Pindaan 2013 menyatakan apabila seseorang didapati bersalah dalam satu perbicaraan melibatkan dua atau lebih kesalahan, mahkamah tidak boleh memerintah hukuman berjalan serentak. Pindaan 13 seksyen ini sudah tentu akan memberi impak kepada pencegahan jenayah di Malaysia. Pembangkang tahu mereka tidak boleh lagi menakut-nakutkan rakyat dengan cerita indeks jenayah tinggi sambil menimbulkan keraguan rakyat terhadap undang-undang tersebut. Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata ini saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Dr. Ariffin bin S.M. Omar. Silakan Yang Berhormat.

**12.55 tgh.**

**Dr. Ariffin bin S.M. Omar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama saya hendak tegaskan, saya tidak menentang sebarang tindakan yang diambil untuk membanteras jenayah di negara ini. Sebenarnya kita perlukan undang-undang untuk mencegah jenayah tetapi pindaan dan pemerluasan Akta Pencegahan Jenayah menimbulkan keraguan di kalangan orang ramai. Jelaslah bahawa terdapat beberapa syarat yang dahulu didapati dalam Akta Keselamatan Dalam Negeri yang diseludup masuk balik ke dalam Akta Pencegahan Jenayah ini.

Isu penahanan tanpa perbicaraan amat sukar diterima kerana ini bercanggahlah dengan apa yang dijamin dalam perlembagaan negara ini serta juga dengan hak-hak asasi manusia dan juga prinsip-prinsip murni dalam ajaran al-Quran. Dalam Akta Pencegahan Jenayah, sesiapa yang ditahan secara automatik dianggap salah dan tidak



mempunyai sebarang saluran munasabah untuk membela dirinya dengan cara yang adil dan saksama.

Menurut akta ini tidak ada sebarang *judicial review in any court*, dengan izin. Adakah ini boleh diterima dalam sebuah negara yang berpegang kepada prinsip berdiri atas undang-undang? Kononnya kita difahamkan bahawa kuasa Menteri ditarik balik tetapi Lembaga Pencegah Jenayah yang dianggotai oleh individu-individu yang dilantik oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atas nasihat akan mengambil alih tugas Menteri untuk menentukan siapa yang harus ditahan.

Lembaga ini sudah pasti akan diberi nasihat oleh Menteri. Maka sejauh manakah lembaga ini bebas? Kemudian, kalau kita rujuk kepada apa yang akan dibentangkan, lembaga ini pun akan buat keputusannya selepas menilai laporan pegawai yang menyiasat kes-kes individu-individu yang diberkas. Di sini saya hendak tanyalah, siapa yang akan menilai siasatan-siasatan yang telah dijalankan? Adakah siasatan-siasatan ini dijalankan secara adil dan saksama? Ini yang penting. Adakah orang yang ditahan diberi suara untuk mempersoalkan, atas dasar apakah dia ditahan?

Di samping itu, Lembaga Pencegahan Jenayah boleh menentukan bahawa sesiapa yang diberkas boleh ditahan selama dua tahun dan kemudian, penahanannya dapat dilanjutkan jika beliau masih dianggap bahaya kepada masyarakat. Alasan yang diberi dan selalu dikemukakan untuk pemindahan dan perluasan Akta Pencegahan Jenayah ialah kerana kes-kes jenayah telah meningkat ke tahap yang membimbangkan. Memang benar, tetapi di samping itu kita difahamkan juga peningkatan jenayah ini disebabkan oleh pemansuhan *Emergency Ordinance* dan juga Akta Keselamatan Dalam Negeri. Adakah ini boleh diterima?

Bagi saya, jika kita rujuk kepada undang-undang yang sedia ada untuk mencegah jenayah, sudah pastilah bahawa undang-undang yang sedia ada memang cukup untuk mencegah kegiatan jenayah. Maka, apa sebabnya syarat-syarat yang didapati dalam Akta Keselamatan Dalam Negeri yang telah dimansuhkan diseludup masuk balik ke dalam Akta Pencegahan Jenayah? Apa sebabnya? Adakah ini bermotif politik atau bertujuan untuk membasmi jenayah? Adakah pindaan dan pemerluasan Akta Pencegahan Jenayah ini dilakukan untuk kepentingan politik?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, waktu kita sekarang tepat pukul 1 tengah hari. Mungkin Yang Berhormat boleh sambung sebelah petang. Terima kasih.

**Dr. Ariffin bin S.M. Omar:** Terima kasih.

**[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari]**

## ■1430

**[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]**

**[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]**

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat semua, kita mulakan Mesyuarat semula. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Dr. Ariffin bin S.M Omar menyambung ucapan. Persilakan.

**2.30 ptg.**

**Dr. Ariffin bin S.M Omar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya telah jelaskan baru tadi, alasan yang diberi untuk pemindahan dan pemerluasan Akta Pencegahan Jenayah ialah kerana kes-kes jenayah telah meningkat ke tahap yang membimbangkan. Kononnya, peningkatan jenayah ini diakibatkan oleh pemansuhan *Emergency Ordinance* dan juga Akta Keselamatan Dalam Negeri. Akan tetapi jika kita rujuklah kepada undang-undang yang sedia ada untuk mencegah jenayah, sudah pastilah bahawa undang-undang yang sedia ada memang cukup untuk mencegah kejadian jenayah.

Maka, apa sebabnya syarat-syarat yang didapati dalam Akta Keselamatan Dalam Negeri telah diseludup masuk ke dalam Akta Pencegahan Jenayah untuk dilaksanakan? Adakah pindahan dan pemerluasan Akta Pencegahan Jenayah ini dilakukan untuk membanteras jenayah atau pun untuk kepentingan politik? Jika kita rujuklah kepada Bahagian IVA - *Detention Orders*, nombor 19A. Kita difahamkan bahawa penahanan selama dua tahun akan dikenakan oleh Lembaga Pencegah Jenayah atas sesiapa yang mengancam *public order, public security or prevention of crime*, dengan izin. Kenapa pula *public order* dan *public security* dimasukkan dalam akta ini? Bukankah tujuan utama rang undang-undang ini ialah untuk mencegah jenayah atau *prevention of crime*, kecuali adalah sebab-sebab yang tersembunyi.

Saya tidak membantah sebarang tindakan yang diambil untuk membanteras jenayah dalam negara Malaysia. Akan tetapi saya bimbang bahawa pindaan-pindaan serta pemerluasan Akta Pencegahan Jenayah akan disalah gunakan untuk tujuan matlamat politik sesuatu individu atau sekelompok. Saya ingin menyeru dan berharap bahawa Ahli-ahli Dewan yang mulia ini tidak akan pandang ringan terhadap akta ini. Jangan kita berdiri atas platform parti politik. Di sini kita mesti bincang secara yang tulus ikhlas, tidak mempunyai sikap partisan.

Jika akta ini digunakan untuk kepentingan politik, kedudukan Ahli-ahli Dewan ini pun tidak terjamin. Misalnya, kes Tiga Abdul, ini bukan cerita lucu dalam filem P. Ramlee pada zaman dulu. Ini kes yang benar-benar berlaku. Semasa Tun Hussein Onn menyandang jawatan Perdana Menteri, amat jelas bahawa Ahli-ahli Barisan Nasional pun diberkas atas tuduhan terlibat dalam kegiatan komunis di bawah ISA. Sekarang kita mendapati bahawa di dalam pengubahsuaian Akta Pencegahan Jenayah, syarat-syarat yang didapati dalam ISA sekarang dibawa masuk ke dalam akta ini.

Mungkin ada Ahli-ahli yang ada di dalam Dewan yang mulia ini yang masih dapat ingat balik peristiwa hitam ini. Ini bukan kes yang pertama. Rujuk saja pada Operasi Lalang pada tahun 1987 di mana seramai 103 rakyat Malaysia yang terdiri daripada sosio aktivis, *political critics*, *environmentalist*, dengan izin, ditahan atas alasan mereka mengancam keselamatan negara ini. Tiada seorang pun daripada 103 individu ini dihadapkan ke mahkamah untuk dibicarakan.

Kes inilah yang paling jelas membuktikan bagaimana sesuatu akta dapat disalahgunakan untuk tujuan dan kepentingan politik. Apa yang lebih teruk lagi, beberapa tahun kemudian kita mendapati mantan Perdana Menteri yang berkait dengan peristiwa Operasi Lalang menjelaskan bahawa keputusan untuk memberkas 103 individu dalam Operasi Lalang bukan keputusan beliau. Akan tetapi keputusan Ketua Polis Negara pada masa itu.

Apa yang saya bimbang, Akta Pencegahan Jenayah pun tidak menerangkan siapa yang akan bertanggungjawab atas tindakan-tindakan yang dilakukan di bawah akta ini. Adakah sampai kepada sesuatu masa adalah Menteri-menteri yang akan menafikan bahawa dia terlibat. Dalam kes Operasi Lalang, yang pelik sekali, bekas Ketua Polis Negara pada masa itu mengaku dia yang buat keputusan untuk memberkas individu-individu yang dituduh mengancam keselamatan negara.

Maka, saya hendak bertanyalah, siapa sebenarnya yang berkuasa menentukan siapa yang harus diberkas demi kepentingan negara? Perdana Menteri atau Menteri Dalam Negeri atau Ketua Polis Negara? Soalan ini penting kerana dengan Akta Pencegahan Jenayah, kononnya bukan Menteri yang membuat keputusan untuk menahan sesiapa tetapi Lembaga Pencegah Jenayah. Akan tetapi sejauh manakah ini kita dapat terima? Benar atau tidak? Bolehkah Lembaga Pencegah Jenayah bertindak secara tulus dan ikhlas? Tanpa dipengaruhi oleh aspek-aspek politik.

Sekarang kita difahamkan bahawa dengan pindaan-pindaan kepada Akta Pencegahan Jenayah, Menteri telah menyerah kuasanya kepada sesuatu lembaga. Akan tetapi kita harus ingat, lembaga ini pun bertindak atas nasihat Menteri. Maka, saya

hendak tanyalah. Adakah sebarang jaminan Akta Pencegahan Jenayah tidak akan disalah gunakan untuk tujuan politik? Bolehkah kerajaan beri satu jaminan yang kukuh kepada orang ramai bahawa akta ini hanya akan digunakan khas untuk membanteras jenayah dan bukan untuk kepentingan politik individu atau kelompok tertentu? Jaminan ini amat penting.

Jangan pula setelah memberi jaminan, apa yang dijamin tidak dipatuhi. Nanti pula akhirnya orang *kata, the guarantee of the government guarantees nothing*, dengan izin. Walaupun penyokong-penyokong akta ini berpendapat bahawa kes-kes jenayah dapat dikurangkan, akta ini mempunyai kesan yang negatif terhadap pasukan polis. Dengan pelaksanaan akta ini sudah pastilah polis tidak begitu berminat menjalankan siasatan secara terperinci. Ini kerana syarat-syarat dalam akta ini tidak mendorong mereka menyiasat kes-kes secara adil dan secara *detail*.

#### ■1440

Ini kerana sesiapa yang dianggap bahaya boleh diberkas dan ditahan selama dua tahun tanpa memperoleh bukti yang lengkap. Untuk membanteras jenayah, apa yang kita perlukan ialah suatu pasukan polis yang dapat menjalankan tugasnya dengan cara profesional dan berkesan. Bagi saya, sebuah pasukan polis yang profesional dan berkesan hanya dapat dicapai jika kerajaan melaksanakan 125 syor-syor yang dirumuskan oleh Suruhanjaya Diraja Penambahbaikan Perjalanan dan Pengurusan PDRM.

Pindaan dan pemerluasan yang dicadangkan untuk Akta Pencegahan Jenayah ini tidak dapat mencapai matlamatnya jika kerajaan tidak dapat memberi sebarang jaminan bahawa akta ini tidak akan disalahgunakan untuk tujuan politik. Inilah yang paling penting. Beri jaminan, jaminan yang kukuh bahawa akta ini akan digunakan hanya untuk membasmi dan membanteras jenayah. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebelum saya teruskan perbincangan ini, izinkan saya mendapat maklumat daripada semua Ahli Yang Berhormat, berapa orang lagi yang hendak berucap dalam membahaskan rang undang-undang yang kita bahaskan sekarang? Ini kerana saya dapati sekarang ini kita ada jumlahnya 18 orang dari tadi. Sudah itu senang untuk saya membuat percaturan masa. Kalau ramai kita boleh *extend* sampai malam pun tidak apa. Sudah itu kalau boleh tolong beri, kemukakan nama siapa yang hendak berucap. Sekarang saya persilakan seterusnya Yang Berhormat Senator Puan Chew Lee Giok.

**2.42 ptg.**

**Puan Chew Lee Giok:** Tuan Yang di-Pertua, memberikan saya menyertai Rang Undang-undang Akta Pencegahan Jenayah 2013. Tuan Yang di-Pertua, undang-undang mengenai jenayah di negara ini terdapat dalam beberapa akta yang telah diluluskan oleh Parlimen. Akta-akta ini bersifat mencegah dan menghukum pesalah laku jenayah dalam pelbagai bentuk daripada sekecil-kecil kes jenayah kepada sebesar-besar perlakuan jenayah. Hukuman ini pula dari sehari kepada sebesar-besar hukuman termasuk hukuman mati.

Undang-undang pencegahan jenayah yang sangat diperlukan oleh penguat kuasa iaitu pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) ialah sebelum ini telah lulus ialah Akta Keselamatan Dalam Negeri, Ordinan Darurat 1969 serta Akta Dadah Berbahaya 1985. Akan tetapi, ISA 1960 dan POPOC 1969 telah dimansuhkan. Maka, bermulalah satu era yang mana pihak PDRM mendapati jenayah meningkat terutamanya menyebabkan senjata api dan kes pembunuhan kejam seperti membakar mayat dan melupuskan mayat dengan cara yang tidak masuk akal manusia bertamadun. Maka, Akta Pencegahan Jenayah 2013 dengan ini memberi mandat kepada akta ibu iaitu Akta Pencegahan Jenayah 1959.

Isu yang ingin saya bawa pada hari ini ialah berkaitan dengan izin, *two years detention without charges* konotasi daripada penahanan ini ialah ia merupakan *detention pending enquiries*. Pertama, apakah hak orang yang ditawan? Kedua, adakah beliau berhak menyoal mengapa beliau ditahan? Ketiga, apakah bentuk kemudahan yang sepatutnya beliau peroleh? Tempoh masa yang dikenakan ke atas orang yang ditahan boleh menjangkau menjadi empat tahun dan ia merupakan satu masa yang panjang selagi keputusan itu tidak dibuat oleh pengerusi *Prevention of Crime Board (PCB)* yang juga merupakan hakim Mahkamah Persekutuan atau hakim Mahkamah Rayuan atau Hakim Mahkamah Tinggi. Apakah bezanya kedudukan hakim ini yang juga merupakan penjawat awam atau bekerja dengan Menteri yang juga merupakan wakil kerajaan? Cuma dapat dalam akta baru ini, Menteri tidak lagi berkuat kuasa seperti yang pernah dapat di bawah ISA 1990.

Pada dasarnya, Akta Pencegahan Jenayah 2013 disokong tetapi dengan lebih perhatian diberikan untuk memastikan mereka yang ditahan tidak akan teraniaya. Saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Senator Datuk Chin Su Phin.

**2.46 ptg.**

**Datuk Chin Su Phin:** Salam sejahtera, salam 1Malaysia Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya, saya hendak mengucapkan terima kasih kerana memberikan kesempatan kepada saya untuk turut serta dalam perbahasan ini. Saya juga hendak mengambil kesempatan mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah begitu peka dalam mendengar keluh-kesah rakyat yang sentiasa mendakap aspirasi masa. Oleh kerana itu, hari ini kita dapat membincangkan yang mana berhubung kait dengan akta yang mana kita hendak buat pindaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya bukanlah seorang peguam tetapi mudah untuk saya memahami akta ini yang mana ia adalah suatu akta bagi pencegahan jenayah. Sejak kebelakangan ini, saya sendiri ada kebimbangan dengan keselamatan negara ini sebab saya lihat ada sahaja setiap hari manusia ditembak, dibunuh sama ada ahli perniagaan dan orang politik di mana-mana sahaja, tidak kira tempat. Oleh sebab itu, saya sedikit kecewa dengan kerajaan kenapa terlalu lambat membawa akta sebegini. Akta ini cukup baik dan melindungi keselamatan semua pihak. Setelah banyak kes jenayah berat meningkat, barulah akta ini ingin dipinda dan dibentangkan di Parlimen untuk dibahaskan dan diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua, isu keselamatan ini cukup penting kerana tidak kira pembangkang atau kerajaan. Kedua-dua pihak bersetuju bahawa keselamatan menjadi isu utama dalam negara kita pada masa sekarang. Ini kerana kita ini rakyat, rakyat Malaysia harus dilindungi, rakyat yang menuntut akta ini. Jadi inilah akta yang kerajaan ingin kuatkuasakan kelak. Biar kita berbeza pendapat di dalam bidang politik tetapi di dalam soal pambanterasan jenayah, kita jangan berbeza pendapat. Ketepikan kepentingan politik demi kepentingan rakyat dan kesejahteraan negara.

Perkara pertama yang ingin saya sampaikan dalam rang undang-undang ini adalah mengenai pindaan akta ini yang akan diperluaskan ke Sabah dan Sarawak.

**■1450**

Perkara ini amat saya sokong, oleh sebab pada masa sekarang akta ini amat diperlukan di Sabah dan Sarawak memandangkan pihak polis di kedua-dua negeri ini hanya menggunakan Akta Tatacara Jenayah untuk menangani masalah peningkatan jenayah berat di negeri masing-masing.

Perkara kedua yang saya ingin dapatkan kepastian ialah adakah pihak kementerian telah mendapatkan persetujuan daripada Peguam Negara dalam membuat pindaan dan pembaharuan pada rang undang-undang ini? Sekiranya ada, bolehkah

kementerian sebutkan bila? Apakah perkara berbangkit dan berapa banyak kali perbincangan, diskusi dan konsultasi yang telah dijalankan.

Perkara ini saya tanyakan adalah kerana ada pihak-pihak tertentu yang sering dan kerap kali membangkitkan isu ini dengan mengatakan bahawa Peguam Negara sendiri tidak bersetuju dengan perkara 19A dalam rang undang-undang ini dan kesangsian mereka bahawa tidak ada diskusi di antara Kementerian Dalam Negeri dan pihak Peguam Negara. Oleh itu, saya berharap agar kementerian dapat terangkan di dalam Dewan yang mulia ini agar perkara ini dapat dijelaskan oleh pihak kerajaan, sekali gus dapat menyangkal dakwaan dan tuduhan tersebut.

Perkara ketiga adalah mengenai *check and balance*, dengan izin dalam akta ini. Pada pendapat saya tuduhan bahawa akta ini tidak *check and balance* adalah tidak benar sama sekali. Ini kerana kuasa Menteri dalam rang undang-undang ini telah dipindahkan kepada sebuah *board* atau dikenali sebagai badan pencegahan jenayah yang terdiri daripada mereka yang pernah melaksanakan taksiran dan pembelaan atau pendakwaan di Mahkamah Tinggi, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan.

Saya fikir dalam perkara ini niat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk melakukan transformasi politik ini jelas terpancar daripada pindaan ini. Ini semua bertujuan untuk menangani masalah jenayah berat di negara kita. Oleh itu isu penyalahgunaan kuasa oleh Menteri atas dasar politik dan sebagainya tidak berbangkit kerana rang undang-undang ini masih lagi tidak adil bagi pihak tertentu yang mempersoalkannya.

Saya juga mahu agar rang undang-undang ini digubal di bawah perkara 149 Perlembagaan Persekutuan kerana terdapat satu keperluan mendesak. Ini disebabkan berlakunya jenayah terancang terhadap individu dan harta benda bagi tahun 2013. Tahun ini sahaja terdapat sebanyak 109 kejadian tembakan di dalam siasatan polis yang mana ia melibatkan 100% kumpulan kongsi gelap. Sehubungan dengan itu, saya ingin meminta penjelasan Yang Berhormat Menteri mengenai apakah kaedah-kaedah yang bersesuaian untuk kita memastikan orang yang kena tahan itu seperti yang terdapat dalam pindaan rang undang-undang ini tidak dianiaya. Adakah apabila rang undang-undang ini dikuatkuasakan kelak, kementerian telah bersedia untuk mendengar pendapat dan cadangan daripada orang ramai dan mereka yang berkepentingan terutamanya pandangan daripada Ahli Parlimen dari Dewan yang mulia ini dalam usaha menambahbaikkan rang undang-undang itu nanti?

Perkara terakhir yang ingin saya bangkitkan adalah mengenai tuduhan sesetengah pihak yang menyatakan mengenai ketidakadilan hak asasi manusia dalam

akta ini. Namun bagaimana pula hak asasi mereka yang menjadi mangsa perbuatan jenayah seperti kongsi gelap? Bagaimana pula hak asasi anggota polis yang terbunuh atau tercedera disebabkan perbuatan si penjenayah itu? Mereka ini juga sering kali melaungkan hak dan kebebasan, tetapi apakah mereka sedar bahawa apa makna hak dan kebebasan jika rakyat di negara ini digadaikan. Apakah maknanya hendak bebas tetapi kita terancam. Kita menghadapi masalah kebebasan. Kita jangan menggadaikan hak dan keamanan yang kita peroleh hari ini.

Akhir kata, saya berkemahuan agar pindaan akta ini akan memberikan jaminan bagi keselamatan seluruh rakyat negara ini, pertama. Kedua, ia akan membendung aktiviti gejala jenayah berat seperti kongsi gelap, pembunuhan terancang, ancaman dan segala macam kes-kes jenayah. Saya selaku rakyat Malaysia menginginkan sebuah negara yang aman tanpa rasa takut dan bimbang akan keselamatan diri apabila keluar ke mana-mana. Oleh itu, saya juga berharap agar dengan pelaksanaan pindaan rang undang-undang ini kita dapat membendung jenayah kecil agar tidak menjadi lebih besar dan jenayah ringan menjadi semakin berat. Sekian saya menyokong penuh pindaan rang undang-undang ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Dato' Lim Nget Yoon.

#### **2.46 ptg.**

**Dato' Lim Nget Yoon:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya peluang untuk menyertai perbahasan rang undang-undang ini. Saya ingin memberikan satu pujian kepada Lembaga Pencegahan Jenayah dan kementerian kerana mengadakan rang undang-undang ini bagi melindungi semua rakyat Malaysia. Dengan mengadakan rang undang-undang ini terbukti bahawa kerajaan kita berazam untuk mencegah jenayah.

Indeks tinggi jenayah di negara kita adalah agenda yang penting kepada pihak tertentu untuk menarik undi mereka. Mereka berjaya memainkan isu ini dan agenda politik mereka tercapai. Pihak tertentu yang menentang rang undang-undang ini, adakah mereka melindungi penjenayah atau untuk agenda politik mereka sendiri?

Hak asasi manusia ialah alasan yang selalu dengan izin, *dimanipulate* oleh pihak tertentu. Kita jangan lupa bahawa mangsa serta keluarga mereka, tidak kira diragut, dirogol, curi, dirompak atau ditembak sampai mati juga mempunyai hak asasi manusia untuk hidup dalam suasana yang selamat dan aman damai. Hak asasi manusia mestilah adil untuk semua rakyat dan bukan hanya untuk satu, dua pihak sahaja serta mesti adil



tidak kira kepada kerajaan atau pembangkang. Satu lagi alasan iaitu undang-undang yang sudah cukup untuk mencegah jenayah di negara kita.

#### ■1500

Memandangkan jumlah jenayah semakin meningkat, jawapan memanglah tidak. Akta Pencegahan Jenayah 1959 diguna pakai sudah 54 tahun. Satu tempoh yang cukup panjang dan lama. Pada pandangan saya, satu akta mesti dipinda, yang boleh menyesuaikan keadaan dari semasa ke semasa. Lagi satu alasan yang selalu diguna oleh pihak tertentu iaitu kezaliman. Setahu saya kalau kita dengan izin, *lenient* kepada penjenayah bermakna zalim kepada semua rakyat kita. Sekarang kita bercakap tentang keselamatan negara kita. Jenayah sudah menjejaskan indeks jenayah kita, sudah menjejaskan nama baik negara kita serta menjejaskan banyak pihak termasuk pelancongan, pelaburan asing.

Siapa nak datang ke satu negara yang tidak selamat? Jadi, saya memang mengalu-alukan rang undang-undang ini, bukanlah dia apa yang saya hendak kata tetapi telah terlewat. Sepatutnya rang undang-undang ini diawalkan dan bukan sampai sekarang kira lewat sedikit. Akan tetapi, tidak mengapa dengan izin, *it's better late than never*. Jadi, dengan ini saya mohon menyokong. Terima kasih.

#### 3.03 ptg.

**Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih atas peluang untuk turut ambil perhatian dalam perbahasan pindaan Rang Undang-undang Akta Pencegahan Jenayah. Saya telah banyak dengar hujah-hujah oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat berucap sebelum saya. Cuma hendak sentuh tiga isu sahaja dalam pindaan ini. Pertama, pasal fasal 23. Fasal 23 berkenaan dengan tahanan tanpa bicara. Kedua, fasal 19. Fasal 19 yang melarangkan semakan kehakiman. Fasal 9 mengenai pemasangan alat peranti pengawasan elektronik atau *electronic monitoring device*.

Pertama sekali tahanan tanpa bicara. Jikalau kita tengok fasal 23, dia bertujuan melalui seksyen 19A, satu bahagian baru, Bahagian IVA untuk memperkenalkan satu peruntukan yang membenarkan tahanan selama tempoh dua tahun atas *report inquiry officer* diputuskan oleh Lembaga Pencegahan Jenayah, boleh tahan dua tahun. Kemudian, jikalau perlu boleh disambungkan untuk tempoh dua tahun lagi. Tahanan tanpa bicara. Apa yang kita nampak di dalam akta ini tidak jelas lagi, sama ada benda ini akan berhenti selepas empat tahun atau selepas empat tahun proses itu akan mula semula, *start* balik dari dua tahun.

*Dejavu* ke zaman ISA dan EO. Isu tahan tanpa bicara, rakan-rakan saya yang berucap dan berbahas sebelum saya ini telah banyak *point* mengenai tahanan tanpa bicara, *against natural justice* dan sebagainya. Saya tidak hendak sentuh *point* yang sama. Akan tetapi, apa yang saya nampak dengan pindaan ini, dengan cadangan-cadangan yang terkandung dalam pindaan ini, seolah-olah macam kita *remodeling Emergency Ordinance* dan juga ISA dari segi tahanan tanpa bicara.

Pada saya ini juga bertentangan dengan Perlembagaan Malaysia kalau kita tengok, *the rights to a fair trial*. Bukan sahaja Perlembagaan Malaysia tetapi juga *Universal Declaration on Human Rights* jikalau kita tengok *article 10*, ia membenarkan seseorang itu, Malaysia *signatory*, membenarkan seseorang itu *the rights to a fair public hearing*. Isu yang saya tegaskan ialah tahanan tanpa bicara. *First point*, mengenai tahanan tanpa bicara. *Point* kedua mengenai tahanan tanpa bicara ialah kuasa untuk menentukan.

Kita sudah dengar banyak *point* dulu, Menteri sekarang diperluaskan, dibagi kepada satu lembaga yang terdiri daripada tiga orang hakim dengan dua orang ahli, pengerusi dengan 2 orang ahli. Kelayakan pengerusi itu ditetapkan dalam akta tetapi jikalau kita tengok kelayakan kedua-dua ahli itu tidak berapa *clear* di dalam akta. Polis pun boleh jadi ahli, kalau *you* tanya dengan saya, kalau kita tengok akta itu. Dari segi kelayakan untuk menentukan, lagi pun jikalau kita tengok lembaga pencegahan jenayah ini dia buat keputusan berdasarkan kepada *report inquiry officer*.

Jikalau kita tengok sekarang ini, tidak ada satu peruntukan atau satu mekanisme untuk *check and balance*. Saya dengan sekeras-keras menentang fasal 23. Saya tidak hendak sebut banyak-banyak fasal 23 sebab macam saya cakap tadi sebelum ini banyak ahli telah ucap pasal fasal 23. Kedua yang saya ingin – tetapi sebelum itu lagi satu *point*, kalau kita tengok tahanan tanpa bicara, kebiasaannya ia tidak digunakan untuk penjenayah, kebiasaannya ia hanya digunakan untuk *terrorist*. Jikalau kita tengok lain-lain negara pun memang dia gunakan tahanan tanpa bicara. kalau macam tadi ada *argument* US dengan UK.

Akan tetapi, apa yang saya tahu dia cuma digunakan terhadap *terrorist* bukan penjenayah-penjenayah atau *street criminal*. Banyak keyakinan telah dibuat kerana kita tengok akta ini, ia telah menarik banyak perhatian. Banyak keyakinan telah dibuat oleh pihak kerajaan bahawa salah guna itu tidak akan berlaku dan sebagainya. Akan tetapi, jikalau kita tengok pengalaman sebelum ini pun, semasa ISA zaman *Emergency Ordinance* pun, walaupun ada banyak *assurance* pernah berlaku salah guna kuasa. *So*,

ini keraguan yang kita dapat, bukan sahaja dari kalangan kita di sini tetapi juga dari ahli *civil society*.

Kedua, yang *I* ingin sentuh berkenaan dengan pindaan ini ialah semakan atau cadangan pindaan kepada fasal 19. Fasal 19 bertujuan untuk *introduce* satu seksyen baru, seksyen 15A yang melarangkan sama sekali semakan kehakiman. *That means* keputusan ini tidak boleh dicabar dan tidak boleh dibawa ke mana-mana mahkamah. Ini dengan jelas, kalau kita nampak tidak ada *check and balance*. Tidak ada satu mekanisme yang membenarkan satu hak kepada penjenayah untuk buat satu *appeal* ke mahkamah. Ini juga pada saya, macam saya cakap tadi *it is against the right to a fair trial*. Kemungkinan macam saya cakap tadi, boleh disalah guna *the right to appeal*.

#### ■1510

Memang *it's a principle universal principle*. Seseorang itu berhak untuk *the right of appeal second point*. Macam sekarang kalau kita tengok tidak boleh *appeal* dan kuasa itu, kuasa *the full power, the absolute power rest* dengan Lembaga Pencegahan Jenayah, *the full power*. Kita tahu tidak payah kalau kita tengok English punya *saying pun power corrupt, absolute power corrupt, absolutely*lah. *So* pada saya kena ada satu *avenue* untuk *appeal*.

*Point* yang ketiga yang saya ingin sentuh ialah mengenai *electronic monitoring device* yang dicadangkan oleh fasal 9 melalui seksyen 7. Saya tidak soal isu hendak *monitor criminal* dan sebagainya. Cuma sama ada, adakah ini satu kaedah yang betul secara *electronic tagging*? Tadi ada satu rakan dia cakap lain-lain negara macam UK pun pernah menggunakan sistem elektronik *tagging* untuk *criminal*. Akan tetapi, kalau tidak salah di UK ia hanya menggunakan *electronic tagging* untuk *sexual offenders* sahaja bukan untuk *everybody*. *So*, isu *electronic monitoring* macam betul-betul *humiliating* dengan cara yang kita *suggest* ini. Walaupun dalam pindaan ini kita belum tengok apa sistem yang dia akan gunakan.

*So* pada saya kalau kita tengok pindaan ini telah menarik banyak perhatian. Pada saya, *I* rasa pindaan ini perlu ditarik balik dan perlu membuat satu kajian semula. Lepas mendengar isu-isu yang dibangkitkan bukan sahaja di Dewan yang mulia ini, tetapi juga di Dewan Rakyat. Pada saya, saya ambil pendirian untuk tidak menerima pindaan ini atas dasar-dasar yang, atas sebab-sebab yang telah dibangkitkan. Macam Tuan Yang di-Pertua pernah cakap *behave to make* Dewan Negara satu *example* yang baik. Pada saya salah satu cara yang kita boleh membuat Dewan Negara ini sebagai satu *shining example of democracy* ialah dengan menolak pindaan ini. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sungguhpun Yang Berhormat, cara Yang Berhormat menyampaikan itu bagus tetapi pandangan Yang Berhormat itu *is entirely* dengan izin Yang Berhormat punya hak ya. Terima kasih. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan.

### 3.13 ptg.

**Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat petang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua di atas keizinan yang diberikan kepada saya untuk turut sama-sama bangun dan mengambil bahagian berbahas berkaitan Rang Undang-undang Pencegahan Jenayah 1959 ini. Tuan Yang di-Pertua, di sebalik tohmahan dan lontaran negatif terhadap kemampuan Polis Diraja Malaysia hari ini bersandarkan kadar jenayah terutamanya jenayah berat yang berkaitan penggunaan senjata api, pertikaian antara kongsi gelap serta jenayah terancang yang lain, saya masih yakin akan kemampuan dan iltizam Polis Diraja Malaysia dalam menangani kes-kes jenayah terancang yang berat ini.

Saya mendengar pelbagai tohmahan yang dilontarkan mengatakan Polis Diraja Malaysia hanya alat pemimpin UMNO. Lebih menumpukan kepada kerja risikan SB yang tidak mengambil berat akan setiap laporan yang dibuat oleh orang ramai. Malah, penghapusan ISA dan *Emergency Ordinance (EO)* di mana menyaksikan sejumlah ketua kongsi gelap dan penjenayah tegar dibebaskan tanpa syarat turut dikatakan menyumbang kepada berleluasanya aktiviti jenayah berat dan kes tembakan hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya akui Malaysia juga sebenarnya tidak terkecuali telah menghadapi risiko kadar jenayah dunia yang meningkat setiap tahun. Namun, izinkan saya memberikan sedikit data dan statistik berkaitan inisiatif kerajaan dan kementerian termasuk Polis Diraja Malaysia yang berusaha keras menurunkan kadar jenayah di negara kita ini. Mari kita lihat serba sedikit di mana dalam misi yang menurunkan indeks jenayah negara dan pada masa yang sama melindungi rakyat dengan rasa selamat. Kerajaan telah meletakkan keselamatan negara di paras tertinggi melalui *National Key Result Areas (NKRA)* mengurangkan jenayah.

NKRA – Mengurangkan Jenayah telah mengadaptasi perspektif baru untuk mencergaskan semula kesejahteraan keadilan, sistem keadilan jenayah dan meningkatkan kualiti perkhidmatan dalam menangani jenayah. Diterajui oleh Kementerian Dalam Negeri, NKRA mengurangkan jenayah tertumpu kepada setiap aspek memerangi jenayah bermula dari peringkat pencegahan, pengesanan awal tangkapan, pembicaraan mahkamah serta penjara dalam proses pemulihan. Pada masa yang sama, NKRA -

Mengurangkan Jenayah turut tersasar kepada inisiatif untuk menambah baik persepsi masyarakat dan meningkatkan mutu perkhidmatan Polis Diraja Malaysia. Sejak ditubuhkan pada tahun 2009, NKRA - Mengurangkan Jenayah telah memberi fokus untuk merancang, menyediakan, menyelaras dan memantau 55 inisiatif yang telah dikesan oleh makmal NKRA.

Tuan Yang di-Pertua, secara amnya NKRA - Mengurangkan Jenayah telah melangkaui jangkaan yang dirangka dalam *Government Transformation Programme (GTP)* apabila kadar jenayah negara jatuh mendadak. Kes-kes jenayah ganas dapat diselesaikan dengan cepat. Balai-balai polis diberi pemeringkatan dari segi kualiti dan lebih banyak anggota polis telah dimobilisasikan untuk berkhidmat dalam masyarakat. Pada tahun 2011, NKRA - Mengurangkan Jenayah terus memberi fokus kepada usaha lima NKPI 2010 sedia ada. Pengurangan indeks jenayah sebanyak 5%, pengurangan jenayah jalanan sebanyak 40%, pengurangan perasaan takut menjadi mangsa jenayah kepada 50%, 20% kes tangkapan dihadapkan ke muka pengadilan, peningkatan kepuasan orang ramai terhadap prestasi polis sebanyak 60%.

Tuan Yang di-Pertua, batu loncatan yang tercapai di bawah NKRA Mengurangkan Jenayah turut mendapat pengiktirafan pihak ketiga berkecuali dari luar negara. Indeks Keamanan Global ataupun *Global Peace Index* kelolaan Institut Ekonomi dan Keamanan yang berpangkalan di Australia telah menobatkan Malaysia sebagai negara paling aman di Asia Tenggara. *Global Peace Index (GPI)* itu juga turut meletakkan negara di tangga keempat paling selamat di Rantau Asia Pasifik selepas New Zealand, Jepun dan Australia. Di mata dunia, Malaysia menduduki tempat ke-19 dalam carta negara paling selamat dan aman daripada 153 buah negara di dunia. Ini merupakan tahun kelima berturut-turut Malaysia meraih peningkatan dalam penilaian GPI.

Tuan Yang di-Pertua, namun di sebalik pendekatan positif oleh pihak berkuasa hari ini, saya tidak nafikan perlunya beberapa penambahbaikan dari segi *approach* dan strategi menghadapi kes-kes jenayah terancang. Ini termasuk meminda beberapa akta yang dikira sesuai dengan persekitaran jenayah yang serba canggih hari ini. Di sini mungkin ada baiknya jika Akta Pencegahan Jenayah 1959 disemak 1983 yang sedia ada diperbaiki supaya memberi kuasa kepada polis untuk memerangi jenayah berat. Insiden tembak berlaku hampir setiap hari. Ia mendorong polis untuk menggunakan undang-undang yang kurang diketahui dalam membendung penjenayah serius di belakang insiden yang berlaku.

Undang-undang iaitu Akta Pencegahan Jenayah 1959 (PCA) kini digunakan untuk menangkap dan menahan ratusan orang dalam Ops Cantas melalui sekatan jalan raya dan pemburuan di seluruh negara.

■1520

Gesaan untuk menggunakan semula PCA dibuat semasa cadangan untuk mengembalikan semula Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam Dan Mencegah Jenayah) 1969 untuk membendung jenayah. Pindaan Akta Pencegahan Jenayah 1959 yang dibentangkan di persidangan Dewan pada hari ini membenarkan penahanan tanpa pembicaraan bagi tujuan ketenteraman awam, keselamatan awam atau pencegahan jenayah.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengulas beberapa inti pati yang saya kira perlu diberi perhatian khusus dalam isu ini. Rang Undang-undang Pencegahan Jenayah (Pindaan dan Pemerluasan) 2013 itu dibentangkan oleh Menteri Dalam Negeri yang antara lain membenarkan penahanan tanpa pertuduhan jenayah atau tanpa pembicaraan sebagaimana yang pernah diperuntukkan dalam Ordinan Darurat iaitu Ketenteraman Awam dan Pencegahan Jenayah 1969 dan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) 1960. Kuasa perintah tahanan itu diberikan kepada Lembaga Pencegahan Jenayah yang akan ditubuhkan di bawah rang undang-undang itu yang akan dipengerusikan sama ada oleh Hakim Mahkamah Persekutuan, Hakim Mahkamah Rayuan atau Hakim Mahkamah Tinggi bersama-sama dua anggota. Lembaga itu boleh mengeluarkan arahan penahanan seseorang yang ditahan di bawah rang undang-undang itu tidak melebihi dua tahun tanpa bicara. Selain mempunyai kuasa melanjutkan tempoh tahanan kepada dua tahun lagi, sekiranya didapati perlu demi kepentingan ketenteraman awam, keselamatan awam dan pencegahan jenayah. Bagaimana pun arahan tahanan oleh pihak lembaga terbabit boleh disemak semula di Mahkamah Tinggi.

Peruntukan bagi penubuhan lembaga itu serta tanggungjawabnya merupakan bahagian terbaru iaitu Bahagian IVA di bawah seksyen 19A berhubung Perintah Tahanan. Rang undang-undang itu juga membenarkan polis menggunakan peranti, pengawasan elektronik terhadap orang yang direman dan dibenarkan dilepaskan sementara menunggu *enquiry*.

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata saya melihat pengenalan akta ini sebagai satu-satunya jalan penyelesaian utama dalam usaha pihak KDN dan PDRM memerangi kadar jenayah berat yang menurut persepsi rakyat berada di tahap yang membimbangkan. Bagaimana pun saya yakin dengan iltizam dan usaha berterusan pihak-pihak

kepentingan, kadar jenayah dapat dikawal dan diminimumkan serendah mungkin dan menjadikan negara kita di antara negara yang paling selamat di dunia.

Untuk pengetahuan Tuan Yang di-Pertua, rakyat di bawah sangat-sangat menanti akta ini agar pihak Dewan ini meluluskan akta tersebut. Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya memohon menyokong Rang Undang-undang Akta Pencegahan Jenayah 1959. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya mempersilakan Yang Berhormat Datuk Subramaniam a/l Veruthasalam.

### 3.23 ptg.

**Datuk Subramaniam a/l Veruthasalam:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon izin untuk turut serta dalam debat hangat mengenai Rang Undang-undang Pencegahan Jenayah (Pindaan dan Pemeluasannya) 2013.

Walaupun hujah-hujah panas dan bantahan hebat telah diperdengarkan oleh pelbagai pihak, saya dengan sepenuh hati bersetuju serta menyokong pindaan ini demi mewujudkan suasana aman dan selamat di negara tercinta ini. Tidak dapat kita nafikan indeks jenayah negara telah jauh merosot kebelakangan ini. Rakyat tidak merasa selamat di persekitaran halaman rumah sendiri. Malah, pelancong luar negara juga berasa bimbang untuk mengunjungi negara kita yang indah menarik ini. Walau bagaimanapun, saya ingin mengutarakan tiga aspek pindaan ini perlu diteliti semula.

Pertamanya, pembentukan Lembaga Pencegahan Jenayah. Seramai tiga orang adalah tidak memadai. Saya cadangkan lima ahli dilantik dalam lembaga tersebut dan tidak terhad kepada tiga ahli. Saya juga cadangkan seorang ahli dari Majlis Peguam dan seorang dari Ahli Parlimen Pembangkang dilantik dalam lembaga tersebut. Ini akan menjadikan komposisi lembaga tersebut lebih seimbang.

Keduanya, definisi *public order* dan *public interest*, dengan izin, perlu diperinci supaya tujuan utama akta ini akan memerangi gejala jenayah di kalangan kumpulan sasar, kongsi gelap, jenayah serius dan *organized crime* dengan izin, tidak terpesong. Malah perkara terakhir yang kita hendak dengar adalah penyalahgunaan akta ini untuk tujuan politik dan lain-lain.

Akhir sekali, kaedah atau prosedur Pegawai Penyiasat dalam menentukan sabit pesalah dalam laporan beliau kepada pihak lembaga perlulah diteliti. Asas kebimbangan saya adalah kemungkinan IO menyalahguna kuasa dalam menentukan siapa pesalah dan bukti sahih kesalahan mereka yang tidak kukuh. Mana-mana kenyataan saksi, fakta jenayah dan aduan orang awam mestilah ditentukan kebenarannya. Pihak lembaga tidak

patut menerima laporan secara bulat-bulat tanpa verifikasi yang lengkap. Saya faham ini bukanlah perkara mudah untuk dilaksanakan tetapi kita tidak mahu rakyat yang tidak bersalah dianiaya dan terhukum.

Dengan mendengarkan tiga kebimbangan ini, saya mengakhiri hujah saya dengan ucapan terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya mempersilakan Yang Berhormat Puan Hajah Rohani binti Abdullah.

### **3.27 ptg.**

**Puan Hajah Rohani binti Abdullah:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakaatuh*, salam sejahtera dan salam 1Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah khasnya kepada Kementerian Dalam Negeri yang telah berjaya meredakan keluh kesah rakyat berhubung dengan keamanan dan keselamatan negara. Langkah kerajaan ini adalah sejajar dengan inisiatif bidang keberhasilan utama negara atau NKRA yang diperkenalkan sejak tahun 2009. Antaranya adalah kejayaan untuk menurunkan kadar indeks jenayah setiap tahun. Bagaimana pun, kejadian jenayah berat dan jenayah terancang termasuk menggunakan senjata api terus meningkat terutamanya selepas dengan pemansuhan Akta Darurat.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan Akta Pencegah Jenayah ini melangkaui aspek sosial, ekonomi dan politik. Dari aspek sosial, kita dapati jenayah golongan pelajar terus meningkat termasuk menganggotai kumpulan kongsi gelap. Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan langkah yang telah diambil bagi membendung jenayah di kalangan pelajar dan juga remaja yang terus meningkat masa kini. Pelajar dan remaja juga ramai didapati terlibat dengan penyalahgunaan dadah, perjudian, maksiat dan pergaduhan. Saya ingin mendapat penjelasan kerajaan sejauh manakah polis bantuan dapat membantu mencegah jenayah di kawasan awam? Selain itu, saya amat bersetuju dengan langkah kerajaan bagi memantau dan mengawal keamanan dan keselamatan negara bagi memastikan pelabur dan pelancong datang ke negara ini dengan penuh rasa selamat.

### **■1530**

Bagaimanapun saya berharap kerajaan bertindak tegas terhadap pelancong yang datang ke negara ini tetapi akhirnya terlibat dengan kegiatan maksiat seperti menjadi GRO dan pelacuran. Saya ingin mendapat penjelasan kerajaan juga, apakah tindakan dan langkah yang telah diambil oleh PDRM dalam memerangi kegiatan yang tidak



bermoral oleh pelancong-pelancong dari China, Vietnam, Indonesia, Eropah dan lain-lain negara.

Saya juga ingin membangkitkan di Dewan yang mulia ini berhubung dakwaan kerana terdapatnya ahli politik dan pegawai kerajaan yang terlibat dengan kongsi gelap, termasuk melindungi kegiatan mereka. Saya ingin mendapatkan penjelasan dari kerajaan, sejauh manakah kebenaran dakwaan ini bahawa ahli-ahli politik dan pegawai kerajaan juga terlibat dalam kongsi gelap ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh berhubung fasal 10 yang menetapkan bagi memastikan pemantauan yang lebih efektif terhadap pemakaian peranti pengawasan elektronik (EMD) boleh dikenakan selama tempoh yang ditetapkan.

Selain itu saya juga mengalu-alukan langkah kerajaan untuk mengawal peralatan komunikasi ke atas penjenayah yang dikenakan perintah pengawasan atau tahanan pencegahan bagi mengelak mereka menguruskan aktiviti jenayah juga bagi mengelak mereka berhubung dengan pihak luar. Saya ingin mendapat penjelasan sama ada PDRM mempunyai kuasa untuk memantau alat komunikasi seperti telefon bimbit yang digunakan oleh penjenayah.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya ingin menyokong proses tahanan tanpa bicara sebagai langkah yang efektif bagi pencegahan ke atas jenayah berat dan jenayah terancang. Saya juga berkeyakinan langkah kerajaan membuat pindaan ini adalah bagi membanteras jenayah tanpa mengira bangsa dan fahaman politik. Tindakan ini adalah bagi memastikan keselamatan, kestabilan, keamanan dan kesejahteraan rakyat Malaysia menjadi matlamat negara berdaulat. Sekian Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Tuan Chiew Lian Keng.

**3.33 ptg.**

**Tuan Chiew Lian Keng:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya memohon untuk membahaskan Rang Undang-undang Pencegahan Jenayah (Pindaan dan Pemerluasan) 2013 pada hari ini. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kementerian Dalam Negeri (KDN) kerana mengambil langkah tegas dan berani dalam memerangi kes jenayah terutamanya jenayah yang melibatkan kegunaan senjata api di negara kita.

Pada sidang Dewan yang lepas, saya telah menegaskan keperluan undang-undang untuk memerangi peningkatan kes jenayah berat. Dengan izin tuhan, pihak kerajaan telah melihat dengan serius dan telah membentangkan rang undang-undang ini untuk meluluskan di dalam Dewan Negara. Saya telah difahamkan bahawa Yang

Berhormat Menteri KDN telah memberikan keyakinan kepada rakyat bahawa pindaan undang-undang ini hanya akan fokus kepada penjenayah terancang dan bukannya ahli politik.

Saya menyokong dasar ini dan berharap ia tidak akan disalahgunakan. Tindakan Yang Berhormat Menteri untuk melepaskan kuasa tahanan kepada sebuah Lembaga Pencegahan Jenayah yang dianggotai oleh hakim juga dilihat sebagai langkah kerajaan dalam memastikan proses tahanan ini dilakukan secara profesional dan tidak berat sebelah serta benar-benar melihat semangat murni kerajaan terhadap pelaksanaan undang-undang ini. Saya yakin bahawa dengan adanya Lembaga ini yang dianggotai oleh para hakim, isu salah guna kuasa tahanan tanpa bicara tidak akan berlaku lagi. Maka, adalah amat penting untuk memastikan bahawa Lembaga ini bertindak dengan efisien dan menyingkirkan sangka buruk mana-mana pihak terhadap hasrat murni pindaan rang undang-undang ini.

Selain daripada itu, langkah kementerian yang telah memansuhkan prosedur *check and balance* dalam pindaan undang-undang ini adalah patut dipuji. Dalam pindaan seksyen 19E dan 19F juga, ia telah menyatakan bahawa setiap tahun Yang Berhormat Menteri KDN perlu menghantar laporan lengkap terhadap aktiviti tahanan tahunan berkenaan kepada Dewan Parlimen untuk perbincangan.

Keduanya, 19 - di mana setiap lima tahun, sidang Parlimen akan membuat ulang kaji dan akan mengkaji semula untuk membuat keputusan sama ada prosedur tahanan ini perlu atau tidak lagi. Sebagai langkah tambahan, pihak polis perlu memastikan prosedur tahanan iaitu SOP, polis mesti diikuti dan tidak berlaku isu tidak sah tahan ataupun tahanan bermotifkan politik. Pihak polis perlu memastikan imej keprofesionalan mereka dikawal dengan rapat dan SOP perlu diumumkan kepada rakyat dan diikuti sepenuhnya. Maka, saya percaya bahawa pihak polis akan dapat mengembalikan imej positif mereka dan keyakinan rakyat dalam usaha mengurangkan kes-kes jenayah berat berlaku di negara kita. Tidak dilupakan juga adakan kuasa Yang Berhormat Menteri untuk menyelenggarakan dan menguruskan tempat tahanan. Kita telah melihat laporan kes tertuduh mati dalam tangkapan lokap berlaku saban hari.

Saya ingin mencadangkan kepada kementerian untuk mengemaskinikan prosedur operasi tahanan dalam lokap polis, prosedur keselamatan sebelum dimasukkan dalam lokap dan apabila dalam lokap juga perlu dikemas kini supaya tindak-tanduk suspek dalam lokap dapat diawasi. Selain daripada itu, pihak polis juga perlu mewajibkan suspek menjalankan pemeriksaan kesihatan fizikal ataupun pemeriksaan kesihatan mental

daripada pakar psikologi untuk memastikan mereka adalah sesuai untuk diletakkan dalam tahanan lokap.

Langkah-langkah sedemikian adalah amat penting untuk memastikan hak suspek dapat dipelihara dan profesionalisme polis dapat dikekalkan. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kami difahamkan bahawa pihak pembangkang di Dewan Rakyat ramainya tidak hadir, terutamanya pihak pembangkang dan ini telah membuktikan mereka juga menyokong rang undang-undang ini. Mereka pilih tidak hadir sidang di Dewan Rakyat. Akhir kata, saya ingin mencadangkan untuk menyokong Rang Undang-undang Pencegahan Jenayah (Pindaan dan Pemerluasan) 2013 ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar.

**3.59 ptg.**

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** *Bismillahi Rahmani Rahim.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

*Tinggi-tinggi si matahari,  
anak kerbau mati tertambat,  
sudah lama saya menanti,  
baru sekarang saya mendapat. [Tepuk]*  
*Anak kerbau mati tertambat,  
mati tertambat tercungap-cungap,  
baru sekarang saya mendapat,  
saya dapat berucap, berucap, berucap. [Tepuk]*

■1540

Saya sebelum saya bercakap, saya hendak cerita satu cerita, hendak dengar tidak? Ini bagus. Satu hari saya bawa kereta hendak balik kampung. Dari bandar ke kampung saya lebih kurang lima kilometer, kampung di Marang, Terengganu. Saya jumpa satu orang perempuan namanya Poni, saya panggil Mek Poni, sudah tua. Dia tua, tengah hari jalan seorang-seorang. Saya kasihkan dia sebab tengah hari, peluh-peluh dan dia hilang akal, sewel. Saya pun *break* kereta, "*Poni, poni*" dan dia tengok saya. "*Naik kereta sayalah, saya hantar balik rumah*". Dia kata, "*Tidak payahlah, saya hendak cepat*." "*Hendak pergi mana?*" Saya tanya dia, "*Hendak pergi kubur*" jawab dia dan saya bertanya, "*Kubur mana?*" "*Kubur suami saya yang mati ditembak selepas Merdeka*." Lepas Merdeka itu, 31 Ogos. Saya kata, "*Naiklah*". Dia kata, "*Kereta Pak Man lambat, jalan kaki lagi cepat*". Saya pun biarlah, saya kasihan dia tetapi dia tidak mahu.

Inilah, saya tanya lagi, “Hendak pergi mana?” “Hendak pergi kubur suami yang mati ditembak oleh penjenayah, oleh perompak lepas Merdeka”. Saya pun kasihan dia, saya tidak ambillah sebab dia tidak mahu naik kereta saya. Cerita ini kesimpulannya, satu dia gila akibat suami dia mati ditembak oleh penjenayah yang hendak dibela oleh pembangkang. Pembangkang hendak bela, kita hendak lain. Jadi sampai dia sewel, gila. Kalau dia naik kereta saya, lagi cepat sampai tetapi dia hendak jalan kaki. Dia fikir lagi cepat sampai sebab dia gila.

**Dr. Syed Husin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan kalau boleh.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, silakan.

**Dr. Syed Husin Ali:** Penjelasan di mana saudara Yang Berhormat itu mendapat bukti atau alasan bahawa pembangkang membela penjenayah.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Sabar dahulu, saya hendak cerita tidak habis. Duduk dulu. *Relax*lah sahabat saya. Sabar, sabar separuh daripada iman. Sabar, sabar nanti saya jawab. Jadi akta ini saya sokong. Sebab saya sokong, ada sebab. Pertama, sebab semangat 1Malaysia, saya sokong. Semangat 1Malaysia hendakkan keamanan, kemajuan, kejayaan. Betul? Itu pertama. Kedua, semangat agama Islam hendakkan kebaikan hatta agama lain pun nak kebaikan. Buddha, Kristian, Hindu, semua hendak baik. Tadi pembangkang kata bertentangan dengan Islam akta ini, saya nafi.

Kedua, hak asasi manusia kita hendak bela. Pembangkang kata tidak baik akta ini sebab ini, ini, ini. Saya kata baik akta ini sebab penjenayah, penjahat tembak orang, mati. Ayah mati, ada bini, ada anak. Siapa hendak bela anak-anak dia dan keluarga dia sebab suami sudah mati. Jadi akta ini melindungi hak-hak keluarga. Kalau penjenayah dibiarkan, maka huru-hara. Hak asasi manusia yang hidup tidak terbela, jadi saya sokong akta ini.

Keempat, hak mendapatkan perlindungan juga dalam akta ini ada terdapat. Kelima, hak kami sebagai Ahli Dewan Negara, Dewan Rakyat. Jadi bukan norma di sini bela penjenayah. Kita tidak kata pembangkang, tetapi menolak akta ini seakan-akan bela jenayah. Betul tidak? Oleh itu, kami sokong akta ini sebab hendak cegah jenayah. Rogol, bunuh, ugut, curi, rompak, dadah, dagang orang, apa lagi? Pelacuran. Apa lagi? Hak wanita. Apa lagi? Ragut. Itu akta yang bagus.

**Tuan Saiful Izham bin Ramli:** *[Bangun]*

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Sila.

**Tuan Saiful Izham bin Ramli:** Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya minta pandangan daripada Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat setuju selain daripada akta ini yang akan dipinda, kita punya banyak akta lain

termasuk sepuluh akta yang tidak akan dipinda untuk sesi kali ini. Antaranya Kanun Keseksaan, Kanun Prosedur Jenayah, banyak akta lain yang sebenarnya boleh diguna pakai untuk menangkap, menahan dan menghukum penjenayah. Apa yang kita tidak bersetuju ialah aspek penahanan tanpa bicara. Aspek tidak membenarkan mereka yang ditahan, dituduh dan didakwa itu membela diri. Itu sahaja tetapi kita ada banyak akta lain. Tangkaplah banyak mana, bawalah ke mahkamah. Itu tidak ada masalah.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Cukup. Itu bela penjenayah. Tahan tanpa bicara ada faedahnya. Pertama, tahan itu hendak dapatkan bukti. Menteri sudah cakap tadi kalau tahan bicara, bukan senang hendak dapatkan bukti. Jadi tahan dulu, ambil bukti sana, ambil bukti sini, saksi sana saksi sini. Jadi proses tahan tanpa bicara itu untuk dapatkan bukti-bukti sokongan. Itulah salah satunya.

**Tuan Saiful Izham bin Ramli:** *[Bangun]*

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Ada lagi? Silakan.

**Tuan Saiful Izham bin Ramli:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya ingin bertanya sama ada Yang Berhormat sedar atau tidak di bawah Kanun Prosedur Jenayah di bawah seksyen 117, kita ada peruntukan untuk menahan sehingga 14 hari dan boleh diperbaharui bagi membolehkan siasatan dibuat, saksi-saksi dipanggil dan tangkapan lanjut dibuat dan juga di bawah Akta Senjata Api contohnya, Yang Berhormat Nallakaruppan mungkin lebih tahu, boleh ditahan sehingga 60 hari. Perkara ini, persoalannya ialah tahanan tanpa bicara. Itu sahaja. Jadi jangan tidak adil untuk menuduh mereka yang tidak menyokong akta ini adalah mereka yang menyokong penjenayah.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Tadi, saya cerita orang gila, Poni. Poni ini suami dia dibunuh 31 hari bulan. Akta ISA dimansuhkan pada 22 hari bulan 2011 hingga 31 hari bulan Ogos 2013.

#### ■1550

Tahukah Yang Berhormat Tuan Saiful Izham bin Ramli, berapa banyak kes bunuh sebelum mansuhnya Ordinan Darurat dan Akta Ordinan yang disebutkan tadi, 117? Tahukah berapa kes bunuh, cubaan bunuh, samun dan sebagainya, tahukah? Kalau tidak tahu saya beritahu. Silakan.

**Tuan Saiful Izham bin Ramli:** Terima kasih Yang Berhormat kerana ruang untuk saya untuk memberikan penjelasan. Dari segi statistik jenayah saya rasa lebih sesuai ditanya kepada Timbalan Menteri yang menjawab kerana saya tidak ada statistik jenayah. Akan tetapi saya ada statistik anak guam saya yang pernah ditahan di bawah ISA dulu, dituduh kononnya menjadi anggota Jemaah Islamiah. Kerjanya pembuat roti canai,

keluarga yang miskin, ditahan selama lebih dua tahun, diperbaharui berkali-kali dan bila dia keluar, dia keluar sebagai seorang yang cacat dan lumpuh kerana tidak diberikan sebarang rawatan. Itu yang pertama.

Dan yang kedua, walaupun kita menang di mahkamah...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat...

**Tuan Saiful Izhah bin Ramli:** ...Akan tetapi dia ditangkap semula sebaik saja keluar daripada pintu tahanan Kamunting. Ini kes yang nyata yang berlaku dan bila dibebaskan sehingga hari ini tidak ada apa-apa pertuduhan dibuat. Seorang penjual roti canai di Johor, di Ulu Tiram, Johor.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat ada masa untuk bercakap nanti. Yang Berhormat pun agaknya cuba nampaknya *concentrate* apa Yang Berhormat cakap itu. Kalau dua orang asyik seorang peguam, seorang tidak, kan susah. Tidak bagi keputusan.

**Dato' Abdul Rahman bin Bakar:** Tidak apa Tuan Yang di-Pertua, bagi dia *chance*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tolong ringkaskan.

**Dato' Abdul Rahman bin Bakar:** Saya hendak beritahu dia sebab dia tidak tahu banyak, dia cakap sahaja tapi tidak tahu. Pertama, kes Yang Berhormat Tuan Saiful Izhah bin Ramli sebut tadi hanya satu kes. Ini yang hendak sebut banyak kes. Sebelum dimansuhkan, kes bunuh, catit, catit, 845 kes. Selepas dimansuhkan kes bunuh sebanyak 1,065, meningkat 220 kes, pertama bunuh. Kedua cubaan bunuh. Sebelum dimansuhkan sebanyak 309 kes, selepas mansuh 388 kes, meningkat 78 kes. Tulis. Samun sebanyak 27,575 kes, selepas di mansuhkan 28,699 kes. Meningkatkan 1,124 kes. Yang saudara sebut tadi hanya satu kes sahaja. Yang kita bincang ini negara, bukan satu kes anak guam. Kita jaga negara, betul tidak? Kita bukan jaga seseorang, kita jaga negara. Sebab itulah kita dipanggil Ahli Dewan Negara, bukan ahli peguam, faham, faham.

**Seorang Ahli:** Faham.

**Dato' Abdul Rahman bin Bakar:** Kalau tidak faham tanya lagi. Jadi saya hendak sebut juga pemerasan. Sebelum dimansuhkan kes sebanyak 1,865 kes. Bila Akta Ordinan Darurat dan ISA dimansuhkan, kes jadi 1,979, meningkat sebanyak 156 kes. Ugutan jenayah 19,742 kes. Bila dimansuhkan jadi 10,400 kes, meningkat 658 kes. Sebab itu saya, mana Menteri? Ada, ada. Sebab itu saya tidak dapat simpan rasa bangga, rasa terima kasih saya kepada Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi dan Timbalannya yang ada di sini. Bila beliau membawa, membentangkan isu ini khas untuk menyekat jenayah dan lain-lain perubahan.

Jadi kalau kita fikir, kalau tidak dimansuhkan, saya fikir lagi meningkat, lagi meningkat. Nasib baiklah dimansuhkan dan diganti dengan Akta Pencegahan Jenayah ini. Tahniah dan syabas KDN. Kita hendakkan sebuah negara yang aman, maju dan berjaya. Bukan sebuah negara yang kacau bilau. Bila Malaysia kacau bilau, bila negara kita banyak pembunuhan, kekacauan, perogolan, ugut, maksiat, pelacuran, juaranya ialah pembangkang termasuk yang keluar Dewan itu, sekarang. Pembangkang.

Dia seolah-olah hendak jadi *champion*. Konon-konon dia pembela kepada mangsa-mangsa bunuh. Alah, banyak sangat bunuh. Buat apa BN, buat apa Menteri KDN, buat apa Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak, buat apa Dato' Shukor, buat apa Khalid, buat apa Bakar? Hendak ke depan, belakang buat apa? Macam-macam lah. Dia punya tolak. Akan tetapi bila akta ini dilihat, dibentang dia kata tidak baguslah, tidak ikut perlembagaanlah, tidak asasilah, tidak ikut Islamlah. Bila hendak bahas, keluar Dewan. Bacul.

Kita berhujah dengan otak, minda dan fakta. Bukan dengan perasaan, bahkan dengan naluri ingin membela rakyat, bangsa, agama dan tanah air. Itulah tugas-tugas Ahli Dewan. Bukan datang sini tuduh-tuduh. Hendak bela Zahid konon-konon hendak naik, hendak menang Naib Presiden Bahagian. Ini tidak penting naik. Dia tidak tanding atas ini pun menang. Zahid itu seorang yang baik, bijak, prihatin, peka dan berani. Bukannya macam dia. Keluar Dewan, pengecut.

Sebab itu kita lihat akta ini betul-betul saya sokong. Kalau jenayah berat, ringan, ugut, peras, bunuh menyebabkan pertama, pelancong tidak mari, betul Menteri? Pelancong kurang, tidak percaya tanya pegawai di belakang. Betul? Angguk semua, angguk, angguk, angguk. Rugi, pelancong tidak mari, rugi. Sehubungan dengan ini, akta ini saya sokong untuk wujudkan satu Mahkamah Jenayah khas untuk pelancong. Kita ada *medical tourist* untuk pelancong datang berubat tapi tuan-tuan fikir kah pelancong datang ini bukan lama, ada tiga hari, lima hari, seminggu dan sebulan. Tinggi-tinggi pun berapa bulan saja, bukan bertahun.

#### ■1600

Saya rasa, saya hendak syorkan Mahkamah Jenayah Pelancong dapat diwujudkan dengan segera di Malaysia untuk bela pelancong-pelancong yang kena bunuh, yang dirogol, dirompak, diugut, cedera, kemalangan, melanggar dan macam-macam lagi. Orang tanya "*Bolehkah?*" Boleh. Kalau Thailand, Yang Berhormat Rama, boleh wujudkan Mahkamah Jenayah Pelancong, kenapa tidak di Malaysia? Saya ingat Yang Berhormat Menteri, di samping buat Akta Pencegahan, wujudkan satu Mahkamah Jenayah Pelancong.

Kedua, disebutkan tadi juga bahawa dari segi kemanusiaan. Kita dapati wujud banyak jenayah, mungkin ada kesan kepada pelajar. Tadi dibentangkan, dinyatakan tadi, ramai pelajar-pelajar dijadikan ahli kongsi gelap dan juga orang jahat.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Oleh itu, saya syorkan supaya jenayah ini tidak dipandang ringan. Sebaliknya, mana-mana orang yang disyaki melakukan jenayah, kongsi gelap, saya sokong untuk tahan tanpa bicara selama dua tahun dan dua tahun lagi. Sebab apa tahan tanpa bicara? Adakah kerajaan tidak ada perikemanusiaan? Tidak. Kerajaan ada perikemanusiaan tetapi ada kalanya penjenayah itu sorok bukti, sorok fakta, sorok senjata api. Jadi, dengan penahanan mereka maka masa untuk dapatkan balik semua bukti, semua fakta akan berlaku dalam masa dua tahun atau campur lagi dua tahun.

Kedua, saya juga hendak sentuh sedikit tentang ekonomi negara kita. Tadi, Timbalan Menteri KDN mengatakan dia takut kalau sekiranya banyak jenayah akan menjejaskan pelabur-pelabur asing, sama ada dari luar dan juga pelabur-pelabur dalam negara. Saya hendak sebut bahawa Malaysia kini sebuah negara yang baik, yang aman, yang maju. Tuan Yang di-Pertua, Malaysia mengikut *Doing Business Report 2013 by World Bank*, Malaysia berada di tangga ke-12 daripada 185 negara. Kedudukan ini meningkat naik berbanding ke-18 pada tahun 2012. Ini kedudukan Malaysia.

Kedua, mengikut *Institute of Development Management (IMD)*, Malaysia berada di tangga ke-15 daripada 60 negara yang paling berdaya saing di dunia ini. Ketiga, Malaysia juga menduduki tangga ke-24 daripada 148 negara paling berdaya saing mengikut *World Economic Forum*. Keempat, Malaysia juga menduduki tangga ke-29 daripada 162 negara mengikut *Global Peace Index*. Kelima, yang akhirnya Malaysia menduduki ke-2 dari segi destinasi beli-belah daripada 25 buah bandar besar di Rantau Asia mengikut *The Globe Shopper Index Asia-Pacific 2012* oleh...

**Dato' Lim Nget Yoon:** Boleh mencelah?

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Sabar, *one second*.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Duduk dahulu Yang Berhormat.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Jadi, dari segi akademik, bila saya baca jelas Malaysia bukan calang-calang negara. Saya baca ini bukan saya... Ini daripada Perdana Menteri punya jawapan. Satu, dua, tiga, empat, lima. Jadi, niat Menteri, niat Timbalan Menteri hendak jaga ekonomi itu penting sangat supaya Malaysia berada di tahap yang membanggakan. Jadi, kalau banyak bunuh, rompak, jenayah, rogol, samun,



siapa hendak datang? Pelabur hendak datang? Kalau kerajaan tidak ada gaji, *bankrupt*, gaji Yang Berhormat termasuk pembangkang pun tidak boleh bayar. Betul? Kalau betul, tepuk sedikit. [Tepuk] Jadi, kita buat kesimpulan. Ekonomi itu penting. Silakan bertanya.

**Dato' Lim Nget Yoon:** Saya dengar indeks-indeks yang diberikan daripada Yang Berhormat. Bagaimana tentang tuduhan yang mana negara kita akan menghadapi *bankruptcy* dan sebagainya? Apa pandangan Yang Berhormat?

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Negara Malaysia *insya-Allah* tidak *bankrupt* selagi BN perintah. [Tepuk] Kalau pembangkang tidak tahulah, *bankrupt*. *Bankrupt* itu didasarkan konon-konon Malaysia hutang banyak, 51%. Akan tetapi ingat *Singapore* berapa *percent*? 102% hutang *Singapore* tetapi maju. Hutang itu dia boleh bayar. Kita pun boleh bayar sebab Malaysia kaya. Ada emas, bijih timah, kayu balak, minyak, gas, arang batu, arang tidak batu dan macam-macam. Jadi, kita kaya.

Orang pun bagus-bagus, semua rajin. *Insya-Allah* kita tidak akan *bankrupt*. Jadi, dari segi ekonomi Malaysia, janganlah dicalarkan oleh pengkhianat negara. Saya fikir, saya pun hairan bila sesetengah orang bercakap kita sokong akta ini. Akan tetapi kita tidak sokong ini. Ini tidak betul, kelam kabut. Ia datang dengan satu pakej. Bukan *part* ini kita buang, *part* ini kita setuju. Bukan begitu. Dia datang satu. Akan tetapi yang kita boleh katakan Malaysia sekarang ini aman, makmur tetapi dicela, dikotorkan oleh gerakan kongsi gelap dan jenayah.

#### ■1610

Di Malaysia, kongsi gelap, jenayah, orang jahat bukan sedikit. Dianggarkan seramai 411,000 anggota kongsi gelap beroperasi di Malaysia. Macam-macam sindiket, macam-macam kaedah. Selama kebelakangan ini apabila Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid menjadi Menteri KDN, dan timbalannya sudah tangkap lebih kurang 15,000 orang. Daripada jumlah itu, yang dikenal pasti betul-betul melakukan jenayah adalah seramai 4,800 orang sahaja. Tahniah, syabas. Akan tetapi, saya kurang puas hati lagi sebab bilangan kongsi gelap 411,000 orang kenapa hanya 15,000 yang ditangkap? Kenapa tidak 70%, 80% sudah tersungkur? Kenapa sedikit sangat? Mungkin jawapan baru lagi. Tidak cukup pegawai, nantilah. Sabarlah. Jangan *rushing-rushing* sangat. Duit tidak cukup, apa lagi tidak cukup? Bukti tidak cukup macam-macam. Akan tetapi, angka 411,000 itu besar. Saya harap operasi lagi dijalankan. Oleh itu, saya syorkan perbendaharaan negara Menteri Kewangan tambah:

- (i) bajet;
- (ii) pegawai;
- (iii) alat-alat tangkapan;

- (iv) penjara dibesarkan;
- (v) lokap ditambah;
- (vi) senjata pegawai;
- (vii) *training* ditingkatkan kepada pegawai-pegawai KDN;
- (viii) kemahiran; dan
- (ix) apa-apalah yang baik.

Jadi kita rasa usaha yang dibuat oleh KDN kita sokong, rakyat sokong. Yang Berhormat Menteri, kerajaan jangan takut, buatlah. Tangkaplah. Buat apa dibiarkan? Jenayah, orang jahat semua, sokong dihapuskan. Tidak begitu profesor? Termasuk Yang Berhormat Tuan Saiful Izham juga sokong. Semua sokong. Akan tetapi ada kalanya betul juga. Tahan tanpa bicara itu, kena bicara. Jangan tahan dua tahun tidak ada soal selidik, tidak ada bicara, tidak bagus juga. Hendaklah tahan tanpa bicara itu kena ada jadual berkala. Bila hendak siasat, satu bulankah, dua bulankah, setiap harikah setiap minggukah? Jangan tahan dua tahun, tidak bicara, tidak soal, tidak tanya pun dua tahun lagi, campur lagi dua tahun. Jangan!

Dari segi kemanusiaan tidak betul. Akan tetapi, saya rasa Malaysia sedang menuju kepercayaan dunia. Dahulu seberang jiran kita apa dia Singapura. Lee Kuan Yew kata '*Jangan mari, di Malaysia tidak selamat.*' Johor tidak selamat, banyak jenayah, banyak bunuh, banyak rogol, banyak curi, banyak ugut, macam-macam. Kita pun malu. Bukan Singapura baik sangat. Akan tetapi, orang kata kita, sakit hati. Sebab itulah KDN memperkenalkan akta ini supaya Malaysia menjadi negara bukan sahaja maju, dari sesi sahsiah, politik, pelajaran, ekonomi tetapi juga maju dari segi tindak tanduknya terhadap perangi orang jahat dan sebagainya.

Kita juga tertarik dengan sesetengah pihak mendakwa bahawa akta ini sebagai akta yang zalim. Saya hendak jawab akta ini kalau tidak buat nanti akan jadi lagi zalim. Kalau tidak ada ini, Kerajaan Barisan Nasional lagi zalim sebab pembunuhan terjadi hari-hari. Dia mati, penjenayah mati, siapa hendak jaga anak dia? Siapa hendak jaga *family* dia? Saya malah baca satu-satu. Akan tetapi dalam masa dua bulan, bulan enam dan bulan tujuh seramai 109 orang ditembak mati. Itu yang belum masuk cedera lagi. Contoh saya baca. Tan Chai Heng 51 tahun ditemui mati terbaring di taman kira-kira 30 meter dari rumahnya, Jalan Salleh, Muar pada pukul 9 malam 6 Jun 2013.

Berdasarkan laporan mangsa dipercayai ditembak dari jarak dekat sebelum mayatnya dijumpai mati oleh jirannya. 30 meter dari rumah contoh pertama. Kedua, dua lelaki S.Kannan 37 tahun dan G. Suresh 28 tahun maut manakala dua lagi cedera parah

selepas ditembak ketika berhenti di lampu isyarat persimpangan Bukit Tambun. Keempat-empat mereka berasal dari Melaka untuk menghadiri upacara perkahwinan rakan mereka. Mayat kedua-dua mereka ditemui 10 malam, pada 12 Mei 2013. Contoh ketiga, Timbalan Ketua Pengarah Kastam (Unit Perkastaman/Cukai Dalam Negeri) Datuk Shahrudin Ibrahim 58 tahun, maut ditembak oleh dua lelaki yang naik motosikal ketika dalam perjalanan ke pejabatnya di Putrajaya pada pukul 8.15 pagi pada 26 April 2013.

Tuan Yang di-Pertua, kes-kes yang saya kemukakan tadi penjenayah tidak memilih mangsa-mangsa mereka. Mereka tidak mempunyai perasaan kemanusiaan. Hati mereka kering dan nekad. Jadi, sudah tentulah kementerian tidak pandang ringan contoh-contoh ini dan lagi 100 yang saya tidak baca panjang sangat. Jadi, tahniah dan syabas kerana kementerian bertindak pantas untuk menangani isu jenayah berat ini.

#### ■1620

Akhir sekali, saya percaya bahawa lembaga yang akan ditubuhkan ini satu lembaga yang adil sebab KDN tidak terlibat. Apa yang ditubuhkan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, pengerusinya seorang Hakim Mahkamah Majistret atau Mahkamah Rayuan atau Mahkamah Persekutuan. Jadi saya percaya, beliau pakar dalam hal ini dan saya setuju dengan Yang Berhormat Senator Dr. Ramakrishnan yang dua ahli lagi apa dia punya kelulusan hendaklah dinyatakan apa-apa kelayakan supaya sesuai. Kalau sebut dua *member* sahaja tanpa syarat...

**Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah:** [*Bangun*]

**Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Sila.

**Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah:** Hendak betulkan sama sahaja. Bukan Yang Berhormat Senator Dr. Ramakrishnan tetapi Chandra Mohan. Dr. Ramakrishnan sudah...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Nama dia Chandra Mohan.

**Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Ramakrishan itu nama sayang. Saya tahu nama Yang Berhormat Chandra Mohan, tahu. [*Ketawa*] *Sorry*.

Jadi saya setuju dengan Yang Berhormat Tuan Chandra Mohan bahawa ahli itu hendaklah dipilih yang pakar dan yang tahu dari segi undang-undang negara. Jadi satu lagi, kita tidak perlu ragu sebab lima tahun pula, datang pula di Dewan ini, kita boleh bahas lagi. Cuma kita bukan *member* lagi masa itu. Akan tetapi kita kena ingat bahawa Dewan ini satu Dewan yang mulia, Dewan yang bertanggungjawab buat undang-undang sebab itu kita percaya bahawa akta ini akta yang bagus, saya sokong sepenuhnya. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang ini kita beralih ke Yang Berhormat Tuan Syed Shahir. Silakan.

#### 4.22 ptg.

**Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya turut serta dalam perbahasan Rang Undang-undang Pencegahan Jenayah (Pindaan dan Pemerluasan) 2013. Saya ingin menggaris bawahkan bahawa saya dan rakan-rakan menyokong penuh segala usaha bagi membanteras jenayah di Malaysia ini. Ini penting kalau tidak nanti ada semacam tohmahan seolah-olah apabila kita berbahas di Dewan yang mulia ini, ada tanggapan yakni semacam kita menyokong penjenayah. Tidak sama sekali. Garis bawahnya ialah menentang segala macam jenayah yang membawa kemudaratan kepada rakyat. Itu penting. Malah Tuan Yang di-Pertua, dalam sesi yang lalu, saya pernah mencadangkan kepada Yang Berhormat Menteri untuk mengadakan suatu perbincangan khusus bagaimana kita menangani jenayah ini ekoran daripada pelbagai kes yang membawa kepada hilang nyawa orang yang tidak berdosa di Malaysia ini.

Namun demikian, kita juga tidak boleh memandang ringan tentang hal-hal yang berkaitan dengan Perlembagaan Persekutuan. Hak sebagai warganegara, hak sebagai manusia, itu kita tidak boleh nafikan. Sepanjang mengenai statistik jenayah ini, berdasarkan kepada terbitan Jabatan Perdana Menteri berhubung dengan Program Transformasi Kerajaan Malaysia dalam buku ini yakni Program Transformasi Kerajaan pada muka surat 117 dilaporkan bahawa jumlah jenayah seperti berikut:

Tahun	Statistik Jenayah
2006	196,780
2007	209,582
2008	211,645
2009	211,184

Kita juga ingin bertanya sebab laporan ini sehingga tahun 2009 dan buku ini bertarikh 2010. Kita ingin bertanya, berapakah - tidak ada Yang Berhormat Timbalan Menteri dalam Dewan ini? Berapakah jumlah jenayah atau indeks jenayah yang dilaporkan di seluruh negara bagi tahun 2010, 2011 dan 2012? Data ini penting supaya kita dapat melihat sama ada indeks ini meningkat atau menurun. Andainya menurun, maka apakah justifikasi kita mengadakan pindaan kepada Rang Undang-undang

Pencegahan Jenayah (Pindaan dan Pemerluasan) ini? Namun kalau meningkat, apa pula akan kita lakukan pada masa itu? Apakah kita akan perluaskan lagi undang-undang yang ada ini?

Tuan Yang di-Pertua, kita bercakap soal prinsip, soal fundamental sepanjang mengenai Perlembagaan Persekutuan. Saya sebut tadi bahawa soal yang penting adalah soal Perlembagaan Persekutuan yang kita sentiasa pelihara dan kita anggap inilah satu-satunya dokumen penting bagi rakyat Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian Dewan ini kepada Bahagian II, Perlembagaan Persekutuan - teks dalam bahasa Inggeris. Saya ada teks dalam bahasa Melayu juga ada teks dalam bahasa Inggeris. Saya baca dengan izin, "*Part II, Fundamental Liberties. Article 5 - Liberty of the person. Article 5(1), no person shall be deprived of his life or personal liberty save in accordance with law*". Ini kata Perlembagaan Persekutuan. Maknanya, kita bercakap tentang "*liberty of the person*". Dengan pindaan ini Tuan Yang di-Pertua, sudah tentu ianya bercanggah dengan soal *liberty of the person* seperti yang saya katakan tadi. Ianya mengetepikan perkara 5(1), 5(2), 5(3), 5(4). Sama halnya juga dengan perkara 9 dalam Perlembagaan Persekutuan ini.

#### ■1630

Saya petik, dengan izin, "*Prohibition of banishment and freedom of movement*". 9(1) menyebut, "*No citizen shall be banished or excluded from the Federation. (2) Subject to clause (3) and to any law relating to the security of the Federation or any part thereof, public order, public health or the punishment of offenders, every citizen has the right to move freely throughout the Federation and to reside in any part thereof.*" Mengapa saya sebut ini Tuan Yang di-Pertua? Ini adalah kerana apabila ada *preventive detention* ini, ia menghadkan secara *akliah*, menghadkan pergerakan rakyat di negara yang kita cintai ini.

Ada hujah yang mengatakan bahawa ada pun pengecualian menurut perkara 149 hanya terpakai sebagai tujuan menggubal undang-undang untuk menentang perbuatan subversif, tindakan yang memudaratkan ketenteraman awam dan sebagainya. Hakikatnya, *Prevention of Crime Act* pindaan ini, menyimpang daripada maksud asal seperti mana yang telah pun kita bahaskan sepanjang hari ini. Akta 297 ini, *Prevention of Crime Act 1959*, mukadimahnyanya atau *preamblenya*, berbeza sama sekali. Biasanya dalam undang-undang, mukadimah itulah merupakan hasrat, *the intention* mengapa ia dijadikan sebuah undang-undang?

Tuan Yang di-Pertua, seksyen baru 15A daripada Akta Ibu, *Prevention of Crime Act 1959* ini antara lain mengekang sebarang semakan kehakiman. Ertinya, kita bercakap

mengenai *judicial review* dikekang walaupun ada disebut tadi tentang perkara yang berkaitan dengan *part A – Detention Orders*. Ia merujuk kepada *direction of the Board, under subsection (1)*, dengan izin, *shall be subject to review by the High Court*. Akan tetapi yang kita bercakap di sini adalah tentang semakan kehakiman atau *judicial review*, tidak ada. Kita menyoal mengapa dinafikan semakan kehakiman? Apa tujuan? Bagaimana nak perbetulkan sebarang kesilapan atau kesalahan dalam tindakan akibat daripada penemuan yang dibuat oleh Lembaga tadi.

Kalau kata, misalnya Lembaga itu menemui dalam tindakannya ada kesalahan-kesalahan tertentu. Maka, keputusan yang dibuat oleh Lembaga itu, siapa yang boleh cabar? Sedangkan sebelum ini walaupun kita tidak bersetuju dengan ISA, namun ada beberapa kes yang dibawa ke mahkamah. Seperti mana yang berlaku kepada Yang Berhormat Karpal Singh dulu. Adanya *writ of habeas corpus* yang dibawa ke mahkamah, yang akhirnya, keputusan telah dibuat membatalkan perintah yang dikeluarkan oleh Menteri sepanjang mengenai perintah ISA tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin pindah kepada seksyen 19A – *Detention Orders Without Trial*. Nampaknya, bahawa peruntukan ini diambil daripada Akta ISA yang telah dimansuhkan. Ertinya, semangat seksyen 8 yang terdapat dalam ISA itu diambil semula dan dimasukkan ke dalam pindaan yang kita bahaskan pada hari ini. Ertinya, ia mengizinkan penahanan tanpa bicara sehingga dua tahun yang boleh disambung lagi dan seterusnya. Ini telah banyak diperkatakan oleh pembicara-pembicara sebelum saya tadi tetapi saya ingin menegaskan sekali lagi bahawa ini adalah sesuatu yang tidak adil dan tidak munasabah dan patut ditentang.

Apa yang tidak ada dalam seksyen 7(3) ISA kerana ia sudah pun dimasukkan atau diijelmakan dalam Akta SOSMA 2012 yang memberi kuasa kepada pihak polis menahan tak lebih daripada 30 hari tanpa waran dan tanpa bicara. Peruntukan ini antara lain membuka ruang kepada salah guna kuasa seumpama apa yang berlaku kepada mereka yang dianiayai di bawah ISA sejak puluhan tahun. Ini kerana dimasukkan perkataan, dengan izin, “...*in the interest of public order, public security*”. Selain daripada apa yang ada dalam akta ibu iaitu *prevention of crime*, yakni pencegahan jenayah semata-mata.

Akta ibu, akta asal tahun 1959 ini berkait dengan soal jenayah semata-mata. Sedangkan yang mahu dimasukkan ke dalam pindaan ini, memasukkan perkara “...*in the interest of public order and public security*”. Saya tidak mahu mengulang apa yang disebut oleh rakan-rakan sepanjang mengenai takrifan hal yang nanti membawa kepada kemudahan kepada orang yang kadang-kala dianggap sebagai bersalah tetapi ia tidak bersalah seperti yang telah disebut oleh rakan saya sebentar tadi.

Selain itu, seksyen 19F iaitu *review* atau kajian semula yang disebut sebagai *sunset clause*. Peruntukan *review* ini atau semakan ini dibenarkan setiap lima tahun tetapi ingat, ia hanya merujuk kepada Bahagian IVA. Ia tidak merujuk kepada yang lain. Ini berbeza dengan apa yang dibuat di negara-negara maju seperti di Amerika Syarikat di bawah *Patriot Act 2001* dan di United Kingdom di bawah *Prevention of Terrorism Act 2005* yang dikaji semula saban tahun.

Tuan Yang di-Pertua, kita bercakap soal memperkasakan pihak yang berkuasa. Ini memang disokong, malah kalau kita lihat apa yang telah direkomendasi oleh sebuah suruhanjaya yang ditubuhkan pada tahun 2005 yakni Suruhanjaya Diraja Penambahbaikan Perjalanan dan Pengurusan PDRM tahun 2005.

▪ **1640**

Ini bukan dibuat oleh sesiapa. Ini dibuat oleh pemerintah dan dilantik sebuah Suruhanjaya Diraja (*Royal Commission of Inquiry*) di mana terdapat 125 rekomendasi. Kalau kita hendak kata tidak ada usaha ke arah memperkasakan polis, tidak benar sama sekali. Tahun 2005, sudah pun ada rekomendasi. Apa dia antara lain? Ia adalah memodenkan peranan dan fungsi organisasi PDRM. Menjalankan usaha-usaha berterusan menentang jenayah, menambah baik kepolisian penyiasatan, menghapuskan rasuah, memastikan kepolisian akuri undang-undang dan tuntutan hak asasi manusia, meningkatkan kesedaran dan pematuhan terhadap hak wanita dan kanak-kanak, meningkatkan keupayaan menerasi dan skim perkhidmatan polis, meningkatkan pengurusan pembangunan guna tenaga polis, memperbaiki struktur latihan institusi polis, menambah baik peralatan dan logistik polis dan menyediakan premis perumahan polis yang lebih baik.

Tuan Yang di-Pertua, dalam rekomendasi ini pada bab X, ada disebut, Perkara 62 iaitu *recommendation 7* dengan izin.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, saya minta kerjasama Yang Berhormat untuk berhenti sementara kerana ada usul Menteri. Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Menteri.

**USUL****WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN  
DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT****4.42 ptg.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Paul Low Seng Kwan]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 7.30 malam dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Khamis, 10 Oktober 2013”.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Waytha Moorthy Ponnusamy]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

*[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat. Teruskan.

**Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud:** Dalam rekomendasi 62 ini...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Mikrofon.

**Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud:** ...Antara lain menyatakan, saya petik dalam bahasa Inggeris dengan izin. *“Recommendation 7 - Partially repeal the Prevention of Crime Act 1959”* dan pada ruang sebelah kanan itu ada saranan bilakah rekomendasi ini patut disudahi atau disempurnakan. *Complete implementation by May 2006*. Ini adalah rekomendasi daripada Suruhanjaya Diraja Penambahbaikan Perjalanan dan Pengurusan PDRM 2005. Apa jadi sekarang ini? Tidak hanya ini tidak diikuti, malah diperluaskan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin tahu dan memohon penjelasan daripada pihak Menteri. Sepanjang mengenai pendirian dan juga sikap Peguam Negara Malaysia, dalam hal pindaan ini, apakah benar bahawa Peguam Negara pada 16 Julai tahun ini - Saya ulang sekali lagi. Apakah benar pada 16 Julai tahun ini, Peguam Negara dipetik sebagai berkata dalam bahasa Inggeris dengan izin, *“Attorney General, Abdul Ghani Patail today, stressed that he does not support the permission of any new law which is allowed preventive detention”*. Apakah benar? Itu saya tanyakan kepada pihak yang



berkenaan untuk menjelaskan kepada Dewan yang mulia ini kerana Peguam Negara (*Attorney General*) adalah bukan hanya batang tubuhnya, tetapi satu institusi di Malaysia ini. Apa juga undang-undang yang hendak digubal mesti merujuk kepada Peguam Negara dan barulah ertinya proses itu berjalan sehinggalah sampai ke sini.

Perkara kedua ialah apakah pihak kementerian mengadakan konsultasi. Ini bukan taklimat. Ini bukan *briefing*. Konsultasi dengan mereka yang sepatutnya memberikan masukan-masukan atau input kepada hal yang penting ini. Maksud saya misalnya ialah Majlis Peguam Malaysia, Persatuan Peguam di Sabah, Persatuan Peguam di Sarawak misalnya. Adakah mereka diajak, dijemput dan diberitahu, kemudian diminta masukkan mereka, pandangan mereka dan kritikan mereka dan sebagainya sepanjang mengenai rang undang-undang yang kita bahaskan pada hari ini. Kalau ada, bila? Kalau tidak, mengapa?

Akhir sekali, saya ingin menyatakan dengan jelas bahawa berdasarkan kepada hujahan di atas, saya menolak cadangan pindaan rang undang-undang ini kerana ia jelas bertentangan dengan semangat Perlembagaan Persekutuan dan ia menafikan hak asasi rakyat dan warga negara Malaysia ini. Ada pepatah yang mengatakan, "*Jangan bill sampai di mato dipicinkan, Sampai di porut, dikempiskan*".

Itu dalam bahasa Minang. Maksudnya bila sampai di mata kita kecilkan, bila sampai ke perut kita kempiskan. Ertinya, kita kenalah melihat secara holistik bahawa dalam keghairahan untuk membetulkan hal-hal ini, jangan sampai menafikan hak orang lain. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat To' Puan Hajah Zaitun.

**4.48 ptg.**

**To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi kesempatan sekali lagi kepada saya untuk turut sama mengambil bahagian dalam perbahasan pindaan Rang Undang-undang Akta Pencegahan Jenayah (Pindaan dan Pernerluasan) 2013 yang sangat panas dibahaskan pada hari ini dan yang sangat-sangat ditunggu oleh rakyat di luar sana untuk kita membuat keputusan yang terbaik bagi keselamatan negara kita yang sangat-sangat dibimbangkan oleh rakyat seluruh negara. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan yang memperkenalkan pindaan Akta Pencegahan Jenayah 1959 [*Akta 297*] untuk menangani jenayah berat dan jenayah terancang khususnya yang melibatkan jenayah senjata api,

pembunuhan menggunakan senjata api, pergaduhan antara kumpulan ahli kongsi gelap, pengedaran dadah, pelacuran dan perjudian yang rata-rata membimbangkan masyarakat di luar sana. Tindakan ini wajar bagi membendung dengan berkesan kegiatan-kegiatan jenayah berat dan jenayah terancang yang merupakan ancaman kepada keselamatan negara.

#### ■1650

Tuan Yang di-Pertua, Akta Pencegahan Jenayah (PCA) terbahagi kepada lima kategori yang sedia ada. Siasatan perlu dilakukan bertujuan menentukan sama ada seseorang yang ditahan itu jatuh di bawah salah satu kategori yang tersenarai iaitu ahli kumpulan haram atau kongsi gelap. Seseorang yang menyertai kumpulan yang terbabit dalam aktiviti jenayah, penyeludupan dadah, penyeludupan manusia dan perjudian atau mesin judi haram yang menyalahi undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, kita menyedari bukan mudah untuk menangkap, mengenal pasti penjenayah yang saya sebutkan tadi dan seterusnya mengemukakan bukti. Sering kali saksi tidak akan tampil di mahkamah. Bukan senang untuk membawa saksi memberi keterangan. Saksi sering kali diugut malah ada yang diancam untuk dibunuh. Dalam hubungan inilah penahanan tanpa bicara adalah penting untuk menahan seseorang individu yang disyaki walaupun ianya boleh dianggap sebagai jalan pintas kepada pasukan polis. Akan tetapi ianya adalah lebih mudah jika dibandingkan dengan proses yang perlu dilalui mengikut PCA.

Tuan Yang di-Pertua, bekas Ketua Hakim Negara, Tun Zaki Azmi mengakui pindaan Akta Pencegahan Jenayah (Pindaan dan Pemerluasan) 2013 sebagai langkah yang berkesan di mana penahanan pencegahan yang mampu mengurangkan kadar jenayah kerana menyifatkan perkara paling sukar dalam suatu pendakwaan, adalah membawa saksi bagi memberikan keterangan.

Sementara itu Tuan Yang di-Pertua, pemansuhan Akta Darurat (EO) pada tahun 2011 menyebabkan lebih 2,600 tahanan di Simpang Renggam, Johor telah dibebaskan dan sebahagian mereka telah kembali melakukan jenayah, termasuk jenayah berat, jenayah terancang menggunakan pistol. Oleh itu pindaan Rang Undang-undang Akta Pencegahan Jenayah ini akan dapat mengimbangi keadaan yang membimbangkan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang pindaan seksyen 1 iaitu subseksyen 1(2) akta ibu yang dipinda bagi memperluaskan pemakaian ke seluruh Malaysia. Sebelum ini Akta Pencegahan Jenayah 1959 yang terpakai hanya di Semenanjung Malaysia, di mana pemakaian akta ini akan diperluaskan ke seluruh Malaysia termasuk di Sabah dan Sarawak serta Wilayah Persekutuan Labuan. Saya ingin

mendapatkan penjelasan sama ada peruntukan ini tidak bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan berhubung dengan perluasan undang-undang ini, meliputi Sabah dan Sarawak dan bukan sahaja di Semenanjung.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang penubuhan Lembaga Pencegahan Jenayah yang ditubuhkan di bawah seksyen 11 iaitu dengan memasukkan peruntukan baru seksyen 7B dan 7C. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada langkah bijak kerajaan bagi menubuhkan Lembaga Pencegahan Jenayah ini yang terdiri daripada pengerusi dan dua orang ahli yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong. Langkah ini adalah bagi mengelakkan tuduhan penyalahgunaan kuasa terutama terhadap Menteri.

Saya berpendapat Tuan Yang di-Pertua, kriteria pengerusi yang dilantik adalah tepat dan wajar iaitu yang terdiri dari seorang yang pernah atau sedang atau layak menjadi seorang Hakim Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan atau Mahkamah Tinggi. Bagaimanapun saya ingin mendapatkan penjelasan Tuan Yang di-Pertua, kriteria bagi dua orang lagi ahli Lembaga Pencegahan Jenayah ini. Bagi memastikan ahli Lembaga ini berkecukupan, berkebolehan dan berpengalaman, supaya jelas kepada masyarakat tidak sebagaimana apa yang kita pertikaikan. Saya harap akta rang undang-undang ini dikuatkuasakan segera, memandangkan keperluan dan keselamatan kepada negara yang sangat memerlukan, terutama dalam isu-isu keganasan yang berlaku di negara kita ini sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berhasrat untuk memanjangkan ucapan ini. Dengan ini saya menyokong penuh di bawah akta rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih *assalamualaikum warrahmatullahi wabarakatuh*.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih. Seterusnya Yang Berhormat Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit. Silakan Yang Berhormat.

#### **4.55 ptg.**

**Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit:** Terima kasih. *Bismillahi Rahmani Rahim, Assalamualaikum warrahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua memberi saya ruang untuk mengambil bahagian di dalam perbahasan Rang Undang-undang 8/2013. Undang-undang Malaysia adalah berlandaskan sistem *Common Law*, berbentuk *advisory* yang memerlukan seseorang itu membuktikan kesalahan pihak tertuduh tanpa sebarang keraguan bagi menyabitkan kesalahannya. Kenyataan dan bukti dari saksi adalah sangat penting untuk membuktikan pertuduhan yang mempunyai asas demokrasi.

Dengan penjelasan ini, ramai orang awam atau saksi, rasa takut untuk datang memberi bukti di mahkamah. Apa lagi kita tidak mempunyai program perlindungan saksi iaitu dengan izin, *witness protection program*. Oleh yang demikian, pindaan Akta Pencegahan Jenayah 1999 ini yang mana diinisiatifkan agar suatu perundangan khusus bagi mencegah aktiviti jenayah yang mengancam ketenteraman awam serta mematuhi peruntukan Perlembagaan Malaysia, artikel 149 perundangan menentang sebarang perbuatan subversif, tindakan keganasan terancang dan perbuatan jenayah yang memudaratkan orang awam seperti mana klausa A hingga F. Perlu diingatkan juga bahawa apa-apa pindaan yang dibuat adalah berteraskan kepada matlamat untuk memastikan ketenteraman awam dan kesejahteraan negara. Untuk itu pertimbangan secara bijaksana dan cermat perlu dibuat agar kepentingan majoriti rakyat dilaksanakan dengan sewajarnya.

Justeru itu pindaan ini di seksyen 19A, rang undang-undang ini sangat dinantikan iaitu *long overdue*. Lagipun perintah tahanan itu akan diputuskan oleh Lembaga Pencegahan Jenayah yang terdiri dari seorang hakim dari Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Tinggi dan dua orang lagi. Ini pula berlainan dengan Akta ISA yang telah dimansuhkan yang memberi kuasa yang sangat luas kepada Menteri Dalam Negeri untuk mengeluarkan perintah penahanan itu.

Di dalam suasana organisasi jenayah antarabangsa yang terancang, kini berleluasa di mana jenayah dadah, senjata api dan pemerdagangan manusia telah menjadi aktiviti yang lumayan seperti yang dilaporkan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Pasti kita memerlukan Akta Pencegahan Jenayah ini bagi membendung jenayah yang semakin meningkat ini.

Isu utama yang menjadi pertikaian di peringkat kebangsaan pada masa kini adalah berkisar mengenai, pertama tempoh tahanan dua tahun yang diputuskan melalui keputusan oleh Lembaga Pencegahan Jenayah. Tempoh tahanan reman ini penting bagi menyediakan satu jangka masa yang mencukupi untuk proses siasatan bagi tujuan pendakwaan. Ia juga berkesan untuk memastikan sesuatu tindakan efektif diambil bagi mematahkan kartel jenayah terancang yang disebarkan melalui aktiviti ekonomi seperti aktiviti pembinaan iaitu pecah rumah dan mesin ATM yang menggunakan gas *Oxy-acetylene*, perkhidmatan hotel melalui pelacuran dan pengedaran dadah sintetik. Industri hiburan di kelab malam dan pusat karaoke dan juga pusat urut refleksologi dan *retail services* kedai runcit dan rokok seludup.

**■1700**

Aktiviti sosial masyarakat seperti NGO dan persatuan sukan, contohnya kelab bola sepak melalui *bookie* dan judi. Pertahanan diri, silat dan tekwando, samseng jalanan dan lain-lain. Tidak ada ruang apabila seorang yang ditahan untuk mendapat semakan perundangan di bawah seksyen 15A(1) iaitu dengan izin, *no judicial review*. Perkara ini perlu dilaksanakan secara berhemah kerana kita tidak mahu pelaksanaan pindaan ini akan menyebabkan kerajaan akan ditohmah dan dituduh sebagai zalim. Sedangkan matlamat utama adalah untuk memantapkan polis menjalankan kerja-kerja siasatan dan pemantauan kartel jenayah tanpa gangguan prosiding bantahan perundangan melalui aspek ketidakpatuhan teknikal.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin *quote* Yang Berhormat Dato' Sri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, Menteri Dalam Negeri pernah berkata mengenai pelepasan 2,600 tahanan ekoran pemansuhan *Emergency Ordinance* baru-baru ini yang mengakibatkan peningkatan seramai 260,000 penjenayah yang bebas berlegar di kalangan kita sekarang ini. Jelas juga peningkatan kadar jenayah yang meloncat ke kadar yang lebih tinggi. Jadi cuba bayangkan jika dalam Ops Cantas baru-baru ini terdapat hampir lebih 14,000 di tangkap kerana disyaki terlibat dengan jenayah berat terancam.

Oleh itu, sekiranya dibenarkan semakan perundangan dibuat terhadap tahanan reman ini, maka kos kerajaan untuk membiayai prosiding rayuan menjadi lebih besar dan beban terhadap institusi kehakiman yang menyebabkan *backlog* kes-kes sedangkan hakikat siasatan bagi tujuan pendakwaan masih berjalan. Tuan Yang di-Pertua, pindaan ini juga dapat mengekang kejadian salah guna kuasa oleh orang perseorangan. Hal ini kerana Lembaga Pencegahan Jenayah terdiri daripada seorang hakim, dipengerusikan oleh seorang hakim dan dua lagi. Kombinasi ini akan dapat mengurangkan lagi salah guna kuasa apa lagi pelantikan mereka ini adalah untuk dua tahun sahaja.

Seterusnya Tuan Yang di-pertua, diingatkan juga penurunan atau pengurangan hak seseorang boleh dibuat atau ditimbang demi keselamatan awam. Kerajaan boleh menggubal undang-undang bagi menyekat jenayah demi keselamatan awam. Ini adalah hak dan tanggungjawab kerajaan untuk menyumbang hak rakyat, apa yang dikatakan tadi *fundamental liberties* dengan keselamatan awam. Maka pindaan dan pemerluasan Akta Pencegahan Jenayah ini adalah langkah-langkah yang amat sesuai dan perlu untuk memelihara rasa selamat dan aman di kalangan rakyat Malaysia. Walaupun hak asasi seseorang itu perlu diambil sedikit.

Penyataan seorang *criminologist*, P. Sundramoorthy pada 26 September 2013 dalam satu artikel di *nst.com.my* bertajuk "*High time for Laws to be boosted*" dengan izin

oleh Nuradilla binti Noorazam. Bunyinya begini dengan izin, *“It is high time for us to discuss preventive measures to ensure that criminals cannot do as they please anymore. Based on the statistics from the police and the Home Ministry, in the last 19 months, violent crimes have increased significantly compared with the 19 months prior to the abolishment of the Emergency Ordinance.* Sesiapa yang menyalahgunakan kuasa termasuk Lembaga Pencegahan Jenayah hendaklah dihukum kerana kerajaan serius dalam menangani jenayah terancang dan rasuah.

Tidak terdapat dalam akta ini sebarang imuniti diletakkan di atas ahli lembaga, bermakna mereka juga boleh didakwa. Walaupun tidak ada *judicial review* atas mana-mana keputusan Lembaga ini, namun orang awam boleh melaporkan sebarang penyalahgunaan kuasa atau rasuah yang disyaki dilakukan oleh Lembaga ini. Mengakhiri, saya ada satu soalan iaitu saya ingin bertanya, apakah kaedah penahanan atau proses penahanan dari hari pertama seseorang itu ditahan ataupun dari hari pertama perintah penahanan dikeluarkan di bawah undang-undang ini, sehingga ke hari akhir dua tahun itu? Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Dipersilakan Yang Berhormat Tuan Saiful Izham bin Ramli.

#### **5.06 ptg.**

**Tuan Saiful Izham bin Ramli:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana membuka ruang kepada saya untuk turut sama menyumbang membahaskan pindaan kepada Akta Pencegahan Jenayah 1959 yang selepas daripada ini akan dikenali sebagai Akta Pencegahan Jenayah (Pindaan dan Pemerluasan) 2013. Pindaan ini telah diluluskan di Dewan Rakyat pada minggu yang lepas, selepas satu tempoh perbahasan yang agak singkat. Berbanding dengan kepentingan yang cukup mendalam dan kesan pindaan ini kepada masyarakat Malaysia keseluruhannya.

Tuan Yang di-pertua, pemansuhan Akta Keselamatan Dalam Negeri 1990, Akta Kediaman Terhad, akta ataupun Ordinan Darurat 1969 adalah sebahagian usaha transformasi atau janji yang diperkenalkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada sekitar September 2011 yang dahulu. Usaha dan juga pengumuman seperti ini sangat menarik minat pelbagai pihak dan masyarakat. Hal ini kerana kesan dari segi pemansuhan itu memberikan impak yang cukup positif terhadap bagaimana Malaysia hari ini seolah-olah sudah mulai menuju ke arah satu transformasi yang menyeluruh. Khususnya untuk mempertahankan aspek hak asasi manusia, kedaulatan undang-undang dalam erti kata yang sebenarnya serta penzahiran hak murni Yang Amat Berhormat

Perdana Menteri untuk membawa negara ini ke arah pembinaan masyarakat yang lebih berwibawa dan bermakna.

Saya katakan tadi pada 2011, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menjanjikan kepada rakyat bahawa sebarang undang-undang yang berkaitan dengan tempoh pertahanan pencegahan akan dipendekkan. Peranan mahkamah dalam konteks ini akan diperluaskan bagi memastikan pemantapan proses *check and balance*, dengan izin. Malangnya apabila pindaan ini dibentangkan buat pertama kalinya oleh Menteri Dalam Negeri di Dewan Rakyat pada 25 September 2013, ianya seolah-olah tiba-tiba menyentap satu ilusi indah transformasi yang dibayangkan kepada rakyat sebelum Pilihan Raya Umum ke-13 yang lalu dan ianya membawa kita semula kepada realiti sebenar jani transformasi.

Sebelum saya memulakan perbahasan saya, saya ingin mengungkap kenyataan Tan Sri Hasmy Agam, Pengerusi Suruhanjaya Hak Asasi Manusia. Sebuah badan yang kita tubuhkan di Dewan yang mulia ini, beberapa hari yang lalu. Kenyataan beliau adalah *“Pindaan atas akta pencegah penjenayah ini yang memperkenalkan peruntukan-peruntukan yang bersifat mundur dan tidak selaras dengan hak asasi manusia akan membawa penelitian dan kritikan masyarakat antarabangsa terhadap negara yang secara tidak langsung akan menjejaskan rekod hak asasi manusia di forum antarabangsa.”* Ini lebih lagi pada tahun ini, kalau tidak silap saya pada 25 Oktober tahun ini, rekod hak asasi manusia akan disemak semula buat kali kedua untuk tahun 2013 oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu di Geneva.

Awal tadi, Timbalan Menteri yang berkenaan semasa membentangkan pindaan ini menyatakan secara tegas bahawa antara inti pati kita meminda akta ini ialah untuk menangani peningkatan kes-kes jenayah berat, jenayah terancam, pembunuhan yang berleluasa dengan menggunakan senjata api, melumpuhkan aktiviti gengster dan kongsi gelap serta sindiket pelacuran serta banyak lagi. Ada beberapa tadi yang saya sudah agak lupa.

#### ■1710

Kalau kita baca semula inti pati yang diwujudkan hasil daripada pindaan ini, saya boleh bahagikan ia kepada empat. Pertama, perwujudan semula konsep penahanan tanpa bicara. Kalau tidak silap saya, melalui pindaan kepada seksyen 19A. Kedua, pengenalan semula pembaharuan proses tahanan tanpa bicara tersebut secara berulang kali untuk tempoh dua tahun, berulang-ulang tanpa sebarang limitasi dan tanpa sebarang proses *check and balance*, dengan izin penafian hak dan bidang kuasa badan kehakiman negara ini untuk menyemak tindakan badan yang ditubuhkan bagi membuat keputusan ini

serta yang keempat, yang paling penting ialah penafian hak mereka yang dituduh untuk dibicarakan, untuk didengar sebelum sebarang hukuman dikenakan kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, secara asasnya di dalam konteks peningkatan jenayah terancang, jenayah berat dan sebagainya, peningkatan ini berlaku kerana berlaku ketidakberkesanan atau kecacatan dalam amalan penguatkuasaan undang-undang yang sedia ada, bukannya tidak cukup peruntukan undang-undang yang sedia ada. Itu prinsip asas yang kita harus fahami dan harus kita sedar realitinya. Secara fakta, kalau kita lihat daripada segi komposisi anggota polis yang diperuntukkan dalam menangani jenayah di negara ini sangat jauh berbeza dan bagi saya agak menakutkan.

Statistik yang diberikan dalam Dewan Rakyat pada sesi yang lepas, Yang Berhormat Menteri yang berkenaan mengatakan bahawa hanya sekitar 9% atau kira-kira 10,132 anggota polis daripada keseluruhan 112,583 orang anggota polis di negara ini yang diletakkan di bawah unit atau Cawangan Jenayah. Itu belum termasuk jenayah berat. Yang kita lebih sedih ialah lebih ramai anggota polis diletakkan di bawah Cawangan Khas daripada Cawangan Jenayah.

Kalau kita hendak menangani jenayah, lebih-lebih lagi jenayah berat, pengagihan anggota polis itu kepada Cawangan Jenayah perlu lebih diberatkan dan cadangan ini pernah dikemukakan oleh kalau tidak silap saya, bekas Ketua Polis Melaka atau Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Malaysia sebelum daripada ini supaya pihak polis menyemak semula cara mereka mengagihkan anggota polis mereka. Ini kerana tujuan pertama anggota polis diwujudkan ialah untuk menangani masalah jenayah, bukan masalah politik. Prioriti dalam mengagihkan anggota polis ini perlu dikaji semula bagi memastikan penguatkuasaan undang-undang jenayah yang sedia ada yang lebih efektif dan berkesan.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, kita menganggap dan kita merasakan bahawa kerajaan sepatutnya mengambil langkah yang lebih serius untuk melaksanakan 125 syor-syor yang dirumuskan oleh Suruhanjaya Diraja Penambahbaikan Perjalanan dan Pengurusan PDRM pada tahun 2005. Antara syor-syor tersebut yang sebenarnya sangat relevan dalam konteks pencegahan jenayah ini ialah pertama, memodenkan peranan, fungsi dan organisasi PDRM itu sendiri. Kedua, menjalankan usaha-usaha berterusan menentang jenayah. Ketiga, menambahbaikkan kaedah dan prosedur siasatan. Keempat, menambah lebih lagi peralatan dan logistik anggota polis serta kelima – banyak lagi sebenarnya, kelima yang penting, menghapuskan amalan rasuah sekelompok kecil anggota polis dalam pasukan polis yang sebenarnya mencemarkan



nama baik institusi polis secara keseluruhan dan merendahkan imej polis di mata masyarakat. Banyak lagi. 125 syor-syor yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan pindaan ini, saya juga ingin menyentuh kenyataan Peguam Negara, Tan Sri Abdul Gani Patail bila beliau pernah menyatakan setakat 24 Ogos 2013, beliau tidak mendapat sebarang bukti untuk mengaitkan pemansuhan Ordinan Darurat dengan kadar peningkatan jenayah berat negara ini. Statistik PDRM sendiri menyatakan bahawa daripada 1,567 tahanan Ordinan Darurat yang dibebaskan selepas ianya dimansuhkan hanya sekitar 263 yang mengulang semula jenayah yang mereka lakukan. Sehingga hari ini dan kalau tidak silap saya masih ingat, kita meminta pada sesi yang lepas di manakah kajian yang menunjukkan bahawa pemansuhan ISA dan Ordinan Darurat itu mempunyai hubung kait secara terus dan relatif dengan kadar peningkatan jenayah negara ini?

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk sekarang ini kepada beberapa seksyen penting yang kita bicarakan yang bagi saya mempunyai implikasi yang sangat besar terhadap kaedah penguatkuasaan dan pencegahan jenayah negara ini. Secara umum dan secara prinsipnya, kita tidak menolak sebarang usaha untuk menangkap dan mencegah jenayah negara ini. Akan tetapi secara prinsipnya juga, kita tidak mahu lagi berulang episod lama sejarah gelap Malaysia yang mana rakyat ditahan tanpa dibicarakan, ditahan berulang kali dan dibiarkan lenyap begitu sahaja daripada sejarah negara. Yang ingat kepada mereka hanya keluarga mereka.

Saya sukar hendak mengulang semula kisah-kisah anak guam saya yang saya pernah wakili dahulu yang ditahan di bawah ISA dan juga Ordinan Darurat. Banyak kisah yang kita boleh kongsi di sini tetapi saya ingin menyentuh terus sekarang ini terhadap pindaan-pindaan yang disentuh oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri awal tadi. Pertamanya, berkenaan dengan pindaan terhadap seksyen 15A(1). Keputusan kita untuk mengeluarkan prosedur semakan semula ataupun *judicial review* ataupun apa juga proses oleh mahkamah terhadap sebarang keputusan yang diberikan oleh Lembaga ini, Lembaga yang akan ditubuhkan ini.

Bagi kita adalah satu pengeluaran prinsip *check and balance*. Kita tidak boleh menyoal kenapakah mereka yang ditahan itu ditahan. Mereka yang ditahan itu ditahan hasil daripada laporan polis melalui satu proses *inquiry* yang dilakukan oleh polis sendiri. Yang ditahan itu tidak mempunyai hak untuk memberikan penjelasan. Hanya boleh beri maklumat apabila ditahan. Harus diingat di bawah seksyen 117, Kanun Prosedur Jenayah, hanya 14 hari diperuntukkan. Akan tetapi di bawah pindaan yang ada hari ini, keseluruhan tempoh penahanan melebihi yang pernah diperuntukkan di bawah ISA

dahulu iaitu sekitar 71 hari, keseluruhannya. 24 jam yang pertama, 14 hari yang kedua, 28 hari yang ketiga dan yang keempat 28 hari, sebelum sebarang keputusan dibuat oleh lembaga yang akan ditubuhkan nanti.

Menyentuh sedikit tentang lembaga, Tuan Yang di-Pertua, komposisi lembaga ini prosedurnya juga tidak jelas walaupun ia dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong tetapi siapakah yang mencadangkan komposisi ini? Adakah kerajaan bercadang untuk menubuhkan satu suruhanjaya lantikan kepada lembaga seperti ini supaya ia dapat *discrutinize*, dengan izin oleh masyarakat. Harus ada prosedur yang jelas. Betul, kelayakan yang diberikan mungkin kelayakan sama dengan hakim Mahkamah Tinggi atau macam-macam kelayakan perundangan yang lain. Akan tetapi, rakyat perlu tahu kerana sebarang keputusan yang dikeluarkan oleh lembaga ini tidak boleh sama sekali dipersoalkan di mahkamah kecuali kalau prosedur keputusannya itu yang salah.

■1720

Saya juga ingin minta penjelasan dengan Yang Berhormat Menteri kerana ada satu subseksyen yang dipinda ini, menegaskan kalau tidak silap saya di bawah perkara 19A(2). Keputusan lembaga ini secara lebih subjek dengan izin, *to the review of the High Court*. Seolah-olah berlaku percanggahan antara peruntukan tidak boleh *judicial review* dengan boleh *judicial review* oleh Mahkamah Tinggi. Jadi saya minta Yang Berhormat Menteri yang berkenaan untuk memberikan penjelasan tentang seolah-olah berlaku percanggahan dari segi peruntukan ini.

Kalau dahulu kita boleh ada prosiding habeas corpus ISA. Kita boleh meminta mahkamah bawa tubuh badan orang yang ditahan ke mahkamah, hari ini tidak boleh. Kita tidak tahu apa yang terjadi kepada dia. 71 hari yang pertama selepas itu ditahan dua tahun, ditahan lagi dua tahun, ditahan lagi dua tahun. Tidak ada hentinya proses ini. Kita hendak kembali untuk membina masyarakat yang bertamadun yang memahami kedaulatan undang-undang. Akan tetapi kalau kita kembali langkah mundur untuk membina masyarakat dari segi proses seperti ini, saya yakin hasrat transformasi yang cuba dikemukakan dan digarap oleh Perdana Menteri hari ini akan gagal dan terhurai separuh jalan.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi semasa di bawah ISA dahulu yang hari ini tidak ada. Kalau di bawah ISA dahulu, selepas Menteri yang berkenaan mengeluarkan perintah penahanan dua tahun, selepas kalau tidak silap saya tiga atau enam bulan, kesnya akan dirujuk semula, akan disemak semula oleh satu lembaga yang dipanggil sebagai Lembaga Penasihat yang akan memberikan nasihat kepada kerajaan sama ada penahanannya itu sah, punya asas dan sama ada penahanannya itu perlu diteruskan

atau tidak. Akan tetapi dalam pindaan yang ada pada hari ini proses atau prosiding itu tidak ada sama sekali. Seolah-olah bermakna kalau kita sudah kena dua tahun, penahanan kita tidak boleh lagi disemak semula.

Saya minta Yang Berhormat Menteri dan Timbalan Menteri yang berkenaan untuk memberikan penjelasan, kenapakah tidak ada sedikit proses *check and balance* ini bagi memastikan hak mereka yang sudah ditahan ini terbela atau didengar sekurang-kurangnya di peringkat Lembaga Penasihat? Sudahlah semasa proses *inquiry* ini, mereka yang ditahan 71 hari ataupun dua tahun, dinafikan hak untuk dibela atau diwakili oleh peguam. Tidak ada lagi Lembaga Penasihat bagi saya akan menambah burukkan kedudukan.

Tuan Yang di-Pertua, Bahagian IVA tentang proses perintah penahanan. Saya ingin ulang kembali, kuasa diberikan di bawah seksyen antara seksyen 19A dan seksyen 19F, kuasa kepada Lembaga untuk mengarahkan penahanan untuk tempoh tidak melebihi dua tahun pada satu masa dan boleh diperbaharui tanpa limitasi untuk tempoh sehingga dua tahun bagi setiap kali pembaharuan. Bagi kita, konsep ini ialah konsep penahanan tanpa bicara yang dikembalikan kepada masyarakat dalam bentuk dan wajah baru yang lebih lunak dan enak bahasanya. Akan tetapi punya kesan mental, kesan fizikal dan kesan emosi yang sama seperti ISA dan Ordinan Darurat.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengulang semula tadi tentang peruntukan reman di bawah seksyen 4(1) dan 4(2) akta ini. Kita harus faham dalam proses reman di bawah akta ini, majistret tidak punya apa-apa kuasa untuk membuat penilaian objektif terhadap permohonan ini. Tidak seperti seksyen 117, Kanun Prosedur Jenayah. Apa yang akan berlaku ialah Majistret perlu memberikan peruntukan reman untuk pelbagai peringkat tahanan reman 24 jam, 14 hari, 28 hari dan 71 hari keseluruhannya tanpa ada sebarang ruang untuk melihat secara objektif keperluan penahanan tersebut. Ini bertentangan sama sekali dan proses untuk menambah reman ini dilaksanakan juga tanpa diwakili oleh peguam. Minta Menteri memberikan sedikit penjelasan dari segi aspek ini.

Tuan Yang di-Pertua, tadi saya menyebut secara ringkas ya. Saya ingin membawa kepada sedikit kronologi penahanan sekiranya ianya berlaku selama empat tahun. Polis akan membawa suspek ke Mahkamah Majistret untuk perintah penahanan berlanjutan 71 hari, penahanan selepas berpuas hati lembaga bagi dua tahun, tidak ada proses semakan semula. Kalau lihat perlu ditambahkan dua tahun, ditambah lagi. Sepanjang proses sekiranya perkara itu dirujuk ke mahkamah untuk melihat objektif atau kesan prosedur keputusan tersebut, ianya masih ditahan.

Saya tidak mahu mempersoalkan tentang penggunaan alatan elektrik, penjaja elektrik itu. Itu proses biasa tetapi yang penting ialah dalam sebarang prinsip jenayah, mereka yang dituduh mesti diberikan ruang untuk membela diri. Dalam proses ini, peluang untuk membela diri seolah-olah tidak ada. Saya ingin menyentuh sedikit subseksyen baru, subseksyen 95 yang memperuntukkan bahawa orang yang menjadi subjek *inquiry* sebelum perintah penahanan dua tahun diberikan. Semasa sepanjang proses *inquiry* ini mereka tidak boleh diwakili oleh peguam bela dan peguam cara mereka sendiri melainkan keterangan mereka hanya akan diambil dan direkodkan oleh pegawai *inquiry* yang tadi katanya terdiri daripada anggota polis, tidak kurang daripada jawatan inspektor.

Tuan Yang di-Pertua, bagi kita seksyen ini secara asasnya melanggar artikel 5(3) di bawah Perlembagaan Malaysia. Ini kerana di bawah artikel 5(3), jika seseorang itu ditangkap, pertama ia hendaklah diberitahu dengan seberapa segera yang boleh alasan-alasan ianya ditangkap dan dia hendaklah juga dibenarkan berunding dan dibela oleh Pegawai Undang-undang atau Pengamal Undang-undang pilihannya. Dalam pindaan ini, ianya tidak berlaku dan saya yakin ianya tidak mungkin akan berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi mengatakan bahawa pindaan kepada Akta Pencegahan Jenayah ini tidak bermaksud ingin kembali kepada Akta Keselamatan Dalam Negeri. Namun, peruntukan khususnya di bawah seksyen 15A hampir serupa dengan ISA di mana mahkamah tidak boleh menyemak keputusan Menteri atau di dalam kes ini tidak boleh menyemak keputusan lembaga yang membuat keputusan. Apa guna mahkamah kalau ianya tidak dapat membela hak mereka yang dituduh? Bukan semua yang dituduh itu jelas penjenayah.

Banyak kes mereka yang dituduh terutamanya tuduhan yang bersifat politik tidak punya asas sama sekali. Kes-kes yang melibatkan pada tahun 2001, longgokan kes-kes penahanan di bawah ISA di bawah tahun 2001, sama ada di bawah reformasinya, di bawah Jemaah Islamiahnya dan pelbagai lagi kelompok-kelompok yang dikategorikan ketika itu tidak ada sebarang bukti sama sekali, tidak ada sebarang asas sama sekali terhadap penahanan mereka. Apabila kita minta anggota polis yang membuat siasatan mengemukakan sebarang atau sedikit bukti sewaktu proses semakan semula oleh lembaga penasihat, mereka gagal.

Akan tetapi ketika itu masih ada ruang *habeas corpus*. Walaupun tidak banyak ruang tetapi masih ada ruang. Pindaan kali ini menafikan hak tersebut. Kalau kena dekat orang lain kita mungkin tidak terasa Tuan Yang di-Pertua. Cuba kena pada diri kita dan

saudara mara kita. Terlalu banyak kes-kes *miscarriage of justice*, dengan izin yang berlaku akibat kuasa yang berlebihan diberikan kepada anggota keselamatan.

**Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad:** Minta laluan Yang Berhormat.

**Tuan Saiful Izham bin Ramli:** Sila.

**Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad:** Saya ingin tanya kepada Yang Berhormat, Yang Berhormat kata kes-kes Al-Ma'unah yang tidak berasas, kemudian apa yang kita hendak ambil tindakan? Apakah kerajaan hendak buat kalau perkara-perkara ini berlaku dan kes-kes seperti itu? Apakah kerajaan hendak buat tindakan? Adakah membiarkan sahaja?

**Tuan Saiful Izham bin Ramli:** Terima kasih Yang Berhormat. Dalam kes-kes tersebut akhirnya, mereka yang ditahan terutamanya dalam kes Al-Ma'unah, mereka ditahan dan didakwa. Kalau tidak silap saya, dua orang daripada mereka dihukum gantung. Bermaksud undang-undang yang sedia ada sudah mencukupi.

#### ■1730

Apabila kita bercakap tentang soal penguatkuasaan undang-undang, tentang pencegahan jenayah, yang penting bukan undang-undang yang duk ada la ini. Undang-undang yang sekarang ini sudah lebih daripada mencukupi. Yang penting ialah institusi yang diguna pakai untuk mencegah dan menguatkuasakan undang-undang. Itu yang perlu kita baiki. Bukan bila kita ada masalah, kita buat undang-undang baru. Ada masalah sedikit, kita buat undang-undang baru. Itu bukan caranya untuk menyelesaikan masalah negara ini. Menyelesaikan masalah negara ini, kita harus tampil dengan pelan tindakan yang komprehensif, dengan izin, yang menyeluruh tentang cara mencegah jenayah, tentang cara untuk kita mencari punca-punca jenayah yang berlaku di dalam negara ini.

Saya sebagai pengamal undang-undang merasakan, sudah lebih daripada cukup peruntukan undang-undang yang ada di negara ini. Bahkan, sebelum ada PCA, kita sering menggunakan pelbagai undang-undang yang lain bagi mencegah jenayah. Tidak salah jikalau kita meningkatkan kadar hukuman bagi menakutkan mereka yang ingin melakukan jenayah. Tidak ada salah, bahkan lebih baik kalau kita mendaftarkan institusi kepolisian. Kita berikan mereka lebih kuasa, kita berikan mereka lebih peralatan untuk memastikan penguatkuasaan undang-undang yang sedia ada. Saya mungkin agak terlajak sedikit tetapi apabila undang-undang ini dipinda, ada dua lagi undang-undang yang perlu dipinda.

Pertama, Akta Keterangan. Jikalau tidak silap saya yang akan dipinda, seksyen 4, Akta Keterangan dan juga 1 seksyen di bawah Kanun Prosedur Jenayah yang menyatakan bahawa bagi melindungi saksi-saksi yang termasuk di bawah kategori ini, keterangan mereka, pertama, tidak boleh diberikan secara terbuka. Kedua, mereka tidak

boleh disoal semula, bahkan pegawai undang-undang, anggota polis, pihak pendakwaan boleh tidak memberikan sebarang laporan yang sekiranya ianya dianggap boleh menyebabkan terbongkarnya identiti saksi tersebut. Silakan.

**Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman:** Minta laluan Yang Berhormat. Terima kasih Yang Berhormat. Saya betul mengikuti perbahasan Yang Berhormat ini. Sebagai seorang *lawyer*lah, apakah pandangan Yang Berhormat, yang kita bercakap ini ialah jenayah besar. Jenayah *gangsterisme* dan juga jenayah *organized crime*, dengan izin. Apa pandangan Yang Berhormat, sistem *legal* yang kita ada sekarang ini. Saya masih ingat, Sosilawati yang telah saya fikir berjalan selama dua tahun, boleh jadi. Masih orang yang membunuh itu, *is still free*. Ini kerana *appeal* selepas *appeal*, daripada *High Court* kepada *Court of Appeal*, kepada *Federal Court* dan sebagainya.

Boleh jadi, sungguhpun bersalah, tindakannya diambil selepas tiga tahun. Jadi, sistem *legal* kita sekarang ini bukan kata salah. Akan tetapi masanya, mengambil panjang. Sekarang ini undang-undang yang kita gubal ini ialah untuk jenayah besar. Maksudnya, kerajaan berkehendak supaya mereka ini *didetain* supaya tidak akan membuat lagi perkara-perkara seumpama ini ataupun menjadi *leader of the gang* yang akan meneruskan jenayah seumpama ini. Saya ingat itu hasrat kerajaan yang sebenarnya, bukan kita hendak menangkap serta jenayah yang curi beg dan sebagainya. Apa pandangan Yang Berhormat, tindakan yang mengambil masa yang panjang ini untuk pergi sistem perundangan yang kita ada sekarang. Terima kasih.

**Tuan Saiful Izham bin Ramli:** Terima kasih Yang Berhormat. Peruntukan yang sedia ada, kita bercakap tentang bicara, perjalanan bicara yang panjang semasa proses perbicaraan mahkamah punya bidang kuasa. Sama ada untuk membebaskan mereka sepanjang proses perbicaraan dengan ikat jamin ataupun tidak. Berdasarkan kepada kadar berat atau tidaknya jenayah tersebut. Bagi saya, proses itu jauh lebih baik daripada kita menangkap orang yang belum terbukti bersalah. Kita tangkap orang yang tidak bersalah, kita letaknya di bawah tahanan tanpa bicara, jadi tidak ada ruang dia untuk bercakap dengan orang luar. Tidak ada ruang untuk dia mempertahankan diri.

Saya tidak kata keseluruhan pindaan ini pindaan yang tidak betul. Saya setuju dengan pindaan yang memperluaskan bidang kuasa akta ini ke Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan. Itu saya setuju. Akan tetapi perkara-perkara asas yang lain seperti seksyen 15, seksyen 19, seksyen 4, ini perlu disemak semula. Kita harus melihat semula pindaan ini dengan gagasan besar Perdana Menteri yang ingin merubah negara ini, tentang janji-janji Perdana Menteri dua tahun yang lepas sebelum pilihan raya. Jangan sampai rakyat merasa mereka tertipu. Kita lupakan persoalan perbezaan politik. Ini

persoalan masa depan negara. Kerana itulah saya minta agar perkara ini disemak semula.

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Datuk Wira Haji Omardin:** Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat, saya faham apa Yang Berhormat cuba sampaikan. Akan tetapi adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa akta ini bukannya terkait dengan janji-janji yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Adakah Yang Berhormat juga bersetuju bahawasanya akta ini diwujudkan bagi membendung jenayah yang sedang berlaku secara berleluasa. Seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat Senator Dato' Abdul Rahim tadi, akta ini diwujudkan bagi bagaimana dapat mencegah, *prevention is better than cure*, dengan izin.

Supaya kita kenal pasti banyak kes-kes yang berlaku seperti kes-kes bunuh. Saya hendak *quote* satu kejadian jenayah di Johor Bahru. Apabila di sebuah kedai kopi, ada lelaki yang hadir melakukan *open fire*, secara terbuka, sehingga menyebabkan mati. Ramai saksi dalam restoran tersebut tetapi tidak ada seorang saksi pun berani untuk keluar menyatakan mereka melihat kejadian itu. Walhal kita tahu pihak berkuasa tahu siapa yang melakukan jenayah-jenayah tersebut. Jadi, adakah Yang Berhormat bersetuju bahawasanya akta ini diwujudkan bukan berteraskan kerana kepentingan politik. Bukan berteraskan kerana janji-janji Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tetapi ianya khusus bagi membela kesejahteraan rakyat dalam negara ini.

Supaya jenayah yang sedang berlaku secara berleluasa ini dapat kita bendung, dapat kita beri keselesaan kepada rakyat yang bebas berkeliaran. Kita senang bercakap macam ini Yang Berhormat. Sebab kejadian itu tidak berlaku kepada diri kita, tidak berlaku kepada ahli keluarga kita. Bayangkan kalau yang ditembak secara membabi buta, yang dibunuh tanpa ada batasan ini, salah seorang ahli keluarga kita. Apa perasaan kita sebagai seorang keluarga yang merasakan perit kehilangan. Pasti jikalau kena dalam Dewan yang mulia ini, kita mungkin sama-sama akan bangkit mempertahankan, mesti diadakan akta ini.

Akan tetapi kita perlu bercakap bagi kepentingan keluarga mereka yang tidak berdosa juga. Jadi, ini bukan soal politik, ini bukan soal kepentingan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan sebagainya. Ini ialah satu akta untuk menjamin keselesaan rakyat keseluruhan dalam negara ini. Adakah Yang Berhormat bersetuju? Terima kasih.

**Tuan Saiful Izham bin Ramli:** Terima kasih Yang Berhormat. Untuk makluman Yang Berhormat, ini adalah akta yang sudah diwujudkan pada tahun 1959. Pindaan ini adalah pindaan baru bagi memasukkan peruntukan-peruntukan, khususnya kepada

aspek tahanan tanpa bicara. Keduanya, kenyataan Peguam Negara sendiri yang menyatakan bahawa sehingga hari ini tidak ada hubung kait antara pemansuhan Ordinan Darurat dan ISA dengan kadar peningkatan jenayah. Pihak polis juga apabila diminta untuk mengemukakan bukti tentang peningkatan kadar ini secara relatifnya berkaitan dengan pemansuhan *Emergency Ordinance*, dengan izin, dan ISA juga gagal untuk memberikan sebarang bukti. Jadi, jikalau saya hendak cakap tentang mangsa...

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Boleh mencelah sedikit? Boleh? Boleh? Bukti. Tadi saya sudah beritahu kisah sebelum mansuh, kurang. Selepas mansuh, bertambah meningkat. Contoh bunuh, 845. Selepas mansuh 1,065. Itu bukti hendak apa lagi? Jawablah.

■1740

**Tuan Saiful Izham bin Ramli:** Tuan Yang di-Pertua, sebelum pemansuhan Ordinan Darurat dan juga ISA kalau dilihat daripada, sekejap ya. Peningkatan kadar jenayah daripada tahun 2008 hingga 2011, ia berlaku jarak konsisten. Secara konsisten, waktu itu ada *Emergency Ordinance*, ada ISA. Jadi sehingga hari ini macam saya katakan tadi, tidak ada bukti kaitan antara pemansuhan ini dengan kadar peningkatan jenayah. Ianya berlaku secara konsisten. Apa yang berlaku ialah...

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Yang Berhormat sekejap soalan saya...

**Tuan Saiful Izham bin Ramli:** Sekejap, sabar. Apa yang berlaku ialah kita kurang mengambil kira aspek penguatkuasaan, kurang mengambil kira aspek keberkesanan amalan atau tindakan institusi kepolisian itu sendiri. Tuan Yang di-Pertua, secara ringkasnya pindaan kepada Akta Pencegahan Jenayah...

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat tidak jawab soalan saya. Ada beza 220 kes, itu bukti, hendak apa lagi? Jawablah. Tidak jawab. Itu bukti. Saya bukan cakap, omong kosong. *You* hendak bukti, saya bagi bukti. *You* tidak jawab. Kalau tidak jawab, duduklah. *[Ketawa]*

**Tuan Saiful Izham bin Ramli:** Yang Berhormat, seperti saya katakan tadi kalau kita lihat kepada kadar peningkatan jenayah daripada tahun 2008 ke 2011 sebelum pemansuhan EO dan ISA, ianya berlaku secara konsisten. Berlaku secara konsisten bermakna ketika adanya EO dan ISA, peningkatan jenayah juga berlaku secara konsisten. Akan tetapi penumpuan kepada tujuh bulan kebelakangan ini agak keterlaluan. Ianya masih tidak memberikan justifikasi kepada kita sebelum mewujudkan undang-undang ...

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Sebab apa meningkat, sebab mansuh.



**Tuan Saiful Izham bin Ramli:** Bagi memastikan hak manusia untuk membela diri dan dibela.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Sebab mansuh, sebab mansuh.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Contoh, contoh Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, tolong Yang Berhormat. Saya hendak tiap-tiap perbincangan hanya seorang sahaja berdiri. Kalau Yang Berhormat bagi laluan, Yang Berhormat bangun. Kalau tidak, seorang sahaja. Jangan bertekak dua orang.

**Tuan Saiful Izham bin Ramli:** Saya sudah bagi laluan tadi.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Boleh, boleh?

**Tuan Saiful Izham bin Ramli:** Saya hendak sampai sekarang ini.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Tanya sahaja. Contoh sebelum mansuh, ugutan jenayah, ugutan 9,742. Lepas mansuh 10,400, meningkat 658 itu mansuh, itu bukti. Jawablah.

**Tuan Saiful Izham bin Ramli:** Terima kasih Yang Berhormat. Kalau sekadar hendak memberikan fakta, saya boleh berikan sedikit fakta kepada Yang Berhormat tentang jenayah indeks atau statistik jenayah yang dilaporkan di seluruh dunia pada tahun 2006 hingga 2009. Pada tahun 2006, jenayah harta benda, ini saya petik daripada Laporan Program Transformasi Kerajaan Malaysia, Pelan Hala Tuju Bab 6, muka surat 117 terbitan Jabatan Perdana Menteri Malaysia bertarikh 28 Januari 2010. Saya ingin menunjukkan bahawa berlaku secara konsisten peningkatan kadar jenayah negara ini sewaktu kita masih ada ISA dan EO. Tahun 2006, jenayah harta benda sahaja 165,372, tahun 2007 – 174,423, tahun 2008 – 173,828. Saya terus kepada jenayah kekerasan, tahun 2006 – 31,408, tahun 2007 – 35,159 dan tahun 2008 – 37,817. Secara keseluruhannya, kadar peningkatan jenayah tetap berlaku dan meningkat tanpa, *with or without* ISA atau EO atau yang hari ini pindaan kepada PCA.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin, secara ringkasnya saya ingin menyatakan bahawa pindaan kepada Akta Pencegahan Jenayah ini adalah secara efektifny...

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak nafi memang meningkat walaupun ada ISA tetapi...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, minta izin dahulu.

**Tuan Saiful Izham bin Ramli:** Macam inilah Tuan Yang di-Pertua, saya sudah jawab banyak kali.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Boleh?

**Tuan Saiful Izham bin Ramli:** Bagi saya gulung balik dan lepas itu boleh.

**Tuan Yang di-Pertua:** Duduk dahulu Yang Berhormat, biar dia.

**Tuan Saiful Izham bin Ramli:** Saya sudah jawab banyak kali.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Tidak hendak bagi fakta, takut.

**Tuan Saiful Izham bin Ramli:** Saya sudah bagi fakta sudah tadi. Secara ringkasnya, pindaan ini secara efektifnya ialah pengenalan semula Akta Keselamatan Negeri dan Ordinan Darurat dalam bentuk dan wajah yang baru tetapi mengekalkan inti pati dan prinsip yang sama. Saya memohon agar pindaan ini ditarik semula dan disemak semula bagi memastikan hasrat transformasi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri direalisasikan dan hak asasi rakyat di negara ini dipertahankan. Dalam suasana kita secara serius ingin memerangi jenayah terancang, jenayah berat dan jenayah zalim di negara ini, penahanan tanpa bicara...

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Datuk Wira Haji Omardin:** [*Bangun*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ada seorang bangun Yang Berhormat.

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Datuk Wira Haji Omardin:** Boleh Yang Berhormat? Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar boleh dua kali, saya pun minta. Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat, saya tertarik di peringkat awal ucapan Yang Berhormat. Yang Berhormat telah pun memuji keputusan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah memansuhkan ISA dan juga Ordinan Darurat ini. Jadi saya hendak minta pandangan Yang Berhormat, adakah bukan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang sama yang telah pun begitu peka dan prihatin untuk mengemukakan akta ini supaya jenayah yang sedang berlaku dan kita menjadi sebuah kerajaan yang bertanggungjawab dapat membendung jenayah yang berat yang sedang berlaku secara berleluasa sekarang ini. Jadi saya minta jawapan Yang Berhormat mengenai *statement* Yang Berhormat buat kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri awal tadi. Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Saiful Izham bin Ramli:** Terima kasih Yang Berhormat. Kenyataan saya terhadap dua tindakan dan *statement* yang berbeza oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, berbeza. Ini kerana satunya janji awal dilakukan diberikan pada tahun 2011 sebelum Pilihan Raya Umum ke-13. Akan tetapi pindaan ini dibuat selepas mandat baru diberikan oleh rakyat kepada kerajaan hari ini untuk memerintah negara ini, itu perbezaannya.

Saya hendak menggulung Tuan Yang di-Pertua. Sebarang proses atau penambahan elemen penahanan tanpa bicara hanyalah sekadar jalan singkat. Akan tetapi ianya bukan penyelesaian yang sebenarnya dalam kita hendak memerangi jenayah. Apa yang kita perlu sebenarnya, secara realitinya hari ini ialah pelan

tindakannya menyeluruh untuk menentang jenayah itu sendiri dan mencari punca-punca jenayah.

Berdasarkan pengalaman lama kita dengan *Emergency Ordinance* dengan izin, menahan orang dan membuang kunci kebebasan dirinya bukanlah satu penyelesaian untuk mengatasi secara mutlak masalah negara ini. Apa yang penting, kita mantapkan institusi kepolisian, kita jadikan syor-syor yang dikemukakan oleh suruhanjaya tersebut sebagai salah satu rujukan utama kita bagi menambah baik institusi ini dan kita bersama-sama memerangi jenayah dan memastikan ianya tidak lagi dijadikan sebagai satu asas untuk kita terus meminda dan memasukkan peruntukan yang menafikan hak asasi manusia. Sekian, terima kasih.

**Dato' Lim Nget Yoon:** [*Bangun*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat sudah habis sudah. *So* sudah cukuplah itu Yang Berhormat.

**Dato' Lim Nget Yoon:** Bukan. Saya cuma hendak minta pandangan Yang Berhormat. Kalau kita pergi laman web, tidak kisahlah *Twitter*, *Facebook*, *blog*, didapati semua orang setuju dengan pindaan ini kecuali satu dua pihak tertentu. Pihak tertentu ini dimarahi oleh orang ramai dalam *Facebook* dan sebagainya. Jadi apa pandangan Yang Berhormat tentang keadaan ini?

**Tuan Yang di-Pertua:** Jawab pendek Yang Berhormat.

**Tuan Saiful Izhah bin Ramli:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat kerana memberikan pandangan. Kalau kita pergi ke laman *Facebook*, *Twitter* dan sebagainya laman sosial yang lebih berat kepada kita, memanglah. Akan tetapi kalau kita pergi ke laman lain yang juga mengkritik tentang pindaan ini juga banyak. Kalau kita hendak bagi link ini tidak habis cerita Tuan Yang di-Pertua. Akan tetapi yang penting, kita gunakan kesempatan di Dewan yang mulia ini untuk kita mengemukakan pandangan agar akhirnya jangan kita terperangkap dengan pindaan yang akan membelenggu kita sendiri.

■1750

Saya mengharapkan tadi, saya katakan tadi mohon Timbalan Menteri atau Menteri yang berkenaan sebaiknya kalau boleh Menteri yang berkenaan datang sendiri ke Dewan untuk menjawab, kerana pindaan ini penting. Bukan pindaan yang main-main. Minta Menteri sendiri yang datang ke Dewan ini untuk menjawab dan memastikan agar pindaan ini ada *safeguard*, dengan izin, kepada hak asasi manusia dan hak asasi rakyat Malaysia. Jangan sampai kita merasa kesal kerana selepas ianya dipinda dan diluluskan, kita dan

keluarga kita menjadi sebahagian daripada mangsa hasil penyalahgunaan pindaan ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Datuk Jamilah @ Halimah binti Sulaiman.

**5.50 ptg.**

**Datuk Jamilah @ Halimah binti Sulaiman:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana saya diberi kesempatan untuk membahaskan Rang Undang-undang Pencegahan Jenayah (Pindaan dan Pemerluasan) 2013.

Terlebih dahulu saya mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana telah mengambil inisiatif untuk menambah baik dengan membuat beberapa pindaan kepada akta ibu iaitu Akta Pencegahan Jenayah 1959. Rang undang-undang yang dikemukakan untuk bacaan kali kedua pada hari ini, membuktikan kesungguhan dan komitmen kerajaan untuk memperkenalkan satu akta, yang beriltizam untuk mengatasi masalah jenayah yang semakin serius dan mengancam keselamatan rakyat negara kita dewasa ini.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Pencegahan Jenayah (Pindaan dan Pemerluasan) 2013 adalah bagi meminda Akta Pencegahan Jenayah 1959, yang telah dilaksanakan selama 54 tahun. Walaupun Akta Pencegahan Jenayah 1959 sudah banyak berjasa kepada negara, tetapi ianya telah pun melampaui jangka hayat kegunaannya. Dalam era kontemporari yang semakin kompleks dan cabaran yang lebih getir, akta ini perlu dipinda agar negara dapat membina satu kerangka baru perundangan yang lebih kukuh dan tegas. Justeru itu, pindaan kepada akta ini bolehlah disifatkan sebagai transformasi politik untuk membendung aktiviti jenayah terutama jenayah berat dan bukan bergantung kepada kecekapan dan komitmen anggota polis sahaja. Bahkan peruntukan yang terkandung dalam undang-undang jenayah itu sendiri. Justeru usaha kerajaan meminda Akta Pencegahan Jenayah 1999 ialah untuk menjadikan undang-undang terbabit berkesan bagi membendung aktiviti jenayah berat.

Saya ingin terus menyentuh berhubung dengan Rang Undang-undang Pencegahan Jenayah (Pindaan dan Pemerluasan) 2013. Rang undang-undang ini memperuntukkan supaya membenarkan penahanan tanpa pertuduhan jenayah atau tanpa perbicaraan sebagaimana yang pernah diperuntukkan dalam Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) 1969 dan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) 1960.

Rang undang-undang ini menggariskan kuasa perintah tahanan itu diberikan kepada Lembaga Pencegahan Jenayah yang akan ditubuhkan di bawah rang undang-undang tersebut, yang akan dipengerusikan sama ada oleh Hakim Mahkamah Persekutuan, Hakim Mahkamah Rayuan atau Hakim Mahkamah Tinggi, bersama dua anggota. Lembaga itu boleh mengeluarkan arahan penahanan seseorang yang ditahan di bawah rang undang-undang itu tidak melebihi dua tahun tanpa bicara. Lembaga juga mempunyai kuasa untuk melanjutkan tempoh tahanan kepada dua tahun lagi sekiranya didapati perlu demi kepentingan, ketenteraman awam, keselamatan awam atau pun pencegahan jenayah. Bagaimanapun arahan tahanan oleh pihak Lembaga terbabit boleh disemak semula oleh Mahkamah Tinggi.

Peruntukan bagi penubuhan lembaga itu serta tanggungjawabnya merupakan bahagian baharu iaitu Bahagian IVA di bawah seksyen 19A berhubung Perintah Tahanan. Tidak seperti Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) 1969 dan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) 1960, Menteri tidak lagi mempunyai kuasa untuk mengarahkan penahanan. Justeru, saya melihat bahawa rang undang-undang ini membenarkan penggunaan kuasa yang lebih adil dan saksama apabila kuasa tersebut diberi kepada Lembaga Pencegahan Jenayah yang dilantik.

Namun ada kesamaran apabila seksyen baru 15A ke dalam [Akta 297] untuk menidakkan semakan kehakiman bagi apa-apa tindakan atau keputusan Lembaga Pencegahan Jenayah. Oleh kerana didapati bertentangan dengan seksyen 19A(1), yang membenarkan Mahkamah Tinggi boleh mengkaji semula keputusan lembaga berhubung penahanan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam fasal 12 subseksyen baru 9(5) memperuntukkan seorang yang menjadi subjek *enquiry* dan saksi dalam *inquiry* tidak boleh diwakili oleh peguam bela dan peguam, kecuali apabila keterangannya sendiri diambil dan direkod oleh pegawai *inquiry*. Dalam keadaan demikian, saya berpendapat bahawa adalah wajar orang yang menjadi subjek *inquiry* dibenarkan mendapat khidmat peguam sepanjang tempoh penyiasatan dan penahanan bagi membolehkan pembelaan yang adil. Fasal 10 juga memasukkan seksyen baru 7A ke dalam Akta 297, yang bertujuan untuk membenarkan polis menggunakan peranti pengawasan elektronik terhadap orang yang di reman dan dibenarkan dilepaskan sementara menunggu *inquiry*.

Saya melihat bahawa perkara ini merupakan satu usaha bentuk baru untuk memantau kegiatan orang yang di reman dalam tempoh yang ditetapkan. Namun begitu, isu sama ada penggunaan peranti tersebut berkesan atau tidak masih menimbulkan

tanda soal, kerana penggunaan peranti tersebut bersifat teknikal dan mungkin boleh dimanipulasi atau mudah rosak.

Saya juga berpendapat bahawa dengan mengenalkan sistem ini dapat membantu pihak PDRM mengawasi orang yang direman tanpa menempatkan mereka di dalam lokap atau penjara. Ini dapat membantu mengatasi masalah kesesakan di dalam lokap dan penjara. Di samping itu juga orang yang di reman dapat berdamping dengan ahli keluarga dan masyarakat, sementara proses *inquiry* dijalankan. Dalam penggunaan peranti pengawasan elektronik terhadap orang yang di reman, saya ingin mengetahui daripada Yang Berhormat Menteri, apakah standard peranti yang akan digunakan dan kos operasi yang terpaksa ditanggung oleh kerajaan?

Dalam standard yang ditetapkan saya berharap supaya kerajaan mengguna pakai standard yang terkini dan terbaik bagi mengelak sebarang masalah teknikal yang boleh menyebabkan kerajaan terpaksa menanggung kos penyelenggaraan yang tinggi. Lanjutan daripada itu, hasil penyelidikan saya mendapati bahawa penggunaan peranti ini akan meningkatkan beban perbelanjaan kerajaan, kerana sebagai contoh penggunaan alat ini di United Kingdom telah mengakibatkan Kerajaan British terpaksa menanggung kos operasi sebanyak RM5 bilion dalam tempoh 13 tahun.

Justeru itu penjelasan mengenai bajet penggunaan peranti pengawasan elektronik hendaklah dibentangkan di dalam Parlimen.

#### ■1800

Selain daripada itu, diharap juga masalah dan kontroversi yang ditimbulkan semasa penggunaan alat pengawasan AES tidak berlaku apabila peranti pengawasan elektronik ini diperkenalkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga amat bersetuju dengan pindaan rang undang-undang ini supaya penguatkuasaan undang-undang ini diluaskan ruang lingkupnya kepada negeri Sabah dan Sarawak. Sepertimana di Semenanjung Malaysia, negeri Sabah dan Sarawak juga menghadapi masalah jenayah yang serius seperti gengsterisme, jenayah senjata api, pembunuhan dan rompakan.

Perkara ini diakui oleh Bahagian Kongsi Gelap, Judi dan Maksiat D7, Ibu Pejabat Polis Bukit Aman yang mengatakan ketiadaan akta tersebut di Sabah dan Sarawak ketika ini menyebabkan polis sukar membendung aktiviti kongsi gelap di dua negeri berkenaan. Walaupun hanya terdapat 16 kumpulan kongsi gelap dengan keahlian seramai 941 orang di Sarawak tetapi kumpulan samseng itu begitu berkuasa di negeri berkenaan.

Mereka ini mengawal sektor pengangkutan yang menyebabkan semua barang yang diangkut untuk dijual di pasaran atau dieksport keluar dikawal harga oleh mereka.

Selain daripada itu, kumpulan kongsi gelap yang didominasi oleh kaum Cina di beberapa daerah di Sarawak telah mengawal aktiviti perniagaan termasuk pembalakan dengan meminta wang perlindungan dan akan mencetuskan kekacauan jika arahan mereka tidak dipatuhi.

Pada awal tahun ini negara kita dikejutkan dengan pencerobohan oleh pengganas Sulu di Lahad Datu dan Semporna, Sabah. Sesungguhnya insiden tersebut telah dapat diatasi oleh pasukan keselamatan, namun ancaman oleh kumpulan pengganas dari Selatan Filipina dan gerakan lanun di Laut Sulu serta jenayah yang berkaitan dengan PATI menjadikan usaha untuk mengatasi dan mengawal keselamatan adalah berat jika pihak polis tidak diberi kuasa yang lebih kukuh. Seperti kenyataan oleh Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri bahawa penjenayah adalah buta warna. Jadi adalah perlu juga pihak polis mengambil pendekatan yang sama dengan bertindak kepada sesiapa sahaja yang melanggar undang-undang tanpa mengira bangsa dan agama.

Akhir sekali, saya ingin menyatakan rang undang-undang ini telah dengan jelas memperuntukkan mekanisme terbaik untuk menjaga dan memelihara ketenteraman awam, keselamatan awam dan pencegahan jenayah. Justeru itu, tentangan oleh pihak tertentu untuk menggagalkan niat baik ini haruslah ditentang. Dalam membanteras gejala jenayah dan memelihara ketenteraman awam, pihak berkuasa harus bertindak drastik dan tegas. Kita jangan terpengaruh dan berkorban atas slogan demokrasi dan hak asasi manusia semata-mata hingga terpaksa mengetepikan menjaga keselamatan rakyat. Saya mohon menyokong. [*Tepuk*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Dato' Nallakaruppan.

#### **6.04 ptg.**

**Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai:** Selamat petang. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Salam sejahtera, salam perpaduan, salam 1Malaysia.

**Seorang Ahli:** Panjang salam.

**Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai:** Ya, mesti salam banyak. Saya mengucapkan jutaan terima kasih kerana diberi peluang untuk meneruskan perbahasan saya untuk menyokong PCA, *Prevention of Crime Act (Amendment and Extension) 2013*, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini sangat baik. Saya sebagai seorang yang beragama Hindu, saya hormat agama Islam sebagai Agama Persekutuan. Oleh itu saya hormat juga undang-undang dan Perlembagaan Malaysia. Bukan macam

pembangking, ikut belakang Ketua Pembangking. *[Ketawa]* Ikut Ketua Pembangking membuta-tuli sahaja. Pertama sekali saya amat hairan mengapa pihak pembangking menolak sekeras-kerasnya rang undang-undang ini? Kenapa mereka perlu takut, kesan undang-undang ini akan menyelamatkan semua rakyat majmuk Malaysia. Dahulu mereka takut dengan ISA, sekarang mereka takut dengan PCA. Apa halnya sikap pembangking ini? Negara ini negara Islam dan sejarahnya, Perdana Menteri mestilah Islam yang baik, saya seorang India hormat perlembagaan ini. Mahukah Perdana Menteri kita, seorang yang tidak berperangai baik dan seorang biseksual?

**Seorang Ahli:** Tak mahu.

**Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai:** Tak mahu? Betul kita tak mahu satu orang biseksual. Tak mahu. Sesiapa yang suruh tukar bendera Malaysia, Jalur Gemilang adalah seorang yang gila. Kalau mahu bendera lain atau tukar bendera Malaysia, suruh mereka keluar daripada negara ini. *[Tepuk]* Ataupun tangkap mereka di bawah PCA.

Tuan Yang di-Pertua, Ketua Pembangking memecahbelahkan Melayu, Cina dan India. Dia hasut semua orang jadi gila macam dia dan hancurkan negara. *[Ketawa]* Ini PCA boleh kasi tangkap sama dia sebab mahu kacau perpaduan negara.

Tuan Yang di-Pertua, isu Lahad Datu. Sejauh manakah kebenaran ada pada pihak yang menyatakan Ketua Pembangking ada melibat diri. Jika betul dia diangkat jual maruah negara, menyebabkan anggota keselamatan terkorban. Dia buat Bersih, hasut rakyat jadi tidak bersih. Hati mesti sentiasa bersih. Orang mahu harapan bangsa, jangan tipu orang-orang muda. Mana yang *handsome* dia mahu jadi *toy boy* dia.

**Dr. Syed Husin Ali:** *[Bangun]*

**Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai:** Tengok apa salah, dia buat *blackout*, konon-konon kerajaan tipu rakyat. Dia mendorong rakyat benci kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, Parlimen negara hendak lihat Ketua Pembangking yang baik. Macam mana semua penyokong Ketua Pembangking boleh percaya sama dia, saya pun tak tahu kerana Ketua Pembangking sendiri tidak ada dalam Dewan Rakyat semasa Rang Undang-undang PCA dibentangkan pada 2 Oktober 2013. Macam mana? Dia sudah tidur bawah katil, tidak datang Dewan Rakyat. Dia sudah takut, PCA ada, dia sudah takut.

**Dr. Syed Husin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai:** Biar saya habiskan dahulu.

**Dr. Syed Husin Ali:** Saya ingin menarik perhatian Tuan Yang di-Pertua kepada peraturan mesyuarat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Peraturan mana Yang Berhormat?



**Dr. Syed Husin Ali:** Iaitu Peraturan Mesyuarat 35.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang mana satu?

**Dr. Syed Husin Ali:** Peraturan Mesyuarat 35(4) dan 35(5).

**Tuan Yang di-Pertua:** Peraturan Mesyuarat 35(4) dan 35(5).

**Dr. Syed Husin Ali:** Ya, 35 (4) mengatakan "*Adalah salah pada tertib mesyuarat menggunakan bahasa biadab.*"

#### ■1810

(5) "seorang ahli tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat ke atas sesiapa ahli lain." Jadi macam-macam sangkaan jahat tadi sudah dikeluarkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat.

**Dr. Syed Husin Ali:** Kemudian dalam apa-apa perbahasan, tidak boleh disebutkan kelakuan atau sifat sesiapa ahli, ini yang kelapan. Ketiga-tiga ini telah dilanggar.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, dia tidak sebut nama, Yang Berhormat. Dia kata...

**Dr. Syed Husin Ali:** Ya. Tidak sebut nama tetapi kita tahu, bila sebut Ketua Pembangkang, kita tahu maksudnya. Dia tidak sebut nama, dia kata ahli. Jadi, ahli itu disebut pula misalnya Ketua Pembangkang. Jadi...

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau tidak sebut nama, saya tidak boleh tahan, Yang Berhormat.

**Dr. Syed Husin Ali:** Ya, tetapi di sini jelas Tuan Yang di-Pertua. Nombor empat, nombor lima. Saya rasa dalam hal ini, Tuan Yang di-Pertua tidak adil sama sekali. Selalu memihak kepada pihak-pihak tertentu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak Yang Berhormat.

**Dr. Syed Husin Ali:** Kalau bagi soalan pun, soalan pihak-pihak tertentu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu sangkaan Yang Berhormat, saya tidak begitu.

**Dr. Syed Husin Ali:** Jadi, saya minta Tuan Yang di-Pertua kaji balik peraturan ini terutama yang 35 saya sebut iaitu (4), (5) dan (8).

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Dr. Syed Husin Ali:** Kalau tidak, kita tidak...

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey, okey. Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih.

**Dr. Syed Husin Ali:** Sebab banyak kali berlaku macam ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Panjang lagi Yang Berhormat Nalla? Yang Berhormat, ada panjang lagi? Tidak ada lagi dah?

**Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai:** Ada, ada.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey. Saya tegur di sini Yang Berhormat, kalau ada hati yang tersinggung, cuba tidak usah sebut Ketua Pembangkang lagi sudah.

**Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai:** Nama pun tidak boleh ucap, Ketua Pembangkang tidak boleh ucap, lagi apa mahu ucap? Saya mahu berucap kaki liwatlah, boleh? Dia memang kali liwat.

**Dr. Syed Husin Ali:** Itu tidak boleh. Dia berucap lagi dan Tuan Yang di-Pertua benarkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Nanti dahulu Yang Berhormat. Yang Berhormat, nanti dulu.

**Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai:** Kalau dia boleh *prove* sama saya dia bukan kaki liwat dan biseksual, saya akan *resign* di Dewan ini.

**Dr. Syed Husin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, ini melanggar, melanggar. Walaupun dia tidak sebut nama, kita tahu apa yang dimaksudkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, yang itu Yang Berhormat sejak tadi saya perhatikan sampai... [*ketawa*] dengan penuh...

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Datuk Wira Haji Omardin:** Sini, sini. Belakang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Panjang lagi Yang Berhormat? Panjangkah lagi?

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Datuk Wira Haji Omardin:** Belakang, belakang. Ini belakang baik punya Dato'.

**Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai:** Baik, baik.

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Datuk Wira Haji Omardin:** Minta laluan. Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat setuju ada semacam satu kerisauan daripada pihak-pihak tertentu yang kononnya hendak mempertahankan kelompok-kelompok mereka semacam ada sesuatu *grand design*, dengan izin supaya mana-mana kumpulan penjenayah mungkin yang bekerjasama dengan mereka ini dapat dilindungi dan mungkin ada mereka mempunyai tali barut-tali barut tertentu yang akhirnya hendak diselamatkan. Ada pihak-pihak ini yang rasa cukup risau bila ada akta yang baru ini diluluskan, maka mereka tidak dapat melindungi rakan-rakan mereka. Apa pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

**Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai:** Yang Berhormat baru pun cakap pandailah ini. [*Ketawa*]. Terima kasih Yang Berhormat, saya setuju dengan Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, PCA ini boleh beri keamanan kepada negara. Semua penjenayah berat boleh ditangkap dan bicara tanpa kira siapa. Oleh itu, keselamatan dapat dipelihara. Polis Diraja Malaysia akan lebih disanjung dan mereka akan jadi lebih efisien kerana tugas mereka akan menjadi lebih mudah juga. Tuan Yang di-Pertua, PCA diluluskan juga

Ketua Pembangkang iaitu mestilah mahu cakap Ketua Pembangkang, tidak ada apa macam? Boleh? Boleh cakap? Kawan? Tidak ada. Bekas kawan boleh, sekarang tidak kawan, bekas kawan. Kawan lama boleh, bekas kawan boleh. Ketua Pembangkang boleh tapi nama Anwar tidak boleh ucap. Itu tak boleh, nama Anwar saya tidak boleh ucap.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, teruskan Yang Berhormat. Saya kalau boleh yang...

**Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai:** Okey. Menyalahi undang-undang negara. Saya mahu Ketua Pembangkang ditangkap juga kerana dia adalah musuh negara dan pengkhianat negara.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat tolong perkataan itu. Siapa sahaja yang melanggar... elok ditangkap, tidak usah sebut.

**Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai:** Baik, sesiapa sahaja yang melanggar kena ditangkap sama dia. Musuh negara dan pengkhianat negara. Cakap semua tidak boleh, nama tidak boleh, Ketua Pembangkang tidak boleh tapi saya ini hari tak ada cakap Anwar punya nama. Nama tidak boleh ucap, itu tidak baik.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Berhormat Menteri Dalam Negara, Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi dan Yang Berhormat Timbalan Menterinya, Ketua Polis Negara, Tan Sri Khalid Abu Bakar yang telah mengetuai Polis Diraja Malaysia dengan baik dan bersama menjaga keamanan negara Malaysia tercinta ini.

Tuan Yang di-Pertua, bukan saya mahu malukan bekas kawan. Itu boleh cakap Tuan Yang di-Pertua? Bekas? Orang lama *or* bekas kawan?

**Tuan Yang di-Pertua:** [*Ketawa*] Kawan Yang Berhormat agaknya hormat ini lagi.

**Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai:** Tidak ada, nanti macam mana kita mahu beri tahu kepada rakyat...

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey, okey. Bekas kawanlah, boleh, boleh.

**Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai:** Siapa ini? Kawan ramai, saya kawan ramai.

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu faktor...

**Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai:** Saya ada satu *political party president*. Dia *defector leader*, dia tidur. Bila lulus rang undang-undang ini, dia tidur bawah katil. Tidak datang di Dewan Negara, Dewan Rakyat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey, okey Yang Berhormat.

**Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai:** Ini, pasal apa saya bukan *purposely* saya mahu guna dia punya nama. Kita di Dewan Negara ini kalau dia cakap macam tadi Yang Berhormat Syed Husin, dia cakap tidak boleh cakap dia punya nama, itu semua kita tidak cakap tetapi saya memang sekarang saya cakap. Saya *challenge* dia pun saya boleh *challenge*, siapa-siapa pun saya boleh *challenge*. Kalau dia bukan biseksual punya orang, saya akan *resign* di Dewan Negara. Terima kasih. Kalau dia boleh *prove* dia bukan liwat punya orang.

**Dr. Syed Husin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, boleh tidak saya minta supaya Yang Berhormat itu mengulangi...

**Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dr. Syed Husin Ali:** ...Apa yang dikatanya di luar Dewan ini?

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey Yang Berhormat, ini ada cabaran. Kalau Yang Berhormat boleh ulang di luar Dewan dia kata.

**Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai:** Saya sudah beribu kali di luar sudah cakap, bukan satu kali. Beribu kali saya sudah cakap di luar.

**Dr. Syed Husin Ali:** Beribu-ribu kali itu bohong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, jawabnya senang sahaja. Boleh atau tidak?

**Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai:** Bukan Dewan Negara, di luar saya boleh cakap.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey, okey.

**Dr. Syed Husin Ali:** Boleh?

**Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai:** Panggil esok dia pergi Dewan Negara, di Stadium Negara. Saya akan pergi sana, saya cakap.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, okey. Maknanya Yang Berhormat, dia setuju.

**Dr. Syed Husin Ali:** Ya, baguslah, baguslah. Saya hendak tengok keberanian dia nanti. Terima kasih. Segala yang dia sebut tadi tentang misalnya bila tidur waktu perbincangan walhal dia tidak tahu di mana dia berada waktu itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey Yang Berhormat, okey. Yang Berhormat Dato' Nallakaruppan sudah dah? Sudah? Sudah habis ya? Cukup? Sudah habis?

**Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai:** Ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey. Sekarang saya persilakan ...

**Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya?

**Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingat kita kena... Ini pendapat saya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, sila.

**Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah:** Saya rasa kita kena pegang kepada 35(1) dan kita kena fokus kepada subjek yang kita bincang pada hari ini. Kalau tidak ada, macam subjek kita pun tidak penting punya subjek.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ini... bercakap kena meluas. Ini berkaitan dan juga dia itu menyebut sebagai contoh. Itu sahaja. Baiklah. [*Tepuk meja*] Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Datuk Haji Saat bin Haji Abu.

**6.18 ptg.**

**Datuk Haji Saat bin Haji Abu:** Bismillaahir Rahmaanir Rahiim, Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana saya diberi peluang untuk membahaskan Rang Undang-undang Tambahan berkaitan dengan Akta Pencegahan Jenayah (Pindaan dan Pemerluasan) 2013 dan dikenali sebagai *Prevention Criminal Act 2013*, dengan izin yang telah dibentangkan di Dewan Rakyat pada Oktober 2013.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat bahawa dalam memperkasakan undang-undang negara terutama dalam kemajmukan masyarakat di negara ini, maka saya dengan ini terpanggil untuk turut serta dalam membahaskan rang undang-undang yang dicadangkan dan yang telah diluluskan di dalam Dewan Rakyat tempoh hari.

■1820

Rang Undang-undang ini dicadangkan kemungkinan berkaitan dengan pembebasan 2,600 orang penjenayah ataupun tahanan dari Penjara Simpang Renggam yang telah dibebaskan tanpa syarat hasil daripada penghapusan ISA yang telah dipersetujui oleh Dewan Rakyat dan Dewan Negara. Berkaitan dengan fasal 6, saya mencadangkan agar inspektor polis ke atas diberi kuasa menahan seseorang individu mahupun kelompok individu dalam tempoh minima selama 30 hari bukan 21 hari tanpa perlu menghadapkan tertuduh di Majistret, di mahkamah selama tempoh berikut.

Tindakan ini mungkin tidak bercanggah dengan *writ of habeas corpus* yang melindungi kebebasan fizikal individu bagi apa juga kesalahan dalam bentuk jenayah. Bentuk jenayah yang dilakukan, objektifnya bagi memberi kuasa kepada pihak polis, tempoh masa yang cukup untuk membuat siasatan dan jika perlu menyiapkan pertuduhan. Sekiranya dalam tempoh 30 hari tidak mencukupi, pihak polis haruslah diberi

kuasa membuat lanjutan tempoh sebanyak tiga kali untuk tempoh yang ditetapkan tetapi tidak boleh melebihi 120 kali bagi tempoh siasatan keseluruhannya.

Penahanan ini haruslah merangkumi kesemua bentuk jenayah dan ianya tidaklah terhad kepada jenayah di bawah Akta Kebebasan Jenayah *Cyber* mahupun kesalahan di bawah Akta Hasutan dan sebarang kesalahan yang bermotifkan pengkhianatan kepada negara, tempoh penahanan yang saya cadangkan ini adalah munasabah dan bersesuaian kerana ia mengambil kiraimbangan di antara hak kebebasan individu dan hak kepentingan negara. Tempoh yang tidak terlalu lama ini juga dapat mencegah atau menghalang jenayah tersebut dengan efektifnya.

Elemen-elemen pihak yang berkaitan daripada berniat memberikan imbuhan atau penalti kepada pihak berkuasa kerana mereka telah mengetahui saat yang tepat, kebebasan yang akan diberikan kepada seseorang individu itu. Setelah dia ditahan di bawah mana-mana akta berkaitan bagi tujuan siasatan ataupun pertuduhan. Contohnya, sekiranya pihak polis mendapat maklumat sesuatu jenayah yang berkemungkinan sedang dirancang oleh seseorang individu mahupun sekumpulan individu, pihak polis bolehlah menahan mereka mengikut had yang mana yang telah saya cadangkan sebentar tadi.

Efektifnya, kaedah berikut adalah seperti berikut:

- (i) sekiranya polis mendapati cukup bukti bahawa sesuatu jenayah sedang dirancang, pendakwaan boleh terus dibuat dan jenayah yang dirancang dapat dicegah sebelum ianya berlaku; dan
- (ii) sekiranya polis tidak mendapati cukup bukti berkaitan sesuatu jenayah sedang dirancang, penahanan individu tersebut secara tidak langsung menghalang atau membantutkan siasatan. Ianya juga akan membuat individu tersebut berfikir untuk tidak melaksanakan rancangan jenayah tersebut yang dipanggil *prevention is better than cure*.

Tuan Yang di-Pertua, kita dapat melihat punca-punca jenayah begitu ketara hari ini di dalam negara kita. Ini adalah disebabkan:

- (i) terdapat banyak persatuan-persatuan haram atau lebih dikenali sebagai kongsi gelap yang kebanyakannya mempelopori aktiviti-aktiviti jenayah haram di dalam negara kita. Apa yang boleh kita kaitkan ialah kegiatan pengedaran dadah yang meluas di dalam negara kita;
- (ii) aktiviti pelacuran atau pun perdagangan manusia;
- (iii) perjudian haram;

- (iv) pinjaman wang tidak berlesen, along atau ceti haram;
- (v) *money laundry*;
- (vi) nombor ekor haram; dan
- (vii) banyak lagi kegiatan-kegiatan yang tidak perlu saya sebutkan di dalam Dewan yang mulia ini.

Oleh itu, kita mencadangkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa tempoh tahanan yang saya cadangkan tadi boleh dilaksanakan ke atas kelompok-kelompok kongsi gelap yang disyaki dan saya yakin pihak polis ataupun pihak PDRM banyak mengetahui kegiatan-kegiatan jenayah yang berlaku di dalam negara kita. Oleh itu, saya yakin sekiranya ianya dapat dilaksanakan dengan bersungguh-sungguh, maka peratusan kadar jenayah akan dapat kita kurangkan. Saya harap cadangan saya ini akan diambil kira dalam menjayakan *Prevention of Criminal Act* atau Akta Pencegahan Jenayah (Pindaan dan Pemerluasan) 2013.

Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, saya menyeru kepada semua pihak demi keselamatan, kemakmuran dan kemajmukan masyarakat yang ada di dalam negara kita ini dan untuk menjaga kepentingan penduduk, maka saya dengan ini turut menyokong Rang Undang-undang Akta Pencegahan Jenayah (Pindaan dan Pemerluasan) 2013. Sekian, terima kasih. Wassalam.

**Tuan Yang di-Pertua:** Seterusnya saya persilakan Yang Berhormat Datuk Hajah Noriah binti Mahat.

#### 6.27 ptg.

**Datuk Hajah Noriah binti Mahat:** *Bismillahi Rahmani Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakaatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi kesempatan untuk saya membahaskan Rang Undang-undang Pencegahan Jenayah (Pindaan dan Pemerluasan) 2013. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada pihak kerajaan kerana telah mengambil inisiatif untuk menambah baik dengan membuat beberapa pindaan kepada Akta ibu iaitu Akta Pencegahan Jenayah 1959. Rang Undang-undang yang dikemukakan untuk bacaan kali kedua pada hari ini membuktikan kesungguhan dan komitmen kerajaan untuk memperkenalkan suatu akta yang beriltizam untuk mengatasi masalah jenayah yang semakin serius dan mengancam keselamatan rakyat negara kita dewasa ini.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Pencegahan Jenayah (Pindaan dan Pemerluasan) 2013 digubal bagi memantapkan Akta Pencegah Jenayah 1959 bagi memperkasakan undang-undang yang sedia ada agar dilihat lebih tegas dan berintegriti

bagi membenarkan penahanan tanpa perbicaraan bagi tujuan ketenteraman awam, keselamatan awam dan pencegahan jenayah. Namun begitu, belum pun rang undang-undang dibahaskan, pihak pembangkang serta pertubuhan dan individu yang sehati sejiwa dengannya telah pun menunjuk reaksi negatif. Anehnya, kelompok sama juga sebelum ini mendesak kerajaan melakukan sesuatu untuk menangani peningkatan kadar jenayah terancang terutama pembunuhan dan rompakan senjata selepas pemansuhan Ordinan Darurat 1969 dan Akta Keselamatan Dalam Negeri yakni ISA 1960.

Pemansuhan kedua-dua akta itu dilihat sebagai tolak ansur. Kerajaan dengan desakan pembangkang dan pertubuhan yang memperjuangkan hak asasi manusia. Pemansuhan ini dilakukan kerana kononnya undang-undang seperti itu sudah lapuk dan tidak lagi sesuai ketika di Malaysia melangkah ke arah mencapai status negara maju.

#### ■1830

Pakatan pembangkang seolah-olah menafikan tentang undang-undang seperti itulah yang berjaya mengekalkan ketenteraman dan keselamatan rakyat serta mencegah jenayah dengan berkesan sehingga membolehkan negara mencatat kejayaan dalam pelbagai bidang selama ini.

#### *[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Nescaya kalau undang-undang seperti Akta Keselamatan Dalam Negeri tidak diguna pakai semasa gerakan menentang Parti Komunis Malaya yakni (PKM) pada zaman darurat dahulu, nescaya saya percaya rakyat negara kita hari ini akan masih hidup dalam serba kesusahan dan kepayahan. Justeru, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri di manakah yang menyatakan bahawa Akta Keselamatan Dalam Negeri itu tidak baik dan melanggar hak asasi manusia? Ini kerana masih terdapat beberapa negara maju seperti Amerika Syarikat dan Singapura masih mempraktikkan undang-undang sedemikian.

Oleh kerana itu, kita tengok majoriti rakyat yang cintakan keamanan mahukan keselamatan terjamin termasuk yang mengundi pembangkang mengharapkan wakil mereka di Parlimen menyokong rang undang-undang baru ini. Mereka sedar bahawa Malaysia walaupun mungkin memiliki kemajuan fizikal bertaraf dunia, masih memerlukan undang-undang ketat kerana kebanyakan rakyat masih mempunyai mentaliti dunia ketiga.

Justeru, kewajaran untuk meminda akta ini adalah tepat memandangkan semenjak pembebasan 2,600 orang di bawah Ordinan Darurat 1969 dan Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 telah memperlihatkan peningkatan kadar jenayah berat yang amat ketara. Mengikut statistik kes jenayah berat telah meningkat daripada 14,811 pada tahun 2012 kepada 15,098 kes dalam tempoh enam bulan pertama tahun ini.



Lantas apabila pihak Polis Diraja Malaysia yakni (PDRM) melancarkan Ops Cantas Khas pada 17 Ogos 2013, ianya telah memperlihatkan kejayaan yang mengagumkan apabila jenayah rompakan bersenjata dapat diturunkan sebanyak 90% dengan penahanan 10,695 suspek dan rampasan 23 pucuk senjata api dan 1,238 butir peluru hidup.

Lantas, untuk membolehkan PDRM melaksanakan tugas membanteras jenayah dengan lebih berkesan lagi, maka adalah perlu Akta Pencegahan Jenayah 1959 ini diperkemas. Justeru, saya ingin mencadangkan supaya Ops Cantas yang dilaksanakan oleh PDRM hendaklah diteruskan sehingga satu tahap gejala jenayah berat dan kegiatan kongsi gelap ini dapat dihapuskan. Bagi menjayakan usaha ini, penambahan anggota polis hendaklah dilakukan agar mencukupi untuk mengawal dan memelihara keselamatan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, isu ini sudah lama diperdebatkan dalam suasana yang cukup tegang apabila pihak pembangkang menyatakan pengenalan RUU ini akan melanggar hak asasi manusia dan prinsip demokrasi. Pada kerajaan, RUU ini digubal bagi membolehkan tindakan lebih tegas dalam usaha membanteras pelbagai kes jenayah berat dan juga jenayah yang terancam. Tentunya ramai di antara kita yang masih ingat beberapa bulan lalu bagaimana hampir setiap hari ada sahaja berlaku kejadian tembak dan bunuh yang menyebabkan beberapa kematian berprofil tinggi.

Antara perkara yang paling banyak dibahaskan adalah tentang isu penahanan tanpa bicara. Secara umum tindakan seperti ini boleh diibaratkan seperti undang-undang yang tidak berperikemanusiaan. Namun ia terpaksa dilakukan apabila kita memikirkan soal kepentingan dan keselamatan rakyat.

Saya setuju dengan kenyataan Menteri Dalam Negeri Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi yang menyatakan RUU ini bertujuan pencegahan dan tidak ada penahanan tanpa bicara kerana jika keputusan Lembaga Pencegahan Jenayah tidak memuaskan hati peguam penjenayah yang ditahan, ia boleh terus dibawa ke mahkamah dan bukan atas nama rayuan *habeas corpus*. Sekiranya semakan semula dilakukan, ertinya kuasa terakhir adalah Mahkamah Tinggi dan bukan Lembaga Pencegahan Jenayah.

Namun begitu, saya ingin tahu mengapa dalam pindaan RUU ini permohonan *habeas corpus* yakni rayuan oleh orang yang ditahan tidak dibenarkan. Saya juga ingin tahu mengapa orang yang ditahan di bawah RUU tidak dibenarkan khidmat peguam sepanjang tempoh *inquiry* dijalankan.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi ciri dalam RUU ini ialah ianya tidak lagi membenarkan arahan tahanan dikeluarkan oleh cabang eksekutif dalam kerajaan yang bermaksud arahan penahanan tidak lagi diputuskan oleh Menteri atau bahagian eksekutif

dalam kerajaan. Selain daripada itu, setiap arahan penahanan akan diteliti oleh Dewan Rakyat pada setiap tahun dan ia akan disemak semula setiap lima tahun. Jelas akta ini memberi pengadilan yang setimpal kepada penjenayah yang ditahan melalui satu proses perundangan yang telus dan adil.

Justeru, itulah mengapa kita harus memberi sokongan yang kuat dan padu pada RUU ini kerana matlamat utamanya adalah untuk membanteras jenayah. Sudah pastinya juga pindaan ini memberi peluang kepada pihak polis mengambil tindakan dengan lebih berkesan terhadap penjenayah dan sekali gus membendung aktiviti jenayah daripada terus meningkat. Hanya beberapa bulan lalu, pihak polis seolah-olah dipersalahkan apabila kadar jenayah semakin meningkat. Itulah sebabnya Akta Pencegahan Jenayah ini diperlukan untuk membolehkan pihak polis menjalankan tanggungjawab dengan lebih berkesan.

Kita sememangnya tidak boleh menafikan yang kadar peratusan jenayah berat dan jenayah terancang daripada keseluruhan ratusan indeks jenayah telah meningkat dan rakyat semakin bimbang dengan tahap keselamatan mereka. Kita perlukan Malaysia untuk terus menjadi sebuah negara yang aman dan makmur. Negara yang mana rakyatnya tidak berasa takut kerana mereka tahu undang-undang yang menyebelahi mereka. Bayangkan jika jenayah berat dan jenayah dirancang terus bermaharajalela, imej negara akan tercemar.

Pastinya ia akan menjadi tajuk perbualan bukan sahaja di warung-warung kopi tetapi juga di peringkat antarabangsa. Apabila ini berlaku, maka nama baik negara dan reputasi Malaysia sebagai negara yang aman dan selamat pastinya akan terjejas dan kemungkinan besar kita tidak dapat lagi menarik minat pelabur-pelabur asing untuk mencuba nasib mereka di negara kita ini.

Bukan itu sahaja Tuan Yang di-Pertua, kadar jenayah berat yang tinggi juga akan menyebabkan para pelancong berasa tidak selamat dan kemungkinan besar akan memilih destinasi lain. Tahun 2014 adalah Tahun Melawat Malaysia dan pastinya pembangunan ekonomi akan terjejas jika jenayah berat ini tidak dibendung.

Seperkara lagi yang menarik perhatian saya ialah berhubung RUU ini adalah dari sudut politik. Terdapat kemungkinan kumpulan jenayah terancang mempengaruhi ahli-ahli politik dan pegawai-pegawai kanan sebagaimana yang rakan saya maksudkan tadi dan hal ini didedahkan oleh Menteri Dalam Negeri bahawa pihaknya telah mengenal pasti beberapa individu yang didakwa pernah mengikuti kumpulan kongsi gelap dan ini dikatakan menjadi pemimpin sebuah parti politik di Pulau Pinang dan ini disahkan oleh kenyataan bekas Pengarah Siasatan Jenayah Bukit Aman, Tan Sri Zaman Khan Rahim

Khan dan yang mendedahkan seorang bekas banduan serta bekas ketua kumpulan kongsi gelap kini menjadi pemimpin peringkat bawahan dalam sebuah parti politik di Pulau Pinang.

Pada pilihan raya umum yang lepas banyak parti-parti politik mempunyai kecenderungan menggunakan gengster. Rakyat tidak begitu selesa apabila terdapat parti politik terlibat dengan gengster. Mereka tahu ada parti-parti politik menggunakan gengster untuk mendapat undi dengan perbelanjaan besar. Keadaan yang sedemikian tidak seharusnya dibiarkan kerana ia akan menyebabkan rakyat akan hilang keyakinan kepada sistem politik dan ahli-ahli politik. Institusi kerajaan pula akan hilang kewibawaan dan mudah dibeli dan dipengaruhi oleh ahli gengster dan ahli politik yang ada hubung kait dengannya.

#### ■1840

Justeru, saya mendapati jika beginilah keadaan negara akan terjebak dalam satu situasi yang amat berbahaya dan ianya hendaklah dibendung dengan segera dan kita tidak mahu sebuah kerajaan dan ahli politik yang terletak di bawah pengaruh gengster. Justeru, saya mencadangkan supaya ahli-ahli politik yang terjebak dan bersubahat dengan kumpulan jenayah hendaklah dihebahkan nama mereka di dalam media dan diharamkan daripada menjadi calon dalam pilihan raya umum.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyatakan rang undang-undang ini telah dengan jelas memperuntukkan mekanisme terbaik untuk menjaga ketenteraman awam, keselamatan dan pencegahan jenayah. Jadi untuk itu Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya saya ingin mempersilakan Dato' Dr. Johari bin Mat. Silakan Yang Berhormat, teruskan Yang Berhormat.

#### 6.41 ptg.

**Dato' Dr. Johari bin Mat:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum Warahmatullahi wabarakatuh, alhamdulillah.* [Berucap dalam bahasa Arab] Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk turut sama-sama membahas rang undang-undang yang bernama satu akta untuk meminda dan memperluas Akta Pencegahan Jenayah 1959. Akta ini boleh dinamakan Akta Pencegahan Jenayah (Pindaan dan Pernerluasan) 2013.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya pergi lebih jauh, saya ingin mengingatkan diri saya dan semua ahli Yang Berhormat yang berada di Dewan ini, kita ini adalah orang

yang diberi tanggungjawab untuk membuat, menggubal, melulus, meminda rang undang-undang yang telah dibawa ke Parlimen dan seterusnya kita ini. Kita adalah merupakan orang yang mempunyai tanggungjawab yang besar di dalam hal ini dan kita juga mempunyai tanggungjawab bukan sahaja membuat undang-undang tetapi undang-undang ini akan diimplementasikan dengan maaf dan dilaksanakan dalam masyarakat dan kesannya ialah akan kembali kepada masyarakat dan kita semua. Oleh kerana itu, tugas ini adalah merupakan tugas besar yang perlu sama-sama kita teliti, yang perlu sama-sama kita amati supaya apa-apa yang kita bincang dan putuskan di sini akan membawa kebaikan kepada kita semua, masyarakat dan negara.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya pergi lebih jauh, saya ingin kembali sedikit kepada ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di dalam pembukaan sesi Dewan penggal pertama tahun ini 2013 baru-baru ini. Baginda bertitah, “...*Kerajaan Beta untuk berusaha untuk melaksanakan maqasid syariah di dalam pentadbiran negara kita di Malaysia ini*”. Saya ingin menarik perhatian ada dua aspek yang sangat penting yang telah diungkapkan yang telah dijadikan titah Baginda. Pertama ialah *maqasid syariah*. *Maqasid syariah* yang kedua ialah berhubung dengan *al wasatiyyah*. Dalam maksud *maqasid syariah* itu ialah bertujuan untuk menjaga dan menjamin keselamatan dan kesejahteraan negara di dalam lima aspek yang besar dan penting iaitu:

- (i) menjaga agama;
- (ii) menjaga jiwa;
- (iii) menjaga nasab;
- (iv) menjaga akal; dan
- (v) menjaga harta.

Dalam kerangka kita membahas dan membincangkan rang undang-undang yang telah dibentangkan ini, adakah kementerian telah memberi perhatian terhadap saranan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong berhubung dengan menjaga *maqasid syariah* terutamanya dalam bab ini ialah menjaga jiwa. Menjaga jiwa merupakan salah satu daripada aspek terpenting di dalam masyarakat. Jiwa seseorang perlu dijaga dengan baik dan tidak boleh dianiayai dan tidak boleh menerima penganiayaan. Dalam hubungan ini konsep Islamnya disebut, [*Berucap dalam bahasa Arab*] tidak boleh seseorang itu melakukan keburukan kepada dirinya dan juga kepada orang lain.

Ini merupakan satu aspek yang perlu diberi perhatian. Kemudian, konsep ini digabung jalinkan dengan *al wasatiyyah*. Maksudnya, ketepatan yang terbaik untuk dilaksanakan di dalam masyarakat. Jadi dalam membentangkan rang undang-undang ini, apakah pihak kementerian telah mendapat pandangan daripada pihak-pihak yang

mempunyai autoriti dalam pengajian Islam khususnya, di dalam memberi input sejajar atau tidak berhubung dengan maqasid syariah yang telah disarankan oleh Baginda Yang di-Pertuan Agong dan pada waktu yang sama juga adakah ia sejajar dengan konsep *al wasatiyyah*.

**Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman:** Minta laluan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman:** Minta maaf Yang Berhormat. Setahu saya mengikut peraturan yang ada, nama Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong tidak boleh digunakan untuk mempengaruhi mana-mana ucapan kita melainkan merafak sembah. Saya minta kita semak kembali peraturan yang ada kerana kita tidak boleh menggunakan nama Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk pengaruh orang. Minta maaf Tuan Yang di-Pertua, saya hanya untuk membetulkan peraturan mesyuarat di dalam Dewan yang mulia ini.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Teruskan.

**Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman:** Saya tahu saya pun gunakan nama tiga hari lepas, tetapi itu adalah merafak sembah mengucapkan terima kasih sahaja. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Betul Yang Berhormat, dalam Peraturan Mesyuarat 35(6) ada disebut.

**Dato' Dr. Johari bin Mat:** Terima kasih, kalau itu saya tarik balik.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Teruskan Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Johari bin Mat:** Kalau begitu, saya akan sebut maqasid syariah sahaja. Terima kasih di atas teguran dan saya ucap terima kasih banyak. Saya ingin bertanya pihak kementerian, adakah perkara ini telah dijemput pakar-pakar di dalam bidang jenayah yang mempunyai autoriti dalam syariah supaya ia sejajar dengan *maqasid* syariah yang disebut tadi.

Tuan Yang di-Pertua, konsep ini perlu dilihat bahawa jenayah yang berlaku dalam negara dan tidak kira di mana, kita jangan lihat konsep itu semata-mata. Ini kerana pencegahan itu walaupun kita mengadakan undang-undang dan sebagainya, tetapi ia mempunyai kaitan yang sangat rapat dengan elemen-elemen dan juga faktor-faktor yang lain. Seperti faktor kehidupan, ekonomi, budaya, sosial, pelajaran dan sebagainya. Kita tidak boleh pisahkan. Dalam jangka panjang, kalau kita ingin mengawal hal-hal seperti ini, kita perlu mengawal hal-hal seperti ini, kita perlu melihat secara keseluruhan, secara holistik. Ini kerana apabila kita melihat secara holistik, ertinya kita menjaga sebuah

negara. Dalam sebuah rumah, jangan ada tempat bocor. Kalau ada satu tempat yang bocor, sudah pasti pihak lain akan terkena juga.

Oleh itu, bagi saya pihak kementerian dalam negeri telah bersungguh-sungguh dan berusaha dengan gigih untuk mengawal keadaan-keadaan ini. Akan tetapi saya juga melihat bahagian-bahagian kementerian-kementerian lain juga perlu bekerjasama di dalam konteks yang sama. Kalau kita bentuk dalam pelajaran juga perlu ada hal-hal seperti ini, kesedaran dari sudut awal. Begitu juga dengan status ekonomi, hal yang sama dari segi budaya dan juga pengawalan filem-filem ganas dan sebagainya

#### ■1850

Saya melihat filem-filem ganas ini tersebar di merata-rata dalam negara kita malah melalui rencana TV, internet dan sebagainya, tersebar dengan luas. Kita rasakan ini menyumbang kepada jenayah yang berlaku dalam masyarakat kita. Saya juga dapat mendengar anak-anak muda yang juga terpengaruh. Sebagai contoh saya buat filem gengster, filem jenayah. Ini merupakan gambaran. Saya melihat filem itu untuk memberi gambaran itulah kumpulan gengster di dalam negara kita. Akan tetapi pada waktu yang sama filem itu memberi impak kepada pemikiran anak-anak muda, untuk meniru dan mencuba, kerana itu perlu kawalan. Jadi kerana itu saya melihat walaupun Kementerian Dalam Negeri berusaha sedaya upaya untuk mengawal dan membendung jenayah tetapi jangan pula ada pihak lain yang membocorkannya. Oleh kerana kita tidak mahu kita tampung di sini, bocor yang lain.

Begitulah juga halnya dengan bahagian-bahagian yang lain. Dalam negara kita, kita perlu tengok sebagai kalau kita tengok yang kecil ialah sebuah rumah. Sebuah rumah itu perlu kita kawal keseluruhan rumah kita. Jangan ada biar pihak yang mengambil kesempatan untuk melakukan perkara-perkara yang boleh merosakkan pihak lain yang membinanya.

Dalam hubungan ini saya juga melihat bahawa budaya-budaya ini perlu diberi perhatian agar kita semua daripada hidup sebagai sebuah negara yang aman dan damai. Pelbagai usaha telah dilakukan di dalam masyarakat kita dan pelbagai usaha telah diusahakan dan pelbagai pemikiran dan juga pendekatan termasuk menggubal undang-undang. Kita jangan lupa bahawa ada satu perkara yang kita perlu ingat, kita ini adalah manusia. Manusia adalah bersifat lemah. Apa pun yang dia buat tidak dapat lari daripada kelemahan.

Allah telah sebut di dalam Al-Quran. [*Bercakap dalam bahasa Arab*] Manusia dijadikan dalam keadaan lemah serba-serbinya daripada lahir sampailah muda remaja, sampai dewasa, sampai akhirnya tua kita juga sentiasa lemah dan kelemahan ini boleh

kita lihat di mana-mana. Sebagai contoh tadi kita melihat Akta Darurat begitu juga ISA. Pada waktu baru-baru ini dalam Dewan ini juga kita semua meluluskan untuk menghapuskan undang-undang tersebut. Akan tetapi ternyata dengan penghapusan itu mengikut dakwaan atau pendapat sebahagian daripada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator kita menyebabkan timbulnya jenayah yang berganda.

Di sinilah saya melihat bahawa kita manusia mempunyai kelemahan dan tidak dapat menjangkau apa yang berlaku akan datang. Sehingga kini kita terpaksa membawa undang-undang dengan yang hampir sama walaupun tidak serupa. Tidak serupa dalam aspek mungkin sama dalam aspek yang lain. Itu adalah realiti. Kerana itu saya melihat dalam hubungan ini, pencegahan adalah satu tuntutan, sebelum berlaku jenayah. Saya juga melihat bahawa undang-undang ini ditujukan kepada jenayah berat dan terancang.

Saya memahami hal ini ialah ada pemimpin-pemimpin dalam organisasi jenayah, yang mereka tidak mudah dibuktikan. Mereka tetap melakukan jenayah, tetapi tidak ada bukti yang boleh disandarkan di mahkamah bahawa mereka melakukan jenayah. Kita sering dengar penangkapan pengedar dadah. Yang dapat itu bukan orang besar, orang kecil, tetapi sebenar-benar orang besar dalam pengedaran itu jarang-jarang ditangkap kerana mereka adalah orang yang bijak dan licik. Siapa yang menjadi mangsa adalah keldai-keldai dadah sahaja. Dalam hubungan ini kita melihat inilah yang dirasakan oleh pihak kementerian, tidak dapat membuktikan.

Walau bagaimanapun, saya melihat banyak usaha telah kita jalankan di dalam masyarakat kita, namun satu usaha yang perlu difikirkan balik kita sebagai sebuah negara yang kita kata sebagai sebuah negara Islam. Adakah kita telah merenung kembali usaha ini perlu dilihat juga daripada sudut Islam, supaya input daripada ajaran Islam itu yang sifatnya menyeluruh boleh diketengahkan di dalam membendung gejala jenayah ini.

Saya lihat dalam perbincangan kita ini, sama ada yang telah bercakap sebelum saya ini bersetuju dalam banyak perkara, hanya dalam beberapa perkara sahaja yang agak berbeza pandangan. Bersetuju kita tidak ada kompromi berhubung dengan jenayah. Sesiapa pun tidak suka jenayah. Jangan kita kata ada 'A' suka supaya jenayah itu dilakukan, tidak. Semua orang tidak mahu jenayah kerana semua orang mahu bahagia, aman, damai dan kalau sering berlaku jenayah maka sudah pasti kita hendak tidur pun tidak nyenyak.

Jenayah ini berlaku yang besar dan juga kecil. Sekarang ini kalau di kampung-kampung jenayah kecil-kecilan telah berlaku, sedang berlaku dan sedang merebak. Semua barang yang berharga disikatnya. Apa-apa sahajalah, kabel telefon semua banyak yang hilang dan ini menunjukkan benda ini berlaku dalam masyarakat, tetapi ini jenayah

kecil-kecilan. Apa yang disebut di sini adalah jenayah besar-besaran dan yang besar. Apakah pihak kementerian memanggil, mendapat pandangan daripada pihak-pihak yang bererti dalam pengajian Islam supaya input Islam itu diterapkan di dalam pencegahan dan juga pelaksanaan jenayah. Ini kerana kalau kita hendak kawal manusia kita tidak mampu. Manusia hendak kawal manusia tidak mampu.

Kita telah ada pengalaman yang lama. Setiap undang-undang yang kita buat adalah untuk mencegah dan juga mengawal jenayah dari berlaku, tetapi dia sering berlaku. Kenapa? Ini satu persoalan yang kita perlu renung. Sebabnya ialah antara lain manusia tidak mampu untuk mengawal manusia. Oleh kerana itu menurut Islam Allah SWT menurunkan peraturan, kerana peraturan yang diturunkan itu dijamin bahawa Allah sendiri yang menjaga. Ini konsepnya.

Sebagai contoh saya ingin membawa sepotong ayat Al-Quran berhubung dengan kes curi. Allah menyebut, [*Bercakap dalam bahasa Arab*] - Kalau lelaki mencuri atau wanita kalau sabit kesalahannya, maka potonglah tangan mereka, sebagai balasan terhadap perbuatan itu dan itu juga adalah sebagai pencegahan daripada Allah SWT.

Namun jangan kita lihat dengan sewenang-wenangnya tetapi ia mempunyai cara teknikal yang sangat halus supaya orang tidak dianiayai. Kerana itu kalau kita melihat hal-hal ini perlu diberi satu pendekatan, sebab kita telah mengatakan bahawa kita adalah negara Islam dan Islam merupakan agama Persekutuan. Ini memberi erti kepada kita. Kita boleh cuba hayati *implement* apa yang telah disebut oleh Islam sebagai cara untuk menyekat dan mengawal jenayah daripada merebak. Kita boleh buat apa yang kita mampu. Yang tidak mampu biar dahulu. Buat apa yang mampu.

#### ■1900

Oleh kerana itu saya mencadangkan supaya pendekatan seminar, penerangan perlu dilakukan dengan sebaik-baiknya agar masyarakat memahami apa sebenarnya yang ingin kita capai dalam hidup ini. Oleh kerana itu Tuan Yang di-Pertua, kita juga ingin, saya melihat di sini banyak persamaan yang saya dengar di kalangan ahli-ahli yang telah memberi pandangan. Apa yang berbeza adalah dalam satu dua perkara. Pertama, yang berbeza ialah penahanan tanpa bicara. Itu sahaja yang berbeza dan itulah saya rasa dalam perbincangan kita ini perlu diperhalusi dan pihak kementerian perlu melihat kerana ada pandangan pro dan kontra. Kita semua bersetuju bahawa kita semua tidak suka jenayah berlaku tetapi kaedah itu sahaja. Pendekatan itu sahaja. Tadi saya dengar ada teman-teman Senator yang menyebut bahawa dalam dua tahun itu perlu dikemukakan di mahkamah kalau terbukti. Bagi saya penyiasatan itu sangat penting untuk mencegah...



**Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman:** Yang Berhormat, minta laluan. Minta laluan ini bukan kerana hendak tidak bersetuju dengan apa Yang Berhormat kata tetapi nak minta pandangan Yang Berhormat. Yang Berhormat kata perbezaan ialah perbicaraan. Dalam definisi apa yang kita katakan perbicaraan mengikut undang-undang sekarang ialah lalui *court of law* yang ada. Kita yang buat undang-undang ini bukan tidak ada perbicaraan langsung. Cuma tidak melalui *court of law* yang ada sekarang kerana oleh sebab kita nak mencegah jenayah ini kita nak *fast action* supaya mereka ini tidak akan menjalankan kerja-kerja ini dalam masa dua, tiga tahun yang akan datang. Itu satu.

Keduanya, di dalam negara Islam lain misalannya di *Saudi Arabia*. Saya sudah pasti bahawa dia punya *legal system* berlainan dengan kita sebab kita dengar. Boleh jadi betul atau tidak itu, Yang Berhormat lebih arif. Orang-orang ditangkap tanpa perbicaraan pun. Dia tak masuk jail dan sebagainya. Jadi, dia punya *legal system* adalah berlainan dengan *legal system* yang kita ada. Saya fikir apa Yang Berhormat kata itu adalah perbicaraan. Dalam definisi saya, ia tidak mengikut perbicaraan mengikut *legal system* yang ada. Ini yang pembangkang dan yang orang-orang yang tidak bersetuju katakan tetapi kepada saya ada perbicaraan. Cuma kita mempercepatkan perbicaraan. Apa pandangan Yang Berhormat?

**Dato' Dr. Johari bin Mat:** Terima kasih atas pandangan. Saya rasa sini tidak ada perbezaan kalau sudah ada perbicaraan, tidak timbul perdebatan. Tadinya saya ikuti perkembangan ini, yang difahami bahawa dalam ini juga disebut tanpa bicara. Kalau sudah ada bicara, tidak timbul masalah. Itu sahaja *point* yang saya nampak perbezaan-perbezaan di sini.

Kedua, saya tengok ada penerangan di sini. "*Fasal 19 bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 15A ke dalam Akta 297 untuk menidahkan semakan kehakiman bagi apa-apa tindakan atau keputusan Lembaga Pencegah Jenayah berkenaan apa-apa persoalan kecuali mengenai pematuhan dengan mana-mana kehendak tatacara dalam Akta 297.*" Ertinya tidak ada. Kalau ada sebagaimana yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, saya rasa tidak timbul perbincangan yang begitu panjang.

Oleh kerana itu saya rasa ini titik yang boleh direnung kembali dan kaedah yang boleh dilihat kembali supaya boleh kita lihat bahawa orang yang dituduh itu, orang yang ada mempunyai kesalahan pada pihak polis tetapi sukar untuk dibuktikan, dia juga mempunyai ruang untuk bersuara dan mendapat hak dia. Di sini bukan kita kata nak membela hak orang-orang yang tidak baik. Saya pun setuju orang yang tidak baik ini, kita tidak mahu membela dia tetapi di dalam hubungan ini, kalau menurut Islam dia kata

[Berucap dalam bahasa Arab] “Jangan memberi kemudahan”. Apabila kita menahan orang, tidak memberi peluang untuk dia membela diri bertanya “Kenapa saya ditahan?” Maka, itu telah memberi satu kesusahan dan kemudahan. Ini kalau menurut Islam ia dilarang.

Oleh kerana itu, kalau polis hendak pergi tangkap orang dalam keadaan sekarang, dia tunjuk waran. Dia tahu, dia kena tahu. Orang itu kena tahu kenapa dia ditangkap. Oleh kerana itulah walaupun ini satu pencegahan, saya setuju pencegahan. Konsep pencegahan sangat penting. Apa yang saya tengok berbeza ialah dari segi itu tadi sahaja. Oleh kerana itu bagi saya, kita juga perlu suatu akta bertujuan untuk menjaga keselamatan dan bukan untuk menghukum. Akhirnya, saya melihat apabila pencegahan itu berlaku, akta ini ada dan harapnya tidak ada orang yang buat perkara buruk. Undang-undang sebenarnya bukan untuk menghukum tetapi supaya orang tidak melakukan kesalahan. Itu matlamat undang-undang.

Bagi mereka yang melakukan kesalahan akan dihukum tetapi kerana itu saya melihat undang-undang perlu ada satu yang menggerunkan. Saya teringat seorang ahli undang-undang menyebut. Di zaman dahulu di Eropah, seorang pencuri mencuri seekor kuda. Lalu hakim pada ketika itu menjatuhkan hukuman gantung sampai mati. Orang membantah. Tak wajar mencuri seekor kuda dihukum gantung. Lalu dia memberi alasan supaya kuda-kuda yang banyak lagi tidak akan dicuri. Itu alasan. Matlamatnya ialah supaya aman, supaya kecurian tidak berlaku lagi. Oleh kerana itu kita melihat bahawa undang-undang yang telah ada ini, saya baca. Tempoh awal...

**Dato’ Lim Nget Yoon:** Boleh mencelah?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada yang nak mencelah Yang Berhormat. Silakan.

**Dato’ Dr. Johari bin Mat:** Silakan.

**Dato’ Lim Nget Yoon:** Ikut statistik polis, ramai *criminal* atau penjenayah ialah *repeat criminals* dengan izin. [Disampuk] Penjenayah yang berulang-ulang. Terima kasih. Jadi, siapa pun yang melakukan kesalahan jenayah apabila dalam tempoh ikatan mereka. Jadi apa pandangan Yang Berhormat tentang kes-kes begitu? Terima kasih.

**Dato’ Dr. Johari bin Mat:** Sebenarnya orang yang melakukan jenayah ini pada kebiasaannya, orang yang *champion* dalam melakukan jenayah ini dia tidak mula pertama kali. Dia adalah orang yang berulang kali pada kebiasaannya. Saya harap Rang Undang-undang Pencegahan Jenayah ini boleh membantu supaya mereka tidak melakukan.

Saya nak pergi lagi Tuan Yang di-Pertua. Kita melihat di dalam masyarakat kita ini kalau mengikut statistik yang telah kita baca, ada lebih daripada 400,000 gengster yang telah diberikan angka-angka itu. Angka ini bukan baru. Hal ini bukan baru berlaku tetapi ia

berlaku sejak sekian lama. Akhir-akhir ini baru kita dikejutkan dengan bilangan-bilangan gengster, bilangan pertubuhan yang mengancam keselamatan negara. Kenapa perkara ini masyarakat baru tahu? Semacam dulunya okey sahaja. Adakah ini kerana akhbar yang timbulkan sehingga masyarakat jadi resah? Kalau dulu pun berlaku juga tetapi apabila tidak ditimbulkan dalam media, masyarakat tenang-tenang sahaja seperti bunuh.

▪ **1910**

Dulu pun boleh jadi ada juga statistik pembunuhan tetapi apabila tidak disebarkan dalam berita, orang tidak tahu. Orang kata okey sahaja. Oleh kerana itulah saya melihat perkara ini perlu dilihat secara holistik dan masyarakat begitu merasa takut apabila kita gembur-gemburkan dengan keadaan-keadaan yang boleh merisaukan mereka. Malah sekarang ini ada ibu bapa yang takut untuk melepaskan anak mereka pergi ke sekolah sehingga ada yang menunggu ketika hendak masuk pintu pagar sekolah dan ada yang menunggu sampai berjam-jam sebelum pulang sekolah.

Ini kerana ada kes-kes yang berlaku di kalangan masyarakat kita yang dilaporkan dan ini sangat menakutkan. Hal-hal seperti ini boleh jadi akhir-akhir ini kita melihat satu fenomena di dalam masyarakat yang begitu ketara dan kita perlu lihat kenapa ia berlaku. Ini kerana itu bagi saya penguasaan undang-undang hanyalah satu aspek sahaja tetapi dia perlu dilihat daripada seluruh aspek yang ada agar semua kementerian bekerjasama di dalam kerangka untuk membentuk masyarakat yang harmoni dan baik. Oleh kerana itu perlu dilihat walaupun sistem pelajaran kita telah dirangka dengan begitu rupa, namun perlu dilihat lagi apa elemen-elemen yang perlu dimasukkan.

Jenayah ini sebenarnya – penjenayah ini salah satu sebab yang mendorong orang melakukan jenayah sama ada daripada faktor ekonomi atau keadaan sosial dan sebagainya tetapi yang tidak kurang pentingnya kerana kelemahan pegangan. Ada orang miskin tetapi dia bagus dari segi etikanya, dari segi pegangannya. Dia tidak melakukan jenayah. Oleh kerana itu kita tidak boleh mengatakan sebab dia miskin, dia melakukan jenayah. Begitulah juga orang yang tidak belajar. Bukan semua orang yang tidak belajar itu melakukan jenayah. Tidak. Akan tetapi bagi saya elemen-elemen ini kadang-kadang saling membantu. Yang paling utama jenayah ini apabila seseorang itu tidak ada pegangan.

Pegangan yang saya maksudkan kepada orang Islam ialah pegangan agama Islam yang baik. Kepada bukan beragama Islam, mengikut agama masing-masing kerana saya dapat mengetahui semua agama yang menjadi anutan kepada semua orang melarang daripada melakukan perbuatan buruk. Melarang membunuh orang, larang minum arak, larang judi, larang berzina dan bermacam-macam. Semua larangan. Kalau

agama Kristian larang, agama Hindu larang, agama Buddha pun larang. Tidak ada agama yang menyuruh malah semua melarang.

Oleh kerana itu kalau orang kata agama saya memberi – saya yakin dan saya ingin menyampaikan bahawa semua agama yang menjadi anutan kepada masyarakat melarang semua hal-hal yang buruk dan ini tidak boleh dikaitkan dengan agama. Begitulah juga tidak boleh dikaitkan dengan bangsa tetapi elemen-elemen yang ada, orang yang mempunyai elemen-elemen yang tadi yang khasnya tidak mempunyai pegangan dan mempunyai keyakinan yang baik, akhlak yang mulia, etika yang baik, orang ini kadang-kadang mudah terjebak melakukan hal-hal tadi.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya ingin menyatakan bahawa undang-undang ini perlu diperhalusi dan dilihat teknikalnya supaya semua kita dapat melihat pencegahan ini berjalan dengan baik dan lancar dan mudah-mudahan negara kita ini aman damai sentosa dan tidak ada kekacauan dan juga jenayah semakin hilang dan semakin menurun dan agar kita hidup tenang dan tidak takut di mana-mana. Sekian, terima kasih. *Wallahualam.*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Dato' Boon Som.

#### **7.15 mlm.**

**Dato' Boon Som a/l Inong:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana memberi ruang untuk membahaskan Rang Undang-undang Pencegahan (Pindaan dan Pemerluasan) 2013 dalam Dewan Negara yang mulia ini. Perlu ditegaskan di sini bahawa pindaan terhadap rang undang-undang ini adalah pemangkin kepada usaha membanteras serta mengekang anasir luar daripada menjadikan Malaysia sebagai transit kegiatan jenayah. Justeru, saya hairan dakwaan segelintir pihak pembangkang kononnya pindaan akta ini bertujuan mengembalikan Akta ISA. Rasanya tidak benar.

Saya melihat iltizam Kementerian Dalam Negeri membanteras jenayah terutama didalangi kumpulan kongsi gelap wajar diteruskan tanpa kompromi. Sehubungan itu komitmen Kementerian Dalam Negeri memerlukan undang-undang tegas dan memperkasa dengan integriti, menguatkuasakan termasuk Polis Diraja Malaysia, imigresen, Angkatan Tentera Malaysia dan Unit Pencegah Penyeludupan mesti ditampikan dalam pindaan rang undang-undang ini.

Sebenarnya perkara ini hanyalah persepsi. Seperti juga undang-undang dadah. Undang-undang dadah di negara kita adalah hukuman gantung tetapi kita sudah tangkap berapa ramai pengedar dadah ini. Berapa pula yang kena gantung? Adakah undang-

undang ini menyusahkan rakyat? Tidak. Sebenarnya berapa sangat. Macam ISA juga. Berapa ramai rakyat kita ditangkap di ISA? Berapa banyak kes bicara? Kita hanyalah – seperti juga baru-baru ini dalam PRU ke-13. Contohnya Parlimen Padang Serai, saya mendapat daripada *special branch* (SB) mengatakan bahawa ada pertarungan. Andainya pembangkang menang dalam lebih 5,000 lebih, pertarungan adalah RM3 juta. Jadi demokrasi telah diperjudikan. Jadi, saya tanya kepada SB apakah kuasa yang ada? Dia kata kuasa kita tidak ada sekarang ini sejak hapusnya ISA.

Jadi masalah ini timbul kerana...

**Tuan Saiful Izham bin Ramli:** Sekadar mendapatkan penjelasan sama ada Yang Berhormat sedar atau tidak, apa-apa yang berkaitan dengan perjudian, ia tertakluk di bawah Akta Perjudian dan ada peruntukan undang-undang menyentuh tentang perkara tersebut. Kedua, saya mohon agar sekiranya perkara itu bersifat andaian, jangan jadikan ia sebagai fakta kerana saya yakin kalau ia betul, ia juga berlaku di tempat-tempat yang lain. Terima kasih.

**Dato' Boon Som a/l Inong:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya pertarungan ini adalah bersangkutan paut dengan kongsi gelap. Daripada kongsi gelap inilah berlakunya hasutan, paksaan kepada pengundi-pengundi ini supaya mengundi kerana perkara ini kita, Barisan Nasional kita kalah di kawasan bandar kerana kebanyakan di bandar adalah kongsi gelap kita rasakan sebagai contoh. Ini bukan andaian. Ini satu contoh sebenarnya apa yang berlaku sekarang ini pada PRU ke-13. Saya amat sedih kerana kita sekarang ini melaungkan demokrasi tetapi sebenarnya demokrasi itu diperjudikan.

Jadi, sebenarnya kalau kita tengok dari segi Akta Pencegahan Jenayah ini adalah pencegahan. Jadi, sesuatu undang-undang untuk pencegahan adalah untuk mencegah daripada tidak membuat jenayah. Seperti juga tangkap pengedar dadah ini. Apabila tangkap pengedar dadah, gantung seseorang itu supaya mencegah orang lain supaya tidak membuat perkara yang sama. Jadi, bila kita letakkan undang-undang yang begitu tegas, jadi orang lain pun tidak buat atau tidak melakukan jenayah ini. Jadi, satu lagi saya menampakkan bahawa undang-undang ini tertumpu kepada *criminal* sahaja dan bukannya politik. Tidak tangkap pun, tidak sebut pun orang politik di sini.

#### ■1920

*Criminal* hanya tumpu kepada *criminal*, penjenayah. Sejak ISA dihapuskan penjenayah makin merebak, makin bertambah. Jadi ini adalah bersangkutan-paut kerana perebakan, pertambahan *criminal* ini disebabkan undang-undang kita tidak tegas. Saya memuji tindakan Kementerian Dalam Negeri mengambil tindakan tegas dan telah

membentangkan undang-undang ini untuk pencegahan ini kerana ia hanyalah sebagai satu *grand design*.

Kalau *grand design* ini, saya terbaca beberapa buah buku. Untuk melumpuhkan sesebuah negara salah satu cara adalah melumpuhkan keselamatan negara. Satu daripada target adalah polis, tentera dan dengan adanya huru-hara di sesebuah negara maka kita hilanglah pelaburan luar datang untuk melabur di negara kita. Jadi apabila pelaburan luar tidak datang ke negara kita, maka lumpuhlah negara kita dan rakyat akan menentang kerajaan. Itulah satu-satunya *grand design* yang sengaja dilakukan untuk melumpuhkan sesebuah negara.

Seperti juga yang sekarang ini berlaku di Amerika di mana kerajaan tidak ada wang untuk membayar gaji disebabkan mereka tidak sokong *Obama Care*. Jadi oleh kerana itulah untuk tujuan melumpuhkan kerajaan demokratik, itu sahaja. Itu sebabnya bukan kerana mereka keluar – seramai 66 orang keluar dari Dewan Rakyat kerana tidak menyokong akta ini tetapi tujuan utama mereka adalah untuk melumpuhkan keadaan dan menghuru-harakan keadaan negara kita. Sebab apa? Ini kerana kita terdiri daripada pelbagai kaum.

Kita terbahagi kepada pelbagai rakyat. Kita ada Siam, Melayu, Cina, pelbagai agama dan pelbagai kepercayaan. Ya, kalau kita tidak ada undang-undang yang tegas, ia sebagai *time bom*. *Anytime*, negara kita akan meletup. Rakyat akan huru-hara. Ini kerana kita bernasib kerana Kerajaan Barisan Nasional sentiasa memerhati, sentiasa memperbaharui undang-undang yang tegas supaya negara kita terpelihara keamanan dan keselamatan negara.

Kita jangan memperjudikan keselamatan dan keamanan negara demi masa depan dan anak cucu kita kerana ini adalah satu pencegahan. Ia bukan satu undang-undang. Dahulu ISA kita tangkap *politician*, kita tangkap agama yang songsang. Akan tetapi sekarang ini kita tangkap *criminal*. Berapa ramai yang *criminal* atau penjenayah ini? Berapa ramai penjenayah ini? Berapa ramai yang kena tembak? *family* yang kena tembak itu? Berapa ramai *criminal* yang ditembak polis ini?

Jadi kita harus pentingkan perkara ini, melihat perkara ini lebih luas. Jangan diperbodohkan oleh kuasa luar. Janganlah kerana kita lakukan demi untuk tujuan politik. Ini tujuan untuk rakyat Malaysia, rakyat yang berbilang kaum yang hidup dengan tenang, dengan selamat, dengan tidak memikirkan bom meletup seperti di Siam Selatan, Thailand Selatan sekarang ini kita lihat. Mahu hantar cikgu hendak mengajar sekolah di kawasan selatan pun takut hendak keluar. Begitu juga askar-askar, berapa ramai yang sudah mati

di Selatan Thailand? Jadi, ketegasan undang-undang kita perlukan demi menjaga keamanan negara. Tanpa ketegasan...

**Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman:** Yang Berhormat minta laluan. Oleh sebab Yang Berhormat sebut *Southern Thailand* ataupun Thailand Selatan. Sebenarnya, apa yang berlaku di sana setahu Yang Berhormatlah, Thailand adakah undang-undang seumpama yang kita ada ini? Boleh jadi kalau ia ada undang-undang seumpama ini, apa yang terjadi di Selatan Thailand mungkin tidak akan terjadi. Terima kasih.

**Dato' Boon Som a/l Inong:** Sebenarnya Thailand ini asyik tukar kerajaan. Jadi undang-undang yang tegas itu tidak ada. Ia *more to populist government*. Jadi, memang Thailand begitu mengharapkan supaya ISA diperkenalkan di Thailand. Ini kerana di Thailand ini bukan sahaja pemisah sekarang ini yang berlaku kepincangan dan perang saudara di Thailand ini. Sebenarnya, *economic interest*. Ada sesetengah itu sengaja buat kacau-bilau kerana hendak ambil tanah di situ. Jadi sengaja hendak buat kacau-bilau itu, *economic interest*.

Jadi benda itu bercampur aduk sekarang ini. Jadi jalan penyelesaiannya makin sukar. Jadi, kita tidak mahu benda itu berlaku di Malaysia ini kerana Thailand satu bangsa sahaja iaitu Thai tetapi agama lain. Akan tetapi kita berlainan bangsa. Kita ada sekolah Tamil, sekolah Cina, sekolah India dan sebagainya. Jadi itu kita perlu pelihara. Jadi saya mintalah pihak tertentu supaya melihat perkara ini dengan lebih luas, lebih mendalam daripada kita melihat bahawa ini sebagai akta yang mencegah adalah lebih kurang macam ISA juga, tahanan 60 hari tanpa bicara.

**Tuan Saiful Izham bin Ramli:** [Bangun]

**Dato' Muhammad Olian bin Abdullah:** Mohon mencekah Yang Berhormat, boleh? Terima kasih. Tadi Yang Berhormat Dato' Boon Som ada menyebut bahawa ada *grand design* yang seolah-olah untuk menjatuhkan kerajaan yang sekarang. Jadi bolehkah Yang Berhormat jelaskan dan huraikan dengan lebih lanjut? Ini kerana kita sebagai Ahli di Dewan yang mulia ini kita juga ini mengetahui bahawa kalau betul-betul benar ada *grand design* atau pun perancangan untuk menjatuhkan kerajaan, ini adalah menjadi tanggungjawab kita dan juga tanggungjawab pihak kerajaan untuk memastikan dan melumpuhkan gerakan itu.

Keduanya, ada sekumpulan yang tidak bersetuju dengan Akta Pencegahan Jenayah ini kerana kononnya untuk memperjuangkan hak asasi manusia. Jadi yang mana satu yang kita hendak perjuangkan hak asasi manusia ini? Kita hendak jaga yang dikatakan lebih kurang 400,000 orang penjenayah atau pun 28 juta rakyat Malaysia? [Tepuk] Mohon pandangan Yang Berhormat.

**Dato' Boon Som a/l Inong:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya pun lupa hendak sebut Orang Asli tadi. Kita pun ada Orang Asli juga ya. *[Ketawa]* Jadi kita pun lihat di Dewan ini pun kita bagi saksama kepada semua rakyat, mewakili rakyat, Siam ada, Orang Asli ada dan masyarakat India ada.

Jadi saya amat bersetujulah. Sebenarnya, *grand design* ini saya baca banyaklah. Satu daripadanya adalah untuk melumpuhkan keselamatan negara seperti pihak polis dan sebagainya yang menjaga keselamatan negara. Kedua, melemahkan Suruhanjaya Pilihan Raya supaya menghilangkan keyakinan rakyat terhadap Suruhanjaya Pilihan Raya. Selepas itu yang ketiga adalah supaya undang-undang tegas ini tidak diadakan supaya mereka senang membuat huru-hara. Jadi tiada kuasa kepada pihak keselamatan untuk mengambil tindakan. Sebab apa? Kalaulah kita adakan satu perbincangan, ia akan mengambil masa yang lama. Jadi mereka ada peluang.

**Tuan Saiful Izhah bin Ramli:** Terima kasih Yang Berhormat. Ada beberapa persoalan yang ingin saya tanya. Pertama tadi Yang Berhormat ada menyentuh tentang undang-undang di Selatan Thailand. Kalau tidak silap saya undang-undang itu hanya diamalkan di lima wilayah Selatan Thailand yang melibatkan tentang gerakan pemisah di Thailand dan tidak ada kena-mengena dengan usaha ekonomi. Itu mungkin baru datang sepintas lalu tadi. Ini kerana itu yang saya belajarlah undang-undang di Thailand.

Kedua, tadi tentang *grand design* menarik perhatian saya apabila Yang Berhormat menyentuh tentang cubaan menggagalkan SPR dan sebagainya. Saya ingin tanya Yang Berhormat, adakah kedudukan undang-undang jenayah yang ada sekarang ini terlalu lemah sehingga kita tidak mampu untuk menangkap penjenayah dan kita perlukan undang-undang seperti ini yang tidak memerlukan perbincangan untuk kita menangkap penjenayah?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, masa kita sekarang menunjukkan 7.30 malam. Yang Berhormat Dato' Boon Som, masih banyak lagiakah Yang Berhormat?

**Dato' Boon Som a/l Inong:** Ada sedikit lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sedikit itu berapa banyak?

**Dato' Boon Som a/l Inong:** Sambung esok.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sambung esok ya, okey.

**Dato' Boon Som a/l Inong:** *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Khamis, 10 Oktober 2013.

***[Dewan ditangguhkan pada pukul 7.30 malam]***